

BAB 3

KERANGKA TEORI DAN METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kerangka teori dan metodologi kajian . Perbincangan kerangka teori memaparkan aspek-aspek teori yang digunakan sebagai panduan dalam analisis pembentukan kata yang dikaji . Perbincangan yang kedua pula adalah mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini .

3.1 KERANGKA TEORI

Aspek teori yang dibincangkan ialah wazan , pembentukan kata , kata kerja , *damīr* (kata ganti nama diri) dan *ishtiqaq* (derivasi) .

3.1.1 Wazan

Bahagian ini membentangkan secara ringkas konsep wazan yang menjadi asas kepada kajian ini . Para sarjana bahasa Arab telah menggunakan dasar wazan untuk menganalisis setiap kata dalam bahasa mereka . Hal ini diperlakukan sehingga tidak perlu diadakan golongan perkataan dalam bahasa Arab , hanya cukup dengan merujuk kepada bentuk wazan sahaja (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy . 1978 : 21 , Muḥammad Mubārak . 1975 : 127)). Ia adalah selari dengan teori ahli linguistik

barat yaitu Matthews (1965 ,1 : 268-269) . Menurut teori Matthews ada tiga method utama untuk mendeskripsikan morfologi yaitu :

- a) Item dan atur (Item and arrangement = IA)
- b) Item dan Proses (Item and Process = IP)
- c) Paradigma Kata (Word and Paradigm = WP)

Antara ketiga-tiga method yang dikemukakan oleh Matthews , hanya method WP sahaja yang sesuai untuk mendeskripsikan bahasa-bahasa infleksi seperti bahasa Arab .

Kebanyakan kata dalam bahasa Arab merujuk kepada wazan 'aṣliyy atau paradigma yang terbentuk daripada morfem فَعَلَ <fa'ala >. Paradigma ini lebih dikenali sebagai الوَزْنُ // wazn // atau مِقْيَاس // miqyās // dan مِثَال // mithāl // dalam kalangan para sarjana silam (Muḥammad 'Abdul Ghaniy al-Miṣriy,1989 : 25).

Ahli-ahli linguistik terkemuka Arab seperti Sībawayh m 180 H (1982 : 279) , al-Mubarrid m 285 H (1963 : 71) , al-Māziniy m 249 H (1884) , Ibn Jinniy m 392 H (1954 : 17) bersepakat mengatakan bahawa kebanyakan kata kerja dalam bahasa Arab berbentuk *thulāthiy* dan terdiri dari tiga huruf konsonan yang merupakan akarnya. Kemudian diikuti dengan kata kerja *rubā'iy mujarrad* yaitu empat huruf konsonan yang merupakan akarnya seperti kata kerja فَتَحَ // fataḥa // (membuka) akar katanya terdiri dari tiga konsonan yaitu ف ت ح , kata kerja كَتَبَ // kataba // (menulis) akar katanya terdiri dari tiga konsonan yaitu ك ت ب , kata kerja نَصَرَ // naṣara // (menolong) akar katanya terdiri dari tiga konsonan yaitu ن ص ر dan kata kerja دَخَرَ // daḥraja // akarnya terdiri dari empat konsonan yaitu د خ ر ج .

Sībawayh m 180 H (1982 : 279) dalam “*al-Kitāb*” dan turut diikuti oleh al-Mubarrid m 285 H (1963 : 71) dan Zamakhshariy m 538H (t.t) membahagikan kata kerja *thulāthiy mujarrad* kepada tiga bentuk wazan ‘*asliy* iaitu فَعَلَ <fa‘ala> , فَعِلَ <fa‘ila> dan فَعُلَ <fa‘ula> .

Kajian al-Māziniy (m 249 H) dan Ibn Jinniy (m 392 H) kemudiannya memperkenalkan dua katagori bagi kata kerja *thulāthiy mujarrad* iaitu kata kerja aktif (*mabniy lilfā‘il*) dan kata kerja pasif (*mabniy limaf‘ūl*) . Kata kerja aktif terdiri daripada tiga bentuk wazan iaitu فَعَلَ <fa‘ala> , فَعِلَ <fa‘ila> dan فَعُلَ <fa‘ula> seperti ضَرَبَ // *ḍaraba* // , شَرِبَ // *shariba* // , كَرُمَ // *karuma* // . Sedangkan kata kerja pasif pula terdiri daripada satu bentuk wazan sahaja iaitu فُعِلَ <fu‘ila> seperti كُتِبَ // *kutiba* // . Manakala kata kerja *rubā‘iy mujarrad* pula terdiri dari satu wazan sahaja iaitu فَعَّلَ <fa‘lala> seperti نَحَرَاجَ // *dahraja* // .

Bagi menerangkan pola kata kerja , para sarjana bahasa menggunakan konsonan kata kerja فَعَلَ <fa‘ala> (*berbuat/mengerjakan*) sebagai neraca asas yang menjadi alat penimbang kepada semua kata bahasa Arab . Morfem فَعَلَ <fa‘ala> tersebut terdiri dari tiga fonem iaitu tiga suku kata yang terbentuk daripada tiga huruf akar (أصلي) iaitu *fā’* // الفَاء // , *ain* // العَيْن // dan *lām* // اللام // (Muḥammad ‘Abdul Ghaniy al- Miṣriy , 1989 : 25) . Huruf akar adalah huruf yang mendukung makna suatu kata .Jika ia digugurkan akan merosakan struktur dan makna kata tersebut (‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy , 1973 : 148) .

Setiap fonem dalam neraca tersebut menjadi acuan untuk menyamai atau mengimbangi setiap bilangan fonem dalam struktur kata mengikut tertib atau perubahan. Menurut neraca ini, huruf *fā'* menggambarkan akar pertama, huruf *'ain* akar kedua dan huruf *lām* akar ketiga. Huruf akar pertama dan akar akhir berharakah *fathah*, sedangkan akar kedua / tengah boleh berharakah *fathah*, atau *kasrah* atau *ḍammah* seperti ditunjuk pada kata kerja ضَرَبَ // *ḍaraba* // dimana dalam huruf *ḍā'* (الضَّاد) mewakili huruf *fā'* // الفَاء // pada wazan فَعَلَ < *fa'ala* >. Huruf *rā'* (الرَّاء) pula mewakili huruf *'ain* // العَيْن // pada wazan فَعَلَ < *fa'ala* >. Manakala huruf *ba'* (البَاء) mewakili huruf *lām* // اللام // pada wazan فَعَلَ < *fa'ala* >.

Harakah (الشَّكْلُ وَالْحَرَكَةُ) merupakan elemen penting dalam pembentukan kata bahasa Arab. Harakah bagi setiap huruf dalam susunan kata bahasa Arab terdiri daripada tiga jenis iaitu الفتحة // *fathah* //, الضمة // *ḍammah* // dan الكسرة // *kasrah* // (Maḥyuddin Ramaḍān (1979 : 203). Sementara huruf tak bersuara dikenali sebagai *sukūn* // السكون // juga disamakan dengan harakah ('Amīn 'Alīy al-Sayyid , 1972 : 14).

Dalam proses pembentukan kata berdasarkan *al-Mizān al-Ṣarfīy*, tanda-tanda harakah tersebut dan susunan huruf akar pada kata *al-mawzūn* itu mestilah sama dengan tanda-tanda harakah dan susunan huruf pada wazan *'aṣliy* ('Amīn 'Alīy al-Sayyid , 1972 : 8) seperti : KK كَتَبَ // *kataba* // adalah wazan فَعَلَ < *fa'ala* >, KK كَرُمَ // *karuma* // adalah wazan فَعُلَ < *fa'ula* > dan KK رَحِمَ // *raḥima* // adalah wazan فَعِلَ < *fa'ila* > .

Imbuhan huruf juga kadang kala turut berlaku pada wazan 'aṣliyy apabila imbuhan huruf yang sama berlaku pada kata *al-mawzūn*. Khadījah al-Ḥadīthiy (1965: 93,94) dalam kajiannya membahagikan imbuhan huruf kepada dua kategori iaitu Pertama, *muḍa'af* (pengulangan huruf) iaitu imbuhan huruf yang sama jenis dengan huruf kata akar. Imbuhan jenis ini akan turut melibatkan *muḍa'af* pada wazan kata tersebut seperti KK عَلم // 'allama //, KK قَطَّع // qaṭṭa'a // adalah wazan فَعَّلَ < fa'ala > dan KK نَخْرَجَ // daḥraja // adalah wazan فَعَّلَ < fa'lala >. Kedua, imbuhan salah satu atau lebih daripada huruf (سَأَلْتُمُونِيهَا) juga turut melibatkan imbuhan huruf yang sama berlaku pada wazan kata tersebut seperti KK أَشْرَفَ // 'ashrafa // adalah wazan أَنْفَعَلَ < af'ala >, KK انْطَلَقَ // inṭalaqa // adalah wazan أَنْفَعَلَ < infa'ala >, KK قَاوَمَ // qāwama // adalah wazan فَاعَلَ < fā'ala > dan, KK تَعَلَّمَ // ta'allama // adalah wazan تَفَعَّلَ < tafa'ala >.

Penukaran huruf dan pengalihan harakah sering berlaku dalam proses pembentukan kata bahasa Arab terutama kata yang susunan huruf akarnya terlibat dengan huruf 'illah. Proses tersebut dikenali dikalangan sarjana Arab sebagai proses إِغْلَال // i'lāl // . 'Amīn 'Aliy al-Sayyid (1972 : 14) dalam kajiannya merumuskan bahawa setiap penukaran huruf akar dan pengalihan harakah huruf akar pada kata *al-mawzūn* tidak melibatkan penukaran huruf dan pengalihan harakah yang sama pada wazan kata berkenaan, Huruf dan harakah pada wazan tersebut dikekalkan sebagaimana asalnya. Justeru, perbezaan yang ketara dapat dilihat antara wazan 'aṣliyy dan kata *al-mawzūn* seperti KK باع // bā'a // ,

KK دَار // *dāra* // (pola asalnya ialah دَوْر // *dawara* //), KK دَعَا // *da'ā* // (pola asalnya ialah دَعَا // *da'awa* //), KK رَمَى // *ramā* // (pola asalnya ialah رَمَى // *ramaya* // adalah wazan فَعَلَ < *fa'ala* > dan KK يَقُولُ // *yaqūlu* // (pola asalnya ialah يَقُولُ // *yaqwuḷu* //) adalah wazan يَفْعُلُ < *yaf'ulu* > , KK يَبِيعُ // *yabī'u* // (pola asalnya ialah يَبِيعُ // *yabyi'u* //) adalah wazan يَفْعِلُ < *yaf'ilu* > .

Riḍa'uddin (1982 : 1 : 18) dan Tammām Ḥassān (t.t : 145) pula membolehkan penukaran huruf dan pengalihan harakah pada wazan disebabkan berlaku pertukaran huruf akar dan pengalihan harakah atau imbuhan pada kata dasar *al-mawzūn* seperti KK باع // *bā'a* // , KK دَار // *dāra* // adalah wazan فَانَ < *fāna* > , KK دَعَا // *da'ā* // , KK رَمَى // *ramā* // adalah wazan فَعَى < *fa'ā* > , KK قُل // *qul* // adalah wazan فُل < *ful* > KK بِع // *bi'* // adalah wazan فِل < *fil* > , KK إِذْهَرَ // *izdahara* // adalah wazan إَفْعَلَ < *ifda'ala* > dan KK اضْطَرَبَ // *iḍṭaraba* // adalah wazan إَفْطَعَلَ < *ifta'ala* > .

Fakhruddin Qabāwat (1988 : 17) berpendapat bahawa wazan *'asliy* hanya akan mengalami perubahan apabila berlaku pengimbuhan dan pengguguran samada pada huruf akar atau huruf imbuhan pada kata *al-mawzūn* seperti KK انْطَلَقَ // *inṭalaqa* // adalah wazan اِنْفَعَلَ < *infa'ala* > , KK قَطَعَ // *qaṭṭa'a* // adalah wazan فَعَلَ < *fa'ala* > , KK قُل // *qul* // adalah wazan فُل < *ful* > , KK بِع // *bi'* // adalah wazan فِل < *fil* > , KK صِيفَ // *ṣif* // adalah wazan عِل < *'il* > dan KK قِ // *qi* // adalah wazan ع < *'i* > .

Beliau seterusnya menegaskan bahawa *إبدال* // *ibdāl* // tidak memberi sebarang kesan pada wazan 'asliy. *Ibdāl* yang dimaksudkan ialah penukaran huruf asal , pengulangan huruf asal , penukaran huruf gantian daripada asal , penukaran huruf konsonon tambahan seperti : KK باع // *bā'a* // adalah wazan فَعَلَ < *fa'ala* > , KK شَدَّد // *shadda* // adalah wazan فَعَّلَ < *fa''ala* > , KK اضْطَرَّب // *iḍṭaraba* // adalah wazan اِفْتَعَلَ < *ifta'ala* > . Beliau kemudiannya menambah , proses 'ilāl juga tidak memberi kesan pada wazan 'asliy apabila huruf 'illah tersebut merupakan huruf akar kata seperti KK طَالَ (pola asalnya ialah طَوْل // *tawula* //) adalah wazan فَعَلَ < *fa'ala* > , KK يَخْتَارُ // *yakhtāru* // (pola asalnya ialah يَخْتَيْرُ // *yakhtayiru* //) adalah wazan يَفْتَعِلُ < *yafta'ilu* > . Sebaliknya jika proses 'ilāl berlaku pada huruf 'illah tambahan maka proses 'ilāl tersebut turut memberi kesan pada wazan 'asliy seperti KK حُوصِرَ // *hūṣira* // dan KK قَوَّيْلَ // *qūtila* // adalah wazan فُوعِلَ < *fū'ila* >

3.1.1.1 Sebab-sebab Pemilihan Pola فَعَلَ < *Fa'ala* >

Menurut Khadījah al-Ḥadīthiy (1965 : 88) , antara sebab para sarjana morfologi memilih huruf // *fā'* // , // 'ain // dan // *lām* // (فَعَلَ) sebagai neraca timbangan yang menjadi asas kepada sistem *al-mīzān al-ṣarfiy* tersebut ialah kerana :

- i. Kebanyakan kata dalam bahasa Arab terdiri daripada tiga huruf asal .
- ii. Makna pola فعل < *fa'ala* > lebih umum dan menunjukkan makna “perbuatan” dan “kejadian “ sesuatu peristiwa, sesuai dengan kebanyakan bentuk kata dalam bahasa Arab yang menunjukkan makna perbuatan .
- iii. Terbentuk daripada huruf konsonon dan bebas daripada sebarang pengguguran , penukaran dan penggantian huruf sebagaimana berlaku pada huruf *'illah* .
- iv. Dari segi fonetik , *makhraj* (tempat keluar huruf) tiga huruf dalam pola tersebut terkandung dalam tiga komponen utama pertuturan. Pertama , *makhraj shafahi* (الشفه) diwakili oleh huruf // *fā* ' // yang keluar dari dua bibir . Kedua , *makhraj ḥalq* (الحلق) diwakili oleh huruf // *'ain* // yang keluar dari ruang tengkorok . Ketiga *makhraj lisān* (اللسان) diwakili oleh huruf // *lām* // yang keluar dari hujung lidah .

3.1.1.2 Bentuk-bentuk Wazan Kata kerja

Wazan-wazan kata kerja yang terdapat dalam bahasa Arab boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu wazan *kata kerja mujarrad* dan wazan *kata kerja mazīd*. Kata kerja *mujarrad* adalah kata yang tidak menerima sebarang imbuhan pada kata akarnya, manakala kata kerja *mazīd* pula adalah kata yang menerima imbuhan pada kata akarnya. Kedua-dua jenis wazan ini mempunyai beberapa subgolongan di bawahnya. Tiap-tiap subgolongan tersebut mempunyai bentuk dan tanda –tanda bacaan dan harakah mengikut wazan yang telah ditetapkan oleh penutur jati bahasa Arab.

Ahli morfologi dan para sarjana bahasa Arab seperti Şubḥiy Şāleh (1981 : 333) telah menegaskan bahawa semua wazan kata kerja dalam bahasa Arab boleh dikumpul dan dihitungkan. Mengikut beliau jumlah keseluruhan wazan kata kerja yang masih produktif tidak melebihi 20 jenis wazan sahaja termasuk kata kerja *mujarrad* dan kata kerja *mazīd*.

1. Wazan Kata kerja *Mujarrad* (أَوْزَانُ الْأَفْعَالِ الْمُجَرَّدَةِ)

Wazan kata kerja *mujarrad* terbahagi kepada dua kategori iaitu wazan *kata kerja thulāthiy mujarrad* dan wazan *kata kerja rubā'iy mujarrad*.

a) Wazan kata kerja *Thulāthiy Mujarrad*

Kata kerja *thulāthiy mujarrad* terdiri daripada dua katagori iaitu kata kerja aktif (*mabni lilfā'il*) dan kata kerja pasif (*mabni limaf'ul*) . Kata kerja aktif mempunyai tiga bentuk wazan teras iaitu iaitu فَعَلَ <fa'ala> , فَعِلَ <fa'ila> dan فَعُلَ <fa'ula> seperti ضَرَبَ // *daraba* // , شَرِبَ // *shariba* // , كَرُمَ // *karuma* // . Manakala kata kerja pasif pula terdiri daripada satu bentuk wazan sahaja iaitu فُعِلَ <fu'ila> seperti كُتِبَ // *kutiba* // .

Tammām Ḥassān (1985 : 137) dalam kajiannya menegaskan bahawa kata kerja aktif *thulāthiy mujarrad* bagi kala lepas mempunyai tiga wazan teras sahaja iaitu فَعَلَ <fa'ala> , فَعِلَ <fa'ila> dan فَعُلَ <fa'ula> . Tetapi apabila merujuk kepada kata kerja kala kini yang diambil dari kata kerja kala lepas tersebut , maka wujud enam subsistem wazan yang lebih kecil bagi kata kerja kala lepas iaitu :

1. فَعَلَ <fa'ala> = يَفْعُلُ <yaf'ulu> ,
2. فَعَلَ <fa'ala> = يَفْعِلُ <yaf'ilu> ,
3. فَعَلَ <fa'ala> = يَفْعَلُ <yaf'alu> ,
4. فَعِلَ <fa'ila> = يَفْعَلُ <yaf'alu> ,
5. فَعِلَ <fa'ila> = يَفْعِلُ <yaf'ilu> ,
6. فَعُلَ <fa'ula> = يَفْعُلُ <yaf'ulu> .

Contoh 3 : فَعَلَ < fa'ala > → يَفْعَلُ < yaf'alu >

Kata kerja Kala Lepas

ذَهَبَ // dharaba //

سَأَلَ // sa 'ala //

وَقَعَ // waqa'a //

رَعَى // ra 'āl //

Kata kerja Kala Kini

يَذْهَبُ // yadhribu //

يَسْأَلُ // yas 'alu //

يَقَعُ // yaqa 'u //

يُرْعَى // yar 'ā //

Contoh 4 : فَعِلَ < fa'ila > → يَفْعَلُ < yaf'alu >

Kata kerja Kala Lepas

فَرِحَ // fariha //

عَلِمَ // 'alima //

خَافَ // khāfa //

بَقِيَ // baqiya //

Kata kerja Kala Kini

يَفْرَحُ // yafrahu //

يَعْلَمُ // ya 'lamu //

يَخَافُ // yakhāfu //

يَبْقَى // yabqāl //

Contoh 5 : فَعِلَ < fa'ila > → يَفْعِلُ < yaf'ilu >

Kata kerja Kala Lepas

حَسِبَ // hasiba //

نَعِمَ // na'ima //

وَرِثَ // waritha //

وَرِمَ // warima //

Kata kerja Kala Kini

يَحْسِبُ // yahsibu //

يَنْعِمُ // yan'imu //

يَرِثُ // yarithu //

يَرِمُ // yarimu //

'Abū Ḥanīfah m 150H (1940 : 16) pula dalam kajiannya membahagikan wazan 'aşliyy فَعْلَل < fa'lala > tersebut kepada enam kategori tambahan dinamakan *mulhaq lil rubā'iy mujarrad* iaitu فَوَعَل < faw'ala > seperti حَوَقَل , فَعْوَل < fa'wala > seperti جَهْوَر , فَيْعَل < fai'ala > seperti بَيْطَرَ , فَعْلَل < fa'yala > seperti عَثِير , فَعْلَى < fa'lā > seperti سَلَقَى dan فَعْلَل < fa'lala > seperti جَلَبَب . Kesemuanya berasal daripada kata dasar *thulāthiy mujarrad* yang ditambah satu huruf pada kata dasarnya meyerupai wazan *rubā'iy mujarrad* iaitu فَعْلَل < fa'lala >.

Terdapat sebahagian kata kerja yang dicipta oleh penduduk komuniti jati Arab menggunakan wazan فَعْلَل < fa'lala > melalui proses *al-Naḥṭ* (النَّحْطُ) untuk menyatakan maksud tertentu daripada satu klausa , frasa atau ayat dalam bentuk kata *mufrad* (tunggal). Kata kerja tersebut adalah *samā'iy* dan tidak boleh *dīqiyās* sebaliknya terhad kepada hafalan dan nukilan daripada penutur asli Arab (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt , 1994 : 37-38) seperti contoh di bawah :

<u>Wazan</u>	<u>Ungkapan</u>
1. <u>بَسْمَل</u> // <i>bas mala</i> //	daripada : بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
2. <u>حَوَقَل</u> // <i>ḥawqala</i> //	daripada : لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ
3. <u>حَمَدَل</u> // <i>ḥamdala</i> //	daripada : الْحَمْدُ لِلّٰهِ
4. <u>دَمَعَز</u> // <i>dam'aza</i> //	daripada : أَدَامَ اللّٰهُ عِزَّكَ

2. Wazan Kata kerja *Mazīd* (أَوْزَانُ الْأَفْعَالِ الْمَزِيدَةِ)

Wazan kata kerja *mazīd* terbagi kepada dua golongan berdasarkan jumlah huruf asal yang menerima huruf penambah iaitu kata kerja *thulāthiy mazīd* dan kata kerja *rubā'iy mazīd* (Riḍa' uddin , 1982 : 67 ,113). Tiap-tiap satunya mempunyai beberapa subgolongan di bawahnya . Zamakhshariy 538H (t.t : 277) membataskan kata kerja *mazīd* kepada 25 wazan dan membahagikannya kepada tiga kategori iaitu : Pertama : *mulhaq* dengan kata kerja *rubā'iy mujarrad* dan dibahagi kepada tiga jenis iaitu , 1. *Mulhaq* dengan wazan دَخْرَجَ // *dahraja* // seperti شَمَلَّ , حَوْقَلَ , بَيَطَرَ , جَمَهَرَ , قَلَسَى dan قَلَسَى 2. *mulhaq* dengan wazan تَدَخْرَجَ // *tadahraja* // seperti تَكَلَّمَ , تَعَاْفَلَ , تَمَسَّكَ , تَرَهَوَكَ , تَشَيَّطَنَ , تَجَوَّرَبَ , تَجَلَّبَبَ dan 3.. *mulhaq* dengan wazan اِحْرَنْجَمَ // *ihranjama* // seperti اِسْتَنْقَى , اِفْعَنْسَسَ . Kedua : menyamai dengan wazan kata kerja *rubā'iy mujarrad* tetapi bukan *mulhaq* seperti اُخْرَجَ , جَرَّبَ , قَاتَلَ . Ketiga , bukan menyamai wazan *rubā'iy mujarrad* dan tidak *mulhaq* seperti اِعْلَوَطَ , اِغْدَوَدَنَّ , اَشْهَبَ , اِشْهَابَ , اِسْتَخْرَجَ , اِفْتَدَرَ , اِنطَلَقَ .

'Abū Ḥanīfah m 150H (1940 : 16) pula menganggarkan 14 wazan bagi kata kerja *thulāthiy mazīd* mengikut tiga kategori . Pertama : kategori empat huruf yang ia terdiri daripada tiga wazan iaitu أَفْعَل < *af'ala* > seperti اُكْرَمَ , فَاعَل < *fa'ala* > seperti اِنْقَطَعَ dan خَرَجَ dan فَاعَل < *fā'ala* > seperti قَاتَلَ) . Kedua : kategori lima huruf yang terdiri dari lima wazan iaitu اِنْفَعَل < *infa'ala* > seperti اِنْقَطَعَ , اِفْتَعَل < *ifta'ala* > seperti اِحْمَرَّ , اِفْعَل < *if'alla* > seperti اِحْمَرَّ , اِفْتَعَل

< *tafa'ala* > seperti *تَكَسَّرَ* dan *تَفَاعَلَ* < *tafā'ala* > seperti *تَبَاعَدَ* . Ketiga : kategori enam huruf yang terdiri daripada enam wazan iaitu *اِسْتَفْعَلَ* < *istaf'ala* > seperti *اِسْتَغْفَرَ* , *اِفْعَوْعَلَ* < *ifaw'ala* > seperti *اِعْشَوْشَبَ* , *اِفْعَوَّلَ* < *if'awwala* > seperti *اِجْلَوَدَ* , *اِفْعَنْلَلَ* < *if'anlala* > seperti *اِفْعَنْسَسَ* , *اِفْعَنْلَى* < *if'anlā* > seperti *اِسْلَنْقَى* dan , *اِفْعَالًا* < *if'ālla* > seperti *اِحْمَارًا* .

Kata bahasa Arab samada *mujarrad* atau *mazīd* boleh menerbitkan beberapa pecahan besar yang ada hubungan huruf dan makna . Wazan yang terdapat dalam setiap kata kerja kala lampau, kala kini dan kata kerja perintah , kata *maṣdar* , *ism fā'il* , *ism maf'ūl* dibentuk melalui morfem dasar dari kata kerja kala lampau (Mahdiy al-Makhzūmiy ,1986 : 115). Pengimbuhan huruf yang terdapat pada kata kerja kala lampau, kala kini dan kata kerja perintah , kata *maṣdar* , *ism fā'il* , *ism maf'ūl* adalah sama kerana melalui satu lingkungan sistem yang sama (Muḥammad Mubārak , 1975 : 677) .Jadual berikut adalah senarai wazan kata kerja kala lepas dan tiap-tiap satu subgolongannya dalam sistem yang sama .

Jadual 3.1 : Wazan kata kerja kala Lepas dan subgolongannya

Bil		Kata kerja Kala lepas	Kata kerja Kala kini	Kata kerja perintah	<i>Maşdar</i>	<i>Ism fā' l</i>	<i>Ism maf'ūl</i>
1	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	فَعَلَ فَعِلَ فُعِلَ	يَفْعَلُ يَفْعِلُ يَفْعُلُ	أَفْعُلْ إفْعَلْ إفْعِلْ	Samā'i	فَاعِلٌ	مُفْعُولٌ
2	<i>Thulāthiy mazid</i>	أَفْعَلَّ	يُفْعِلُّ	أَفْعِلْ	إِفْعَالٌ	مُفْعِلٌ	مُفْعَلٌ
3		فَعَّلَ	يُفَعِّلُ	فَعَّلْ	تَفْعِيلٌ تَفْعِلةٌ	مُفَعِّلٌ	مُفَعَّلٌ
4		فَاعَلَ	يُفَاعِلُ	فَاعِلْ	مُفَاعِلةٌ فِعَالٌ	مُفَاعِلٌ	مُفَاعَلٌ
5		تَفَاعَلَ	يَتَفَاعَلُ	تَفَاعَلْ	تَفَاعُلٌ	مُتَفَاعِلٌ	مُتَفَاعَلٌ
6		إِفْتَعَلَ	يُفْتَعِلُ	إِفْتَعِلْ	إِفْتِعَالٌ	مُفْتَعِلٌ	مُفْتَعَلٌ
7		تَفَعَّلَ	يَتَفَعَّلُ	تَفَعَّلْ	تَفَعُّلٌ	مُتَفَعِّلٌ	مُتَفَعَّلٌ
8		إِنْفَعَلَ	يَنْفَعِلُ	إِنْفَعِلْ	إِنْفِعَالٌ	مُنْفَعِلٌ	مُنْفَعَلٌ
9		إِفْعَلَّ	يَفْعَلُّ	إِفْعَلْ	إِفْعَالٌ	مُفْعَلٌ	مُفْعَلٌ
10		إِسْتَفْعَلَ	يَسْتَفْعِلُ	إِسْتَفْعِلْ	إِسْتِفْعَالٌ	مُسْتَفْعِلٌ	مُسْتَفْعَلٌ
11		إِفْعَوْعَلَ	يَفْعَوْعِلُ	إِفْعَوْعِلْ		مُفْعَوْعِلٌ	مُفْعَوْعَلٌ
12		إِفْعَوَّلَ	يَفْعَوَّلُ	إِفْعَوَّلْ		مُفْعَوَّلٌ	مُفْعَوَّلٌ
13		إِفْعَالَّ	يَفْعَالُّ	إِفْعَالْ		مُفْعَالٌ	مُفْعَالٌ

Bil		Kata kerja Kala lepas	Kata kerja Kala kini	Kata kerja perintah	<i>Maṣdar</i>	<i>Ism fā'īl</i>	<i>Ism maf'ūl</i>
14	<i>Rubā'iy mujarrad</i>	فَعَّلَ	يُفَعِّلُ	فَعِّلْ	فِعْلًا فَعْلَةٌ	مُفَعِّلٌ	مُفَعَّلٌ
15	<i>Rubā'iy mazīd</i>	تَفَعَّلَ	يَتَفَعَّلُ	تَفَعَّلْ	تَفَعُّلٌ	مُتَفَعِّلٌ	مُتَفَعَّلٌ
16		أَفَعَّلَ	يُفَعِّلُ	أَفَعِّلْ	أَفْعَالٌ	مُفَعِّلٌ	مُفَعَّلٌ
17		أَفْعَلَّ	يُفَعِّلُ	أَفْعِلْ		مُفَعِّلٌ	مُفَعَّلٌ

3.1.2 *Shādh* (شاذ)

Kata bahasa Arab mempunyai peraturan –peraturan tertentu sebagai panduan kepada ahli-ahlinya menggunakan bahasa yang baik dan betul . Peraturan –peraturan itu mewakili satu persetujuan umum di kalangan penutur asli komuniti berkenaan . Persetujuan ini tidaklah bermaksud bahawa semua ahli dalam komuniti asli itu harus mengikuti peraturan –peraturan tersebut . Malah kadang kala terdapat ahli komuniti asli menggunakan kata yang keluar daripada peraturan – peraturan yang dipersetujui itu . Pelanggaran seumpama ini dikenali dalam kalangan pakar bahasa sebagai *shādh* yang bermaksud *kejanggalan* kerana telah terkeluar daripada peraturan bahasa dan *qiyās* yang disepakati itu. Sungguh pun begitu kejanggalan ini tidaklah dianggap

salah kerana ia lahir daripada penutur asli Arab yang mempunyai keaslian bahasa . Sebaliknya jika ia lahir dari bukan penutur asli , maka kejanggalan itu dikira salah dan melanggar peraturan bahasa . Muḥammad ‘Aliy al-Khūliy (2000) dalam “ A Dictionary Of Theoretikal Linguistics : English – Arabic telah medefinisikan *shādh* sebagai :

خُرُوجٌ عَنِ الْقَاعِدَةِ اللَّغَوِيَّةِ وَمُخَالَفَةُ الْقِيَاسِ

Penyimpangan dari kaedah-kaedah bahasa dan menyalahi qiyās .

Antara bentuk-bentuk kejanggalan kata yang dapat dikesan lahir daripada penutur asli Arab sebagaimana disebut oleh ‘Amīn ‘Aliy Sayyid (1972 : 18) ialah kata kerja اسْتَحْوَذَ seperti firman Allah Ta‘ala (اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ) (*qiyāsnya* ialah اسْتَحَادَ), kata kerja اسْتَنَوَقَ seperti peribahasa اسْتَنَوَقَ الْجِمْلُ (*qiyāsnya* ialah اسْتَنَاقَ الْجِمْلُ), kata kerja أَغْيَمْتُ dalam ungkapan أَغْيَمْتُ السَّمَاءَ إِغْيَامًا (*qiyāsnya* ialah أَغَامَتُ الْمَرْأَةَ إِغَامَةً), kata kerja أَغْيَلْتُ dalam ungkapan أَغْيَلْتُ الْمَرْأَةَ إِغْيَالًا (*qiyāsnya* ialah أَغَالَتُ الْمَرْأَةَ إِغَالَةً), dan *ism maf‘ūl* مَقْوُودٌ , مَصُونٌ , مَبْيُوعٌ , مَدْيُونٌ (*qiyāsnya* ialah مَقُودٌ , مَصُونٌ , مَبْيَعٌ , مَدْيِينٌ).

3.1.3 Pembentukan Kata

Pembentukan kata adalah salah satu bidang Morfologi . Unit – unit morfologi dalam pembentukan kata boleh dibahagi kepada dua iaitu morfem dan kata . Istilah morfem dan kata adalah berbeza dari segi fungsi dan konsep. Morfem adalah unit yang paling kecil dalam bahasa yang membawa makna dan fungsi nahu . Sekiranya kata tidak boleh dipecahkan kepada unit bermakna atau nahu yang lebih kecil, maka kata-kata ini terdiri daripada satu unit atau satu morfem seperti **عَفَرَ** tidak akan berfungsi dan memberi makna jika dipecahkan kepada **عَفَ** dan **رَ** . Sebaliknya, kata **إِسْتَعْفَرَ** boleh dipecahkan kepada dua morfem, iaitu **إِسْت** dan **عَفَرَ** .

Manakala kata pula adalah bentuk bebas yang terkecil yang mempunyai kesatuan untuk wujud sebagai bentuk bebas sebagai sebuah ayat yang terdiri dari satu kata (Abdullah Hassan , 1989 : 107) . Pengertian kata tersebut seiring dengan pengertian kata menurut Ibn Mālik iaitu **كَلَامُنَا لَفْظٌ مُّفِيدٌ كَأَسْتَقِيمُ** . Beliau menyatakan bahawa kata itu adalah satu lafaz yang memberi makna yang lengkap (dipetik daripada Ibn ‘Aqīl , 1990 : 1 : 10)

Tumpuan dalam penggunaan bahasa adalah ayat . Ayat mempunyai unsur-unsur klausa , frasa dan kata . Apabila kita meneliti sesuatu ayat sebenarnya kita meneliti pembentukan unsur-unsur tersebut . Justeru , kita akan lihat peranan unsur kata dalam pembentukan ayat (Asmah Omar , 2008 : 5) . Jadual dibawah ini menggambarkan satu skema yang boleh menerangkan urutan tatatingkat dalam pembentukan ayat .

Jadual 3.2 : Tatatingkat unit bahasa

Urutan Tingkat	Unit Bahasa
1	Ayat
2	Klausa
3	Frasa
4	Kata
5	Morfem

Dari skema di atas dapat dilihat bahawa ayat menduduki peringkat yang paling atas dan unit nahu yang paling besar, kita juga dapat melihat bahawa morfem yang merupakan unsur bagi kata menempati peringkat yang paling bawah dan merupakan unit nahu yang paling kecil. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memberi tumpuan kepada pembentukan kata kerja dalam peringkat keempat dan kelima sahaja kerana kedua-duanya ada kaitan dengan bidang morfologi. Untuk memperincikan maksud morfem, perhatikan contoh berikut :

- i. خَرَجَ (perbuatan *keluar* orang atau benda)
- ii. أَخْرَجَ (Perbuatan *mengeluarkan* sesuatu benda atau orang atau haiwan)
- iii. خَرَجَ (perbuatan *mengeluarkan sesuatu* benda atau orang dengan berulang kali dan bersungguh-sungguh)
- iv. تَخَرَّجَ (Perbuatan *keluar* dilakukan melalui proses yang panjang dan memerlukan kesungguhan dan pengorbanan)
- v. اسْتَخْرَجَ (Minta keluar orang atau benda)

Dalam contoh (i) hingga (v) kata akar خَرَجَ terdapat dalam tiap-tiap satunya . Perbezaan makna antara tiap-tiap satunya terletak pada huruf-huruf penambah pada awalan dan sisipan tiap-tiap satunya dan ketiadaan huruf-huruf tersebut : ada awalan { ا - } pada (ii) dan pengulangan huruf rā' di sisipan { ر - } pada (iii) , awalan tā' { ت - } dan pengulangan rā' { ر - } di sisipan pada (iv) , awalan alif { ا - } , sīn { س - } dan tā' { ت - } pada (v) , dan ketiadaan awalan dan sisipan itu pada (i) .

Dari contoh di atas itu dapat dikeluarkan lima unsur dalam menghasilkan kata kerja tersebut iaitu / خَرَجَ / , / أ / , / رَ / , / رَ -- ت / , dan / است / . Tiap-tiap satunya boleh dinamakan sebagai *pengwujudan* yang dilihat membawa peranan yang berbeza . Dengan ini dikatakan bahawa tiap-tiap satu pengwujudan tersebut tidak boleh dipisahkan lagi dari kata kerja tersebut kerana ianya bersifat *mendukung makna* (Tammām Ḥassan ,1985 : 162) .

Dengan melihat analisis dari contoh-contoh di atas, bolehlah dirumuskan bahawa makna umum tiap-tiap satunya adalah sama iaitu dibentuk dari kata dasar خَرَجَ yang bermaksud *keluar* , tetapi makna tambahan hasil gabungan morfem *hamzah* / ا - / pada (ii) sebagai “ *meng-eluar-kan* sesuatu benda atau orang atau haiwan” , makna / رَ / pada (iii) sebagai “ *meng-eluar-kan* sesuatu dengan cara bersungguh-sungguh” , makna , / رَ -- ت / pada (iv) sebagai “ melalui proses yang panjang dan memerlukan kesungguhan dan pengorbanan” dan makna / است / pada (v) sebagai “minta”. Kaedah-kaedah yang sama boleh dilakukan dalam menentukan makna gabungan huruf penambah + kata akar pada kata kerja-kata kerja seperti اِرْتَدَّ , اِسْتَعْمَلَ , اِسْتَمَعَ , اِسْتَجَابَ , اَفْهَمَ , قَطَعَ , اِسْتَعْفَرَ .

Dalam kajian ini , ditampikan satu analisis pembentuk kata kerja dari sudut lingkungan morfologi yang merupakan asas kepada kajian , di samping aspek-aspek lain iaitu nahu dan leksikal secara sepintas lalu kerana pembentuk kata yang betul mengikut tanggapan penulis mesti memenuhi ketiga-tiga aspek tersebut .

Melihat fungsi nahuan pula , kata kerja ini boleh dibahagikan kepada kata kerja *lāzīm* , *muta‘addī*, *aktif* dan *pasif* (Ibn Jinniy , 1954 : 1 : 20) seperti yang terdapat dalam jadual ini :

Jadual 3.3 : Pembahagian kata kerja kepada *lāzīm* , *muta‘addī*, *aktif* dan *pasif*

Objek 3	Objek 2	Objek 1	Pelaku	Kata Kerja	Bil
		الدَّرْسُ		فُهِمَ	1
			عَلِيٌّ	جَلَسَ	2
		الدَّرْسَ	أَحْمَدُ	فُهِمَ	3
	نُقُوذًا	عَلِيًّا	مُحَمَّدُ	أُعْطِيَ	4
قَرِيبًا	الإِمْتِحَانَ	الطَّلَبَةَ	الْأُسْتَاذَ	أَعْلَمَ	5

3.1.3.1 Kata kerja *Muta‘addi*

Kata kerja *muta‘addi* adalah kata kerja yang menerima objek . Kata kerja *muta‘addi* ini boleh dibahagi kepada tiga subgolongan iaitu kata kerja *muta‘addi* ekatransitif (yakni dengan satu objek) , *muta‘addi* dwitransitif (yakni dengan dua objek) dan *muta‘addi* tritansitif (yakni dengan tiga objek) (al-Ḥamalāwiy , 1995 : 66). Secara tradisi , setiap kata kerja *muta‘addi* boleh dihubungi di akhirnya oleh *ḍamīr hā’* / هاء / dan seumpamanya yang mewakili objek sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Mālik dalam “ *alfiyatnya*” yang berbunyi :

عَلَامَةُ الْفِعْلِ الْمُعَدِّي أَنْ تَصِلَ = هَا غَيْرِ مَصْنَدٍ بِهِ نَحْوُ : عَمِلَ

Tanda kata kerja muta‘addi ialah bersambung huruf hā’ (هاء) yang bukan maṣḍar dengannya seperti kata kerja عَمِلَ
”

Ḍamīr tersebut boleh dianggap sebagai penanda penting yang dapat membezakan kata kerja *muta‘addi* dengan kata kerja *lāzim* seperti ungkapan (قَرَأْتُه) . Kebolehhadiran *ḍamīr* (هُ) di akhir kata kerja (قَرَأْتُه) tanpa merosakkan makna , menunjukkan bahawa kata kerja berkenaan dari golongan kata kerja *muta‘addi* .

Dengan kata lain , salah satu ukuran yang dapat digunakan untuk menentukan sama ada suatu kata kerja itu *muta'addi* atau tidak adalah dengan melihat sama ada kata kerja itu dapat menerima objek atau tidak . Objek bagi kata kerja *muta'addi* boleh terdiri daripada satu kata atau ayat seperti :

1. قَرَأْتُ الْكِتَابَ (*Saya telah membaca buku*)
2. أَخْبَرَنِي مُحَمَّدٌ الْخَيْرَ صَاحِبًا (*Muhammad memberitahu saya cerita benar*)

Kata-kata yang bergaris dan berhuruf condong itu merupakan objek yang terdiri dari satu kata dalam contoh (1) dan ayat dalam contoh (2) . Kebanyakan objek dari kata *muta'addi* dalam bahasa Arab termasuk dalam jenis ini . Di samping itu , ada sebilangan kecil sahaja kata kerja *muta'addi* mengambil kata separa ayat sebagai objek . Objek seperti ini lazimnya adalah objek ketiga yang dihasilkan oleh kata kerja *muta'addi tritransitif* kerana objek ketiga asalnya merupakan predikat bagi subjek seperti أَخْبَرْتُكَ مُحَمَّدًا فِي الْمَسْجِدِ (*saya memberitahu awak bahawa Muhammad berada di dalam masjid*) . Kata separa ayat “ فِي الْمَسْجِدِ ” dalam contoh tersebut adalah objek ketiga bagi kata kerja *muta'addi tritransitif* “ أَخْبَرْتُ ” . Contoh kata kerja dari golongan *muta'addi* ini adalah seperti berikut :

Contoh kata kerja *muta'addi* ekatransitif :

Jadual 3.4 : Kata kerja *muta'addi* ekatransitif

Objek 3	Objek 2	Objek 1	Pembuat /Pelaku	Kata Kerja	Bil
X	X	الأرز <i>Nasi</i>	مُحَمَّد <i>Muhammad</i>	أَكَلَ <i>makan</i>	1
X	X	الْخَبْرَ <i>berita</i>	الْمُدِيرُ <i>pengetua itu</i>	سَمِعَ <i>mendengar</i>	2
X	X	كِتَابًا <i>buku</i>	الطَّالِبُ <i>pelajar itu</i>	قَرَأَ <i>membaca</i>	3
X	X	الطَّعَامَ <i>makanan</i>	يُوسُفَ <i>Yusuf</i>	ذَاقَ <i>merasai</i>	4
X	X	الْجَيْشَ <i>tentera</i>	اللَّهُ <i>Allah</i>	نَصَرَ <i>menolong</i>	5

Contoh-contoh ayat 1 -5 dalam jadual di atas mempunyai satu objek yang mengikuti kata kerja أَكَلَ , سَمِعَ , قَرَأَ , ذَاقَ dan نَصَرَ . Tanpa objek, ayat tersebut tidak dianggap lengkap dan sempurna . Dengan ini boleh dikatakan bahawa kata kerja tersebut merupakan kata kerja *muta'addi* ekatransitif kerana memerlukan satu objek untuk membentuk ayat yang lengkap dan sempurna .

Contoh kata kerja *muta'addi* dwi transitif :

Jadual 3.5: Kata kerja *muta'addi* dwi transitif

Objek 3	Objek 2	Objek 1	Pelaku	Kata Kerja	Bil
X	<u>المَغْفِرَةَ</u> <i>keampunan</i>	<u>رَبِّهِ</u> <i>akan</i> <i>Tuhannya</i>	<u>المُؤْمِنُ</u> <i>Seorang</i> <i>mukmin</i>	<u>سَأَلَ</u> <i>Minta</i>	1
X	<u>مَالًا</u> <i>Harta</i>	<u>الْفَقِيرِ</u> <i>orang fakir</i>	<u>الغَنِيِّ</u> <i>orang kaya itu</i>	<u>أَعْطَى</u> <i>Memberi</i>	2
X	<u>ثَوْبًا</u> <i>Baju</i>	<u>ابْنِهِ</u> <i>Anaknya</i>	<u>الْأَبُ</u> <i>ayah</i>	<u>أَلْبَسَ</u> <i>Memakai</i>	3
X	<u>رَاسِيًا</u> <i>Gagal</i>	<u>عَلِيًّا</u> <i>Ali</i>	<u>مُحَمَّدٌ</u> <i>Muhammad</i>	<u>ظَنَّ</u> <i>Menyangka</i>	4
X	<u>أَرْضَ آبَائِهِمْ</u> <i>tanah tok</i> <i>nenek mereka</i>	<u>فِلَسْطِينَ</u> <i>bumi Palestin</i>	<u>الْيَهُودُ</u> <i>Yahudi</i>	<u>زَعَمَ</u> <i>Menyangka</i>	5

Contoh ayat 1-5 dalam jadual di atas pula mempunyai dua objek yang bergaris condong . Kehadiran dua objek tersebut berpunca daripada bentuk kata kerja *dwitransitif* iaitu *سَأَلَ*, *أَعْطَى*, *أَلْبَسَ*, *ظَنَّ* dan *زَعَمَ* . Dalam contoh-contoh ayat ini , objek pertama boleh dianggap sebagai objek tak langsung dan objek kedua sebagai objek langsung. Contoh ayat (1) perkara yang diminta oleh seorang mukmin sebenarnya adalah keampunan bukannya Tuhan . “ Keampunan ” merupakan objek langsung dan “ Tuhannya” adalah objek tak langsung. Kedua-dua objek ini merupakan keperluan yang mesti dimiliki oleh kata kerja *muta'addi* dwitransitif *سَأَلَ* . Jika tidak sesuatu ayat itu mengelirukan dan tidak difahami maksudnya seperti *سَأَلَ الْمُؤْمِنُ* “ meminta seorang mukmin itu” tanpa menyebut objek . Frasa tersebut tidak difahami maksudnya kerana tidak lengkap dan sempurna .

Di samping itu , terdapat juga kata kerja *muta'addi* dwitransitif yang hanya mengambil satu objek langsung sahaja dan meninggalkan objek tak langsung atau sebaliknya dalam penulisan dan pertuturan seperti سَأَلَ الْمُؤْمِنُ رَبَّهُ atau سَأَلَ الْمَغْفِرَةَ الْمُؤْمِنُ . Keadaan seumpama ini sebenarnya merujuk kepada satu konsep binaan mental (mental construct) . Binaan makna objek langsung atau objek tak langsung sudah wujud dalam daya pemikiran seseorang pernutur atau pendengar apabila suatu ayat itu dituturkan atau ditulis . Makna objek langsung الْمَغْفِرَةَ sudah wujud dalam pemikiran mereka semasa menyebut سَأَلَ الْمُؤْمِنُ رَبَّهُ, begitu juga dengan objek tak langsung رَبَّهُ sudah terjelma dalam pemikiran mereka . Sebaliknya jika tiada sebarang gambaran kepada dua objek tersebut dalam daya pemikiran , maka keduanya itu mesti dinyatakan dalam pertuturan dan penulisan seperti dalam contoh di atas . Kaedah yang sama boleh dilakukan kepada kata kerja *muta'addi* dwitransitif yang lain .

Contoh kata kerja *muta'addi* tritransitif :

Jadual 3.6 : Contoh kata kerja *muta'addi* tritransitif

Objek 3	Objek 2	Objek 1	Pelaku	KK Tritransitif	Bil
<u>تَاجِحًا</u> <i>Berjaya</i>	<u>عَلِيًّا</u> <i>bahawa Ali</i>	<u>مُحَمَّدًا</u> <i>Muhammad</i>	المُدِيرُ mudir	أَعْلَمَ Memberitahu	1
<u>حَسْرَاتٍ</u> <u>عَلَيْهِمْ</u>	<u>أَعْمَالَهُمْ</u>	<u>الْكَافِرِينَ</u>	الله	أَرَى	2
<u>مُؤَجَّلًا</u> <i>ditunda</i>	<u>حَفَلِ الْيَوْمِ</u> <i>bahawa majlis</i> <i>hari ini</i>	<u>الطَّلِبَةَ</u> <i>Para</i> <i>pelajar</i>	الأُسْتَاذُ ustaz	أَنْبَأَ Memberitahu	3
<u>مَرِيضًا</u> <i>sakit</i>	<u>الْمُدِيرَ</u> <i>Bahawa mudir</i>	<u>مُحَمَّدًا</u> <i>Akan</i> <i>Muhammad</i>	صَدِيقِي kawan saya	خَبَّرَ Memberitahu	4

Kata kerja tritransitif tidak terlalu populer dan bentuknya hanya terbatas kepada dua pola kata kerja sahaja iaitu أَفْعَل < 'af'ala > dan فَعَّل < fa''ala > . Kata kerja tritransitif أَرَى, أَنْبَأَ, خَبَّرَ dalam contoh ayat 1-4 di atas mempunyai tiga objek yang bergaris condong. Objek kedua dan objek ketiga merupakan ayat bebas yang terdiri daripada subjek dan predikat sebelum kehadiran kata kerja tritransitif tersebut seperti . ayat (1) dalam contoh yang diberi di atas , objek kedua yang merupakan subjek عَلِيٌّ dan objek ketiga نَاجِحٌ yang merupakan predikat , adalah satu ayat yang lengkap iaitu عَلِيٌّ نَاجِحٌ (*Ali seorang budak yang berjaya*). Apabila digabungkan dengan kata kerja tritransitif tersebut subjek عَلِيٌّ telah diubah menjadi objek keduanya dan predikat نَاجِحٌ menjadi objek ketiga bagi kata kerja tersebut .

3.1.3.2 Kata kerja *Lāzīm*

Kata kerja *lāzīm* adalah kata kerja yang tidak memerlukan objek sesudahnya . Gabungan kata kerja *lāzīm* dengan pelaku sudah memadai untuk membentuk satu ayat yang sempurna dan lengkap (Sharifuddin 'Aliy al-Rājīhiy , t.t : 44). Namun terdapat sejumlah kata kerja *lāzīm* mesti diikuti oleh partikel atau pelengkap bagi membentuk makna yang lengkap . Justeru , kata kerja *lāzīm* dapat pula dipecahkan kepada dua subgolongan , iaitu kata kerja *lāzīm* tak berpartikel dan kata kerja *lāzīm* berpartikel .

a) Kata Kerja *Lāzim Tak Berpartikel*

Kata kerja *lāzim tak berpartikel* adalah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa memerlukan gandingan partikel selepasnya . Kata kerja jenis ini menunjukkan kriteria atau sifat semulajadi yang tidak mungkin hilang dengan mudah mulia , cerdik , pendek , gemuk , panjang contohnya , كَرُمٌ , شَرُفٌ , حَسُنٌ , شَجْعٌ dan seumpamanya . Kebiasaannya kata kerja bentuk ini menggunakan wazan فَعْلَل <fa'ula> seperti contoh berikut :

1. شَجْعَ الْجُنْدِيِّ (askar itu telah bersifat dengan berani)
2. مُحَمَّدٌ حَسُنَ أَخْلَاقُهُ (Muhammad telah bersifat dengan akhlak yang baik)
3. كَرُمَ الْمُضَيِّفُ (Tuan rumah itu bersifat dengan mulia)
4. جِبْنَ الْعَدُوِّ (Musuh itu bersifat dengan penakut)
5. شَرُفَ عَلِيٍّ (Ali telah bersifat dengan mulia)
6. بَخَلَ الْغَنِيِّ (Orang kaya itu telah bersifat dengan bakhil)

Kata kerja *lāzim tak berpartikel* jenis ini juga dapat dilihat pada kata kerja yang menunjukkan perubahan yang berlaku sementara dan akan hilang dengan kehilangan sebab kepada perbuatan tersebut .seperti sakit , gementar , atau perbuatan berunsur gembira dan sedih atau menunjukan bersih dan kotor seperti contoh di bawah :

1. مَرِضَ الْأَبُ (Bapa telah jatuh sakit)
2. فَزِعَ الْعَدُوُّ (Musuh itu telah takut)
3. فَرِحَ النَّاجِحُ (Orang berjaya itu telah gembira)

4. حَزِنَ الرَّاسِبُ (*Orang gagal itu telah kecewa*)
5. نَظَّفَ الْفَصْلُ (*Kelas itu telah bersih*)
6. وَسِخَ الثَّوْبُ (*Baju itu telah kotor*)

Di samping itu terdapat juga wazan-wazan kata kerja tertentu yang hanya dikhususkan kepada *lāzim* sahaja dan masih lagi popular seperti wazan إِفْعَلَّ < *if'alla* > , إِنْفَعَلَ < *infa'ala* > , إِفْعَالٌ < *if'ālla* > dan إِفْعَلَّ < *if'alalla* > seperti contoh berikut :

1. إِفْعَلَّ < *if'alla* >
 - i اِبْيَضَ شَعْرُ الرَّاسِ (*Rambut di kepala itu sangat putih*)
 - ii اخْضَرَ الزَّرْعُ (*Tanaman itu sangat hijau*)
2. إِنْفَعَلَ < *infa'ala* >:
 - i اِنْتَصَرَ الْجُنْدُ (*Tentara itu menang*)
 - ii اِنكَسَرَ الْعَدُوُّ (*Musuh itu telah kalah*)
3. إِفْعَلَّ < *if'alalla* > :
 - i اِفْشَعَرَ الْبَدَنُ (*Badan telah menggigil*)
 - ii اِطْمَأَنَّ الْقَلْبُ (*Hati sudah tenang*)
4. إِفْعَالٌ < *if'ālla* > :
 - i اِقْطَارَ الْمَطَرُ (*hujan telah menitis*)
 - ii اِبْهَارَ الْقَمَرُ (*bulan telah bersinar*)

Kesemua ayat di atas terdiri daripada kata kerja *lāzim* yang berdiri sendiri tanpa pergantungan pada partikel untuk melengkapkan makna atau maksud ayat . Contoh-contoh lain bagi kata kerja *lāzim* tanpa pelengkap yang tidak lagi popular ialah :

1. إِكْوَالٌ wazan إِفْوَعَلٌ < *if'aw'alla* >
2. إِفْعَسَسَ wazan إِفْعَلَل < *if'anlala* >
3. إِحْبَنْطَأً wazan إِفْعَنْلَأ < *if'anla'a* >
4. إِحْوَنْصَل wazan إِفْوَنْعَل < *ifwan'ala* >
5. إِحْرَنْبَى wazan إِفْعَنْلَى < *if'anlā* >

Sehubungan dengan itu , terdapat juga bentuk kata kerja yang boleh berfungsi sebagai kata kerja *muta'addi* dan *lāzim* . Bentuk kata kerja jenis ini terbit dari wazan-wazan tertentu seperti فَعَل < *fa'ala* >, فَعِل < *fa'ila* >, إِفْتَعَل < *ifta'ala* > , تَفَعَّل < *tafa'ala* > , فَاعَل < *fā'ala* > dan تَفَاعَل < *tafā'ala* > dan فَعَلَل < *fa'lala* > (Fakhruddin Qabāwah ,1988 : 247) . Ciri *lāzim* tanpa partikel sebagai pelengkap bagi kata kerja bentuk ini perlu dilihat pada konteks penggunaanya dalam ayat .

b) Kata kerja *Lāzim* Berpartikel

Kata kerja *lāzim* berpartikel pula adalah kata kerja yang bergandengan dengan partikel *jarr*. Kata partikel *jar* ini hadir selepas kata kerja *lāzim* untuk menyempurnakan maksud ayat . Tanpa kehadirannya, kata kerja tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik dalam suatu ayat. Kata kerja jenis ini menunjukkan makna selain daripada makna-makna yang ditunjukkan dalam kata kerja *lāzim* tak berpartikel yang terdahulu . Contoh kata kerja *lāzim* berpartikel adalah seperti yang berikut :

1. ذَهَبَ مُحَمَّدٌ إِلَى الْمَدْرَسَةِ (*Muhammad telah pergi ke sekolah*)
2. خَرَجَ الطَّالِبُ مِنَ الْفَصْلِ (*Pelajar itu telah keluar daripada bilik kelas*)
3. جَلَسَ الْمُدِيرُ عَلَى الْكُرْسِيِّ (*Pengetua itu duduk di atas kerusi*)
4. عَجِبْتُ مِنْ أَمْرِكَ (*Saya terpegun dengan pekerjaan awak*)
5. غَضِبْتُ عَلَى الْمُسِيءِ (*Saya benci orang yang jahat*)

Perkataan yang bergaris dalam contoh ayat di atas adalah kata kerja *lāzim* , sementara yang mengikutinya ialah partikel *jarr* . Kehadiran partikel *jarr* itu boleh dianggap sebagai penghubung kepada objek . Sekiranya partikel tersebut digugurkan , ayat-ayat yang terhasil tidak sempurna seperti contoh berikut :

1. ذَهَبَ مُحَمَّدٌ الْمَدْرَسَةِ * (*Muhammad pergi ke sekolah*)
2. خَرَجَ الطَّالِبُ الْفَصْلِ *(*Pelajar itu keluar kelas*)

3. جَأَسَ الْمُدِيرُ الْكُرْسِيَّ * (Pengetua itu duduk kerusi)
4. عَجِبْتُ أَمْرَكَ * (Saya terpegun dengan pekerjaan awak)
6. عَظِبتُ الْمُسِيئ * (Saya benci orang yang jahat)

Di samping itu , partikel *jarr* juga kadang kala turut mempengaruhi makna kata kerja sebelumnya seperti dalam contoh-contoh yang berikut :

7. (a) صَبَرْتُ عَلَى الْمَظَالِمِ (Saya menanggung kesabaran di atas kezaliman)
- (b) صَبَرْتُ عَنِ الطَّعَامِ (Saya menahan diri daripada makan)
8. (a) رَغِبْتُ فِي الْعِلْمِ (saya suka pada ilmu)
- (b) رَغِبْتُ عَنِ الْكَسَلِ (saya benci sifat malas)

Dalam contoh ayat (7) dan (8) didapati tiap-tiap dua kata kerja *lāzim* yang sama membawa makna berlainan . Kata kerja صَبَرْتُ yang bergandingan dengan partikel *jarr* عَلَى pada ayat (a) dalam contoh (7) memberi maksud “menanggung kesabaran” , dan صَبَرْتُ apabila digandingkan dengan partikel *jarr* عَنِ pada ayat (b) pula membawa maksud “ menahan diri ” . Demikian juga halnya pada contoh ayat (8) kata kerja رَغِبْتُ digandingkan dengan partikel *jarr* فِي pada ayat (a) bermaksud “suka ” , sedangkan gandingan kata kerja tersebut dengan partikel *jarr* عَنِ pada ayat (b) memberi maksud “ benci ” .

3.1.3.2.1 Imbuan Pentransitif

Pentransitifan kata kerja boleh berlaku melalui unsur pengimbuhan . Imbuan yang digolongkan ke dalam golongan transitif ini adalah imbuan yang berupa unsur – unsur pentransitif . Imbuan pentransitif adalah imbuan yang boleh mengubah kata kerja *lāzim* kepada kata kerja *muta‘addi* atau kata kerja *muta‘addi* satu objek kepada *muta‘addi* dua atau tiga objek .

Kata kerja imbuan yang berfungsi sebagai pentransitif terdiri daripada empat jenis subgolongan didasarkan kepada kehadiran imbuan pada kata akar . Setiap satu dari imbuan yang menjadi anggota pentransitif ini boleh membawa fungsi tatabahasa dan makna berlainan . Lazimnya fungsi tatabahasa imbuan yang menerbitkan kata *muta‘addi* membawa makna awalan *me-* , *me(M)* , *me(N)* , *me(NG)-* , dan akhiran *kan-* dalam bahasa Melayu . Dua jenis imbuan yang berfungsi sebagai pentransitif iaitu awalan dan sisipan . Kata kerja yang berperanan sebagai pentransitif terdiri daripada wazan-wazan berikut :

a) Awalan :

1. أَفْعَل < *af-* ‘*ala* >
2. اسْتَفْعَل < *istaf-* ‘*ala* >

b) Sisipan :

3. فَعَّل < *fa’-* ‘*ala* >
4. فَاعَّل < *fā-* ‘*ala* >

a) **Imbuhan awalan أَفْعَل < Af-‘ala >**

Awalan *hamzah* (ا) adalah suatu unsur pentransitif . Awalan ini boleh berlaku dengan kata akar daripada sebarang golongan kod JK kata kerja . Sekiranya kata akar itu memang sudah ekatransitif , maka imbuhan *hamzah* akan berfungsi menghasilkan makna dwitransitif, demikianlah seterusnya jika kata kerja dwi transitif akan bertambah menjadi tritansitif . Semua penerbitan bentuk dan makna di atas dapat dilihat di dalam contoh-contoh berikut :

1. أَخْرَجَ يُوسُفُ الْقِطَّ مِنَ الْبَيْتِ (*Yusuf mengeluarkan kucing itu daripada rumah*)
2. أَفْهَمَ الْأُسْتَاذُ الطَّالِبَ الدَّرْسَ (*Ustaz memberi faham kepada pelajar itu akan pelajaran*)
3. أَعْلَمَ الْمُدِيرُ طُلَابَهُ الْخَيْرَ صَاحِيحًا (*Pengetua memberitahu pelajar itu berita yang betul*)

Berdasarkan contoh-contoh di atas , أَخْرَجَ , أَفْهَمَ , dan أَعْلَمَ adalah masing-masing dari pola kata kerja yang sama iaitu أَفْعَل < af-‘ala > kerana tiap-tiap satunya mempunyai imbuhan *hamzah* di awalannya. Dalam hal ini , terdapat perbezaan fungsi makna yang dibawa oleh tiap-tiap satunya . Dalam contoh (1) kata kerja أَخْرَجَ telah menunjukkan makna *muta‘addi* dan memerlukan kepada satu objek iaitu الْقِطَّ kerana sebelum kehadiran *hamzah* kata kerja ini merupakan

kata kerja *lāzim* yang tidak mempunyai objek seperti *خَرَجَ يُوسُفُ مِنَ الْبَيْتِ* . Demikian juga dalam contoh ayat (2) , kata kerja *أَفْهَمَ* walaupun sebelum pengimbuhan *hamzah* ianya sudah menunjukkan makna *muta‘addi* dan mempunyai satu objek iaitu *فَهُمَ الْأُسْتَاذُ الدَّرْسَ* , tetapi dengan kehadiran *hamzah* , makna *muta‘addi* tersebut telah berubah menjadi makna dwitransitif yang memerlukan dua objek secara serentak iaitu *الطَّالِبَ* (objek pertama) dan *الدَّرْسَ* (objek kedua). Pewujudan *hamzah* imbuhan dalam contoh (3) pula , menyebabkan kata kerja *أَعْلَمَ* telah berubah daripada makna dwitransitif (iaitu memerlukan dua objek) seperti *عَلِمَ الْمُدِيرُ الْخَبَرَ صَحِيحًا* kepada makna tritransitif (iaitu memerlukan tiga objek) secara serentak seperti *الْخَبَرَ* (objek kedua) , dan *طُلَابَهُ* (objek pertama) , dan *صَحِيحًا* (objek ketiga) .

Dewan Bahasa dan Pustaka Mesir telah memutuskan bahawa pentransitifan kata kerja *thulāthiy mujarrad* yang *lāzim* melalui pengimbuhan *hamzah* ini sebagai unsur pentransitif adalah qiyāsiy dan boleh dibuat secara analogi tanpa perlu merujuk kepada nukilan daripada penutur Arab asli memandangkan kekerapannya yang paling tinggi dalam pertuturan dan penulisan .

b) **Imbuhan awalan استَفْعَلَ < *Istaf-‘a-la* >**

Imbuhan awalan < *ista* > ini juga boleh berfungsi sebagai unsur pentransitif . Kata kerja yang terbentuk hasil daripada gabungan awalan ini boleh menerbitkan kata kerja *muta‘addi* dengan memberi makna *minta* atau *pohon* seperti contoh ayat berikut :

1. اسْتَخْرَجَتْ مَالِيْزِيَا النَّفْطَ مِنْ اَرْضِهَا (*Malaysia telah mengeluarkan minyak daripada perut buminya*)
2. اسْتَعَادَ الْاَبُ نَفُوْدَهُ (*Bapa itu telah minta kembalikan duitnya*)

Kata kerja اسْتَخْرَجَتْ dalam contoh (1) dan اسْتَعَادَ dalam contoh (2) masing-masing menunjukkan makna *muta‘addi* dan memerlukan satu objek iaitu النَّفْطَ pada contoh (1) dan نَفُوْدَهُ pada contoh (2) . Kedua –dua kata kerja berkenaan sebelum digandingkan dengan awalan <ista> merupakan kata kerja *lāzim* .

c) **Imbuhan Sisipan فَعَّلَ <fa‘-‘ala>**

Fungsi tatabahasa imbuhan sisipan فَعَّلَ <fa‘-‘ala> ini adalah menerbitkan kata kerja *muta‘addi* serta bertanggungjawab menambahkan makna transitif tersebut kepada dwitransitif atau tritransitif . Imbuhan sisipan pentransitif ini adalah sangat popular dan setanding dengan imbuhan awalan *hamzah* أَفْعَلَ <af-‘ala> seperti contoh ayat berikut :

1. فَرَّحَ مُحَمَّدٌ عَلِيًّا (*Muhammad mengembirakan Ali*)
2. خَرَجَ زَيْدٌ عُمَرَا (*Zaid mengeluarkan Umar*)
3. فَهَّمَ الْأُسْتَاذُ الطَّلِيْبَ الدَّرْسَ (*Ustaz memberi faham kepada pelajar itu akan pelajaran*)
4. خَبَّرَ مُحَمَّدٌ صَدِيْقَهُ الْإِمْتِحَانَ قَرِيْبًا (*Muhammad memberitahu kawannya bahawa peperiksaan sudah hampir*)

Contoh ayat (1) dan (2) di atas , didapati imbuhan sisipan yang berbentuk pergandaan telah dimbuhkan pada kata kerja **فَرَّحَ** dalam contoh (1) dan **خَرَّجَ** dalam contoh (2) bukan membawa makna baru kepada kedua-dua kata akar tersebut , tetapi semata-mata berfungsi mentransitifkan kata kerja *lāzim* . Demikian juga halnya dengan kata kerja **فَهَّمَ** dalam ayat (3) dan **خَبَّرَ** dalam contoh ayat (4) . Tiap-tiap satunya berfungsi menambahkan makna transitif daripada satu objek kepada dua objek atau dua objek kepada tiga objek sebagaimana ditunjukkan pada perkataan yang bergaris dalam contoh ayat di atas .

d) Imbuhan Sisipan فَاعِلٌ < Fā-'ala >

Kata kerja فَاعِلٌ < fā-'ala > juga kadang-kadang diperlukan untuk mentransitifkan kata kerja *lāzim* tanpa membawa makna utama iaitu perkongsian dan kesalingan . Dalam keadaan ini, kata kerja فَاعِلٌ < fā-'ala > ini menyerupai fungsi yang terdapat pada kata kerja أَفْعَلٌ < af 'ala > iaitu merujuk kepada mentransitifkan kata kerja *lāzim* seperti contoh ayat di bawah :

1. دَايِنَ (أَدَانَ) أَحْمَدُ الرَّجُلَ (Ahmad memberi hutang kepada lelaki itu)
2. شَارَفَ (أَشْرَفَ) الصَّغِيرُ الْكَبِيرَ (Budak kecil itu menghormati orang dewasa)
3. كَارَمْتُ زَيْدًا (Saya memuliakan Zaid)
4. جَادَبْتُ زَيْدًا الثُّوبَ (Saya menarik baju Zaid)

3.1.3.3 Proses Morfofonologi Dalam Pembentukan Kata kerja

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa di dunia yang tergolong ke dalam jenis bahasa yang bersifat fleksi . Jenis bahasa yang sedemikian membentuk kebanyakan perkataannya melalui kejadian perubahan fonem (bunyi bahasa) dalam kata dasar dengan berdasarkan golongan kata atau wazannya . Di samping itu , ada juga cara membentuk perkataannya melalui proses pengimbuhan atau penggantian morfem kata akar , sama ada imbuhan itu mendahului (awalan) , menyisip (sisipan) , separuh kurungan /apitan (awalan + sisipan) atau kurungan (awalan + akhiran atau awalan + sisipan + akhiran) .

Proses morfofonologi dalam pembentukan kata adalah proses yang berlaku terhadap unit-unit morfem untuk menghasilkan kata-kata terbitan . Proses pembentukan kata ini boleh mengakibatkan sedikit perubahan pada struktur kata seperti pengguguran, pengimbuhan, pengalihan , penyerapan dan penyuraian , penukaran dan sebagainya . Apabila dua morfem bergabung , kemungkinan akan berlaku tiga perubahan bunyi , sama ada bunyi baru mungkin timbul , atau bunyi lama akan gugur , atau ada bunyi lama yang akan mengalami penyesuaian akibat proses morfologi tersebut . Perubahan jenis ini melibatkan kajian morfofonologi iaitu satu bidang kajian yang hasil dari pertembungan morfologi dan fonologi (Abdullah Hassan , 1987 b : 46) . Proses morfofonologi ini mengkaji perubahan bunyi yang berlaku dalam proses pembentukan suatu kata.

Perubahan fonologi yang terjadi apabila berlakunya proses morfologi hendaklah difahami betul –betul kerana perubahan ini mempunyai implikasi tertentu dalam menentukan persamaan dan perbezaan antara wazan dan kata *al-mawzūn* (kata yang ditimbang) . Kajian seperti ini dikenali sebagai proses *'i'lāl* (إِعْلَال) dan *ibdāl* (إِبْدَال) oleh para sarjana bahasa Arab .

Mengikut kaedah yang digunakan secara tradisi oleh kebanyakan sarjana dan ilmuan Arab , mereka memulakan analisis pembentukkan kata kerja atau memberi padanan suatu kata kerja dengan wazan tertentu dengan membicarakan hal-hal berkaitan dengan pembahagian kata berdasarkan jenis huruf terlebih dahulu seperti contoh kata kerja di bawah :

Jadual 3.7 : Pengkelasan Jenis Kata Kerja

Jenis kata	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah
<i>Sālim</i>	(فَعَلَ) كَتَبَ	(يَفْعَلُ) يَكْتُبُ	(أَفْعُلْ) أَكْتُبْ
<i>Mahmūz</i>	(فَعَلَ) أَكَلَ	(يَفْعَلُ) يَأْكُلُ	(عُلْ) كُنْ
<i>Muḍa'af</i>	(فَعَلَ) رَدَّ	(يَفْعَلُ) يَرُدُّ	(فُلْ) رُدِّ
<i>Mithāl</i>	(فَعَلَ) وَصَلَ	(يَفْعَلُ) يَصِلُ	(عِلْ) صِلْ
<i>Ajwaf</i>	(فَالَ) قَالَ	(يَفْعَلُ) يَقُولُ	(فُلْ) قُلْ
<i>Nāqiṣ</i>	(فَعَلَ) رَمَى	(يَفْعَلُ) يَرْمِي	(إَفْعْ) اِرْمِ
<i>Lafīf Maqrūn</i>	(فَعَلَ) قَوَى	(يَفْعَلُ) يَقْوِي	(إَفْعْ) اِقْوِ
<i>Lafīf Mafrūq</i>	(فَعَلَ) وَقَى	(يَعِلْ) يَقِي	(فِ) قِ

Analisis dari contoh-contoh di atas itu , menghasilkan beberapa pewujudan morfem berdasarkan lingkungan yang ditempatinya dalam kata kerja . Walaupun wazan bagi tiap-tiap kata kerja *thulāthiy mujarrad* itu adalah sama , tetapi terdapat beberapa jenis perubahan akibat pengwujudan fonologi dalam membentuk kata kerja tersebut . Satu daripadanya pada kata kerja kala lepas yang mewakili kata kerja *ajwaf* iaitu قَالَ (wazan فَال < fāla >) dan tiga pada kata kerja kala kini yang mewakili kata kerja *mithāl* يَصِلُ (wazan يَفِلُّ < yafīlu >), *ajwaf* يَقُولُ (wazan يَفْعُلُ < yaf‘alu >) dan *lafīf mafrūq* يَبْقِي (wazan يَعِلُّ < ya‘ilu >) seterusnya enam pada kata kerja perintah yang mewakili kata kerja *mahmūz* كُنْ (wazan عُن < ‘ul >), *mithāl* صِلْ (wazan عِل < ‘il >), *ajwaf* قُلْ (wazan فُل < ful >), *nāqiṣ* اِزْمِ (wazan اِفْع < if‘i >), *lafīf maqrūn* اِفْوِ (wazan اِفْع < if‘i >), *lafīf mafrūq* فِ (wazan ع < ‘i >) .

Variasi-variasi pada struktur kata serta pengaruh perubahan-perubahan struktur kata terhadap golongan dan makna kata seperti contoh di atas merupakan bidang yang dibicarakan oleh morfologi (Sībawayh ,1982 :2:310) .

3.1.3.4 Unit –unit Pembentukan Kata

Huruf (الحروف) merupakan unsur terpenting dalam pembentukan kata bahasa Arab . Ia diikuti dengan harakah dan bentuk baris (الأشكال والحركات) serta pola dan *ṣīghah* (الضوابط والصيغ). Hampir keseluruhan ahli bahasa Arab bersepakat tentang bilangan huruf dalam bahasa Arab iaitu berjumlah 29 huruf dan dikenali sebagai huruf *hijā'* (حروف الهجاء) atau huruf abjad iaitu ، ا ، ب ، ت ، ث ، ج ، ح ، خ ، د ، هـ ، ز ، ر ، س ، ش ، ص ، ض ، ط ، ظ ، ع ، غ ، ف ، ق ، ك ، ل ، م ، ن ، و ، هـ ، لا ، الالف ، ي .

Menurut Abū al-Abbās al-Mubarrid huruf dalam bahasa Arab berjumlah 28 huruf sahaja tanpa memasukkan huruf *alīf* kerana pada pandangan beliau huruf *alīf* tidak mempunyai bentuk yang tetap . Namun Ibn Jinniy (1954 : 46) telah menjelaskan huruf *alīf* yang dimaksudkan oleh Abū al-Abbās al-Mubarrid itu sebagai huruf *hamzah* .

Selain itu mengikut Kamal Bishr (1980 : 96) pula , huruf *alīf* tidak digolongkan dalam huruf abjad kerana ia digunakan sebagai lambang vocal panjang. Apa pun , pengkaji dalam kajian ini bersama dengan pendapat majoriti ahli linguistik Arab yang menganggap huruf *alīf* sebagai salah satu daripada huruf abjad di dalam bahasa Arab .

Para ulamak telah mengklasifikasikan huruf-huruf abjad tersebut kepada dua kategori iaitu huruf *ṣaḥīḥ* (huruf konsonan) dan huruf ‘*illah* (huruf vokal) iaitu *alīf* (الالف), *wāw* (الواو) dan *yā’* (الياء). Setiap bahagian mengandungi sub-sub kecil berdasarkan kelancaran dan kesulitan yang dihadapi dalam proses pembentukan kata . Setiap huruf dalam bahasa Arab pasti tidak akan terlepas dari empat harakah berikut iaitu *ḍammah* , *fathah* , *kasrah* dan *sukūn* .

3.1.3.5 Konsep *I’lāl* (الإعلال)

I’lāl adalah satu proses perubahan pada huruf ‘*illah* . Ia berlaku melalui *penukaran huruf* , *pengguguran huruf* , *taskīn* dan *pengalihan harakah* (Riḍa’uddin , 1978 :2 : 68). Perubahan yang berlaku pada huruf ‘*illah* tersebut ini tidak mempengaruhi makna perkataan (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 5). Kedudukan huruf ‘*illah* dalam struktur kata bahasa Arab sememangnya mempengaruhi proses pembentukan kata dan penentuan wazan . Dalam hal ini , Huruf *hamzah* dilibatkan sama dalam proses perubahan yang berkaitan dengan huruf ‘*illah* (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy ,1978: 42) . Ia dianggap sebahagian daripada huruf ‘*illah* kerana nyaring bunyinya dan mempunyai hubungan yang rapat dengan huruf ‘*illah* terutamanya huruf *alīf* . Lazimnya huruf *hamzah* dipadankan dengan huruf ‘*illah* mengikut *harakah* seperti *hamzah* berada di atas *alīf* ketika *fathah* , berada di atas *wāw* ketika *ḍammah* dan berada di atas *ya’* ketika *kasrah* (Maḥyuddin Ramaḍān ,1979 : 82) .

Perubahan yang berlaku pada huruf ‘illah kadang kala tidak melibatkan perubahan pada wazan ‘aṣliy. Wazan ‘aṣliy tetap kekal tanpa sebarang perubahan walaupun berlaku perubahan huruf ‘illah pada kata *al-mawzūn*. Jenis-jenis perubahan dalam kategori ini ialah *penukaran huruf* seperti يوقن // *yūqinu* // , يُوسِر // *yūsiru* // wazan يُفْعِلُ < *yuf‘ilu* > , رَضِيَ // *raḍiya* // wazan فَعِلَ < *fa‘ila* > dan أعطى // ‘aṭā // wazan أَفْعَلَ < *af‘ala* >.

Perubahan pada wazan timbangan hanya berlaku apabila perubahan – perubahan terlibat dalam kategori penukaran huruf (إعلال بالقلب) , pengguguran huruf (إعلال بالحذف) , pengalihan huruf (القلب المكاني) dan pengalihan harakah (الإعلال بالنقل) .

a. **Penukaran Huruf** (إعلال بالقلب) .

Penukaran huruf adalah satu proses penukaran huruf asal kepada huruf *alīf* seperti pertukaran huruf ‘illah iaitu *wāw* dan *yā’* yang merupakan huruf asal pada huruf kedua dan ketiga dalam susunan kata bahasa Arab seperti باع ، قال (pola asalnya ialah قول ، بيع) ، زاد (pola asalnya ialah بان) (pola asalnya ialah بين) رمى (pola asalnya ialah دعا) (pola asalnya ialah دعا) .

Menurut kajian Riḍa'uddin (1982 :1:18) pula , proses penukaran huruf tersebut turut melibatkan penukaran huruf pada wazan . Beliau berpendapat bahawa wazan bagi kata kerja قال ، باع ، زاد ، بان adalah فَال < *fāla* > dan wazan bagi kata kerja رمى dan دعا adalah فَعَا < *fa'ā* > .

Fakhruddin Qabāwat (1988 : 22) yang merupakan seorang ahli linguistik moden berpendapat , walaupun berlaku pertukaran huruf *wāw* dan *yā'* kepada huruf *alīf* , namun huruf *'ain* dan *lām* pada wazan dikekalkan dan tidak ditukar kepada huruf *alīf* // . Oleh itu wazan bagi kata قال ، باع ، زاد ، بان ، رمى dan دعا bagi beliau adalah kekal sebagaimana asalnya iaitu فَعَل < *fa'ala* > bukannya فَال < *fāla* > dan فَعَا < *fa'ā* > .

b. **Pengguguran Huruf (إعلال بالحذف) .**

Pengguguran huruf adalah satu proses yang sering berlaku dalam pembentukan kata bahasa Arab , sama ada di awalan , sisipan dan akhiran . Proses pengguguran adalah melibatkan huruf *'illah* .

Pengguguran huruf ‘illah yang merupakan huruf asal dalam susunan kata bahasa Arab turut melibatkan pengguguran huruf pada wazan berkenaan (Fakhruddin Qabāwat (1988 : 18) seperti pengguguran huruf ‘illah di awalan , sisipan dan akhiran seperti عَدُّ (pola asalnya ialah وَعَدَّ), صَلِّ (pola asalnya ialah وَصَلَّ) , maka wazannya ialah عِلِّ < ‘il > , فُلِّ (pola asalnya ialah قَالَ), عُدُّ (pola asalnya ialah عاد) , maka wazannya ialah فُلِّ < ful > اَرَم (pola asalnya ialah رَمَى) , maka wazannya adalah اِفِّ < if ‘i > .

c. **Pengalihan Harakah** (الإغلاطُ بالنقلِ)

Pengalihan harakah bermaksud memindahkan harakah huruf –huruf ‘illah (khususnya huruf *wāw* dan *yā’*) pada suatu kata kepada huruf *ṣaḥīḥ* yang berharakah *sukūn* sebelumnya. Perubahan ini disebabkan oleh faktor-faktor morfologi dan fonologi yang antara lainnya ialah bertujuan meringgankan sebutan (Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 175) seperti kata kerja يَقُولُ // yaqūlu // dan يَبِيعُ // yabī‘u // , di mana harakah *ḍammah* pada huruf *wāw* dan *kasrah* pada huruf *yā’* dipindahkan kepada huruf *ṣaḥīḥ* sebelumnya kerana bentuk pola asalnya ialah يَقُولُ

// *yaqwulu* // dan يَبِيْعُ // *yabyi 'u* // . Lantaran itu perbezaan wazan adalah يَفْعَلُ

<yafu'lu> bagi يَقُوْلُ dan يَفْعَلُ <yafi'lu> bagi يَبِيْعُ .

d. Pengalihan Huruf (القلب المكاني)

Pengalihan huruf bermaksud satu proses pemindahan tempat duduk huruf dalam suatu perkataan . Kebanyakannya berlaku pada kata yang susunan hurufnya terdiri daripada huruf *'illah* dan huruf *hamzah* (Muḥammad Abdul Khālid 'Uḍāimat 1962 : 6) . Perubahan ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah proses pengembangan kata , keringanan dan keperluan sebutan kata (Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 121) .

Pengalihan huruf ini juga mungkin disebabkan oleh faktor kesilapan penutur asli menyebut kata asalnya kemudian diulang-ulang kesilapan tersebut sehingga menjadi mantap dan tersebar kepada generasi yang kemudian tanpa mengusuli sejarah kewujudan kata tersebut seperti kata kerja يَسَّ // *ya'isa* // menjadi أَيْسَ

// *'ayisa* // perbezaan wazan adalah عَفَلَ <'afila> , وَجَهَ // *wajaha* // menjadi جَاهَ

// *jāha* // perbezaan wazan adalah عَالَ <'āla> dan نَأَى // *na 'ā* // menjadi نَاءَ

// *nā'a* // perbezaan wazan adalah فَلَعَ <fala'a> (Maḥmud Sulaimān Yāqūt 1994 :

28 dan Muḥammad 'Abdul Khālid 'Uḍāimat 1962 : 19) .

3.1.3.6 Konsep *Ibdāl* (الإبدال)

Ibdāl bermaksud satu proses penggantian huruf dimana satu huruf telah digugur dan diganti dengan huruf yang lain pada tempatnya tanpa disyaratkan ianya huruf ‘illah atau sebaliknya. Ia adalah *samā’iy* dan tidak mempunyai satu kaedah tertentu yang boleh dibuat secara analogi (*qiyās*) (‘Abduh al-Rājiḥiy, 1984 : 157). Justeru, al-Suyūṭiy (t.t : 1 : 460) ketika membincangkan mengenai *ibdal* menjelaskan bahawa ianya merupakan antara tabiat semula jadi bagi masyarakat Arab. Mereka sering menukarkan satu huruf dengan huruf yang lain bagi menyesuaikan dengan *makhraj* huruf sebelum dan selepasnya supaya satu perkataan boleh disebut dengan lancar. Proses *ibdal* ini lazimnya berlaku pada tiga iaitu .

a. Penggantian huruf *wāw* dan *yā’* kepada huruf *tā’* apabila kedua-dua huruf tersebut adalah huruf asal dan bukan gantian daripada huruf *hamzah* dan , berada di awalan kata akar pada wazan اِفْتَعَلَ < *ifta’ala* > (Ibn ‘Aqīl , 1990 : 2 : 534) seperti اِتَّصَلَ , اِتَّحَدَ (pola asalnya ialah اَوْتَصَلَ , اَوْتَحَدَ) .

b. Penggantian huruf *tā’* pada wazan اِفْتَعَلَ < *ifta’ala* > kepada huruf *tā’* apabila ia berada selepas salah satu daripada empat huruf *iḥbāq* (حُرُوفُ الْإِطْبَاقِ) iaitu huruf *ṣād* (صَاد), *ḍād* (ضَاد), *tā’* (طَاء) dan *zā’* (ظَاء) seperti اِصْطَبَّرَ

(pola asalnya ialah اِصْتَبَرَ , اِضْطَرَّ (pola asalnya ialah اِضْتَرَّ) , اِطَّلَعَ (pola asalnya ialah اِطْتَلَعَ) , اِظْلَمَ (pola asalnya ialah اِظْتَلَمَ) (Ḥamalāwiy , 1990 : 202).

c. Penggantian huruf *tā'* pada wazan اِفْتَعَلَ < *ifta'ala* > kepada huruf *dāl* apabila huruf pertama pada kata akar terdiri daripada salah satu daripada tiga huruf berikut iaitu huruf دال // *dāl* // , ذال // *dhāl* // dan زاي // *zāi* // seperti اِدْعَى (pola asalnya ialah اِذْتَعَى) , اِذْذَكَرَ (pola asalnya ialah اِذْتَكَّرَ) , اِزْدَهَرَ (pola asalnya ialah اِزْتَهَرَ) ('Abduh al-Rājiḥiy , 1984: 180).

3.1.3.7 Prinsip-prinsip Asas Pembentukan Kata Dalam Bahasa Arab

Pembentukan pola kata merupakan satu aspek dalam morfologi yang paling sukar terutama melibatkan kata *mu'tal* . Perubahan demi perubahan yang berlaku semasa proses pembentukan pola kata kerja *mu'tal* menjadi punca utama kesukaran tersebut berbanding kata kerja *ṣaḥīḥ* yang tidak mengalami kesukaran dalam pembentukan katanya . Kesukaran bidang ini turut diperkatakan oleh kebanyakan para sarjana Arab silam dan moden seperti Ibn Jinniy dalam kitabnya yang berjudul *al-Munṣif* dan Maḥmūd Sulaimān Yāqūt (1994 : 9) dalam kitabnya yang berjudul *al-Ṣarf al-Ta'līmiy*.

Justeru , seorang ahli linguistik moden iaitu ‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy (1973 : 165) dalam bukunya *Izālat al- quyūd ‘An Alfāz al-Makṣūd fi Fan al- Ṣarf* berpendapat bahawa pembentukan pola kata kerja *mu’tal* perlu didasarkan kepada wazan kata kerja *ṣaḥīḥ* terlebih dahulu . Perubahan yang berlaku pada kata kerja *mu’tal* bemula daripada wazan kata kerja *ṣaḥīḥ* tersebut . Contohnya pola asal bagi kata kerja قَالٌ // *qāla* // adalah قَوْلٌ // *qawala* // kerana mengikut wazan kata kerja *ṣaḥīḥ* iaitu فَعَلٌ < *fa’ala* > . Setelah berlaku perubahan pada struktur kata di mana huruf *wāw* ditukar kepada huruf *alīf* seperti قَالٌ // *qāla* // atas sebab pertimbangan morfologi , maka wazan tersebut bertukar menjadi فَالٌ < *fāla* > . Sekiranya tidak berlaku perubahan , maka ia dikekalkan mengikut wazan asal kata kerja *ṣaḥīḥ* seperti وَقَفٌ // *waqafa* // mengikut wazan < *fa’ala* > .

Dalam kajian ini, pengkaji menggariskan sembilan belas prinsip bagi mengenalpasti wazan kata kerja mengikut aras perubahan morfologi yang berlaku berdasarkan prinsip dan pendekatan deskriptif struktur yang dikemukakan oleh ribuan tokoh –tokoh ulamak silam dan moden seperti Sībawayh , Ibn Jinniy , Ibn Mālik, al-Riḍa’uddin, al-Ḥamalāwiy dan lain-lain lagi dalam menganalisis pembentukan kata. Oleh kerana method dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah deskriptif struktur , maka prinsip-prinsip ini adalah sesuai untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara wazan dan kata *al-mawzūn* .

1) **Prinsip Pertama :**

Huruf *wāw* dan huruf *yā'* yang berharakah apabila berada selepas harakah *fathah* , maka kedua-dua huruf tersebut ditukarkan kepada huruf *alīf* (Ibn Jinniy , t.t : 2 : 471-472 , Muḥammad ‘Abdul ‘Azīz Najjār , 1967 : 499) seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 3.8 : Huruf *wāw* dan huruf *yā'* ditukar kepada huruf *alīf*

Jenis Huruf <i>‘Illah</i>	Perubahan	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
Ajwaf <i>wāw</i>	قَالَ	قَوْلَ	فَعَلَ <fa‘ala>	فَالَ <fāla>	Pertukaran huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>alīf</i>
Ajwaf <i>yā'</i>	بَاعَ	بَيْعَ	فَعَلَ <fa‘ala>	فَالَ <fāla>	Pertukaran huruf <i>yā'</i> kepada huruf <i>alīf</i>
Nāqiṣ <i>wāw</i>	عَزَا	عَزَوَ	فَعَلَ <fa‘ala>	فَعَا <fa‘ā>	Pertukaran huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>alīf</i>
Nāqiṣ <i>yā'</i>	رَمَى	رَمَيَ	فَعَلَ	فَعَى	Pertukaran

Jenis Huruf ' <i>Illah</i>	Perubahan	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
			< <i>fa'ala</i> >	< <i>fa'ā</i> >	huruf <i>yā'</i> kepada huruf <i>alīf</i>

2. Prinsip Kedua :

Pengekalan huruf *yā'* yang berharakah *sukūn* atau harakah *fathah* apabila berada selepas harakah *kasrah* . Ini kerana harakah *kasrah* dan huruf *yā'* mempunyai keserasian . Demikian juga harakah *fathah* dan harakah *sukūn* itu tidak membebaskan huruf *yā'* ('Abdul Mālik 'Abdul Raḥmān al-Sa'diy, 1973 : 129) seperti ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 3.9 : Pengekalan huruf *yā*

Kata kerja	Wazan	Ulasan
خَشِيَ	فَعِيلَ < <i>fa'ila</i> >	Tiada Perubahan
خَشِيْتُ	فَعِيلَ < <i>fa'ila</i> >	Tiada Perubahan

3. Prinsip Ketiga :

Huruf *yā'* berharakah *sukūn* ditukarkan kepada huruf *wāw* apabila berada selepas harakah *ḍammah* ('Abduh al-Rājihīy , 1984 : 172) seperti contoh dalam jadual di bawah :

Jadual 3.10 : Penukaran huruf *yā'* kepada huruf *wāw*

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
يُوسِرُ	يُيَسِرُ	يُفْعِلُ < <i>yuf'ilu</i> >	يُوعِلُ < <i>yū'ilu</i> >	Pertukaran huruf <i>yā'</i> kepada huruf <i>wāw</i>
يُوقِطُ	يُيَقِطُ	يُفْعِلُ < <i>yuf'ilu</i> >	يُوعِلُ < <i>yū'ilu</i> >	Pertukaran huruf <i>yā'</i> kepada huruf <i>wāw</i>

4. Prinsip Keempat :

Huruf *wāw* berharakah *sukūn* ditukarkan kepada huruf *yā'* apabila berada selepas harakah *kasrah* ('Abdul Mālik 'Abdul Raḥmān al-Sa'diy, 1973 : 130) seperti ditunjukkan di dalam jadual berikut :

Jadual 3.11 : Penukaran huruf *wāw* kepada huruf *yā'*

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
قِيلَ	قَوْلَ	<u>فُعِلَ</u> <fa'ila>	<u>فِيَلَ</u> <fīla>	a. Pengguguran harakah <i>ḍammah</i> pada huruf <i>qāf</i> kerana kesukaran menyebut harakah <i>ḍammah</i> sebelum harakah <i>kasrah</i> قَوْلَ
				b. Pengalihan harakah <i>kasrah</i> pada huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>qāf</i> sebelumnya . قَوْلَ
				c. Pertukaran huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>yā'</i> قِيلَ

5. Prinsip Kelima :

Huruf *wāw* yang berharakah di akhiran kata kerja ditukarkan kepada huruf *yā'* apabila berada selepas harakah *kasrah* seperti dalam jadual berikut :

Jadual 3.12 : Penukaran huruf waw kepada huruf ya'

Kata Kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
عَبِي	عَبَوَ	فُعِلَ <fu'ila >	فَعِيَ <fu'iya >	Penukaran huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>yā'</i>
دُعِي	دُعَوَ	فُعِلَ <fu'ila >	فَعِيَ <fu'iya >	Penukaran huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>yā'</i>

6. Prinsip Keenam :

Huruf *yā'* berharakah *ḍammah disukūnkan* dan dipindahkan kepada huruf sebelumnya apabila berada selepas harakah *kasrah* (‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al -Sa’diy ,1973 : 131) seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 3.13 : Pengalihan harakah *ḍammah* huruf *ya'* kepada huruf sebelumnya

Kata Kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
عَزُّوا	عَزُّوا	فَعِلُّوا <fā'ilū>	فَعُوَا <fā'ū>	<p>1. Huruf <i>zai</i> dijadikan <i>sukūn</i> عَزُّوا</p> <p>2. Pengalihan harakah <i>ḍammah</i> huruf <i>yā'</i> kepada huruf <i>zāi</i> sebelumnya عَزُّوا</p> <p>3. Pengguguran huruf <i>yā'</i> kerana pertembungan dua harakah <i>sukūn</i> antara huruf <i>yā'</i> dan huruf <i>wāw</i> عَزُّوا</p>

7. Prinsip Ketujuh :

Huruf ‘*illah* yang berharakah selain daripada *sukūn* dipindahkan kepada huruf *ṣaḥīḥ* sebelumnya yang berharakah *sukūn* (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt , 1994 : 303) seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 3.14 : Harakah huruf ‘*illah* dipindahkan kepada huruf sebelumnya

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis perubahan
يَقُولُ	يَقُولُ	يَفْعُلُ < <i>yaf‘ulu</i> >	يَفْعُلُ < <i>yafu‘ lu</i> >	Pengalihan harakah <i>ḍammah</i> pada <i>wāw</i> kepada huruf <i>qāf</i> sebelumnya يَقُولُ
يَكِيلُ	يَكِيلُ	يَفْعِلُ < <i>yaf‘ilu</i> >	يَفْعِلُ < <i>yafi‘lu</i> >	Pengalihan harakah <i>kasrah</i> pada huruf <i>yā’</i> kepada huruf <i>kāf</i> sebelumnya يَكِيلُ
يَخَافُ	يَخَوَفُ	يَفْعَلُ < <i>yaf‘alu</i> >	يَفَالُ < <i>yafālu</i> >	Pengalihan harakah <i>fathah</i> pada <i>wāw</i> kepada huruf <i>khā’</i> sebelumnya يَخَوَفُ, kemudian tukarkan huruf <i>wāw</i> kepada

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis perubahan
				huruf <i>alif</i> seperti dalam kaedah pertama يَخَافُ

8. Prinsip Kelapan :

Huruf *wāw* atau huruf *yā'* yang berharakah *ḍammah* atau *kasrah* dan berada di akhiran kata kerja *disukūnkan* apabila berada selepas huruf *ṣaḥīḥ* berharakah (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 189) seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 3.15 : Huruf *wāw* atau huruf *yā'* *disukūnkan* apabila berada di akhiran

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
يَعْرُؤُ	يَعْرُؤُ	يَفْعَلُ < <i>yaf'ulu</i> >	يَفْعَلُ < <i>yaf'ul</i> >	Huruf <i>wāw</i> <i>disukūnkan</i> يَعْرُؤُ
يَرْمِي	يَرْمِي	يَفْعِلُ < <i>yaf'ilu</i> >	يَفْعِلُ < <i>yaf'il</i> >	Huruf <i>yā'</i> <i>disukūnkan</i> يَرْمِي

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
يَخْشَى	يَغْتَسِي	يَفْعَلُ <u>< yaf'alu ></u>	يَفْعَلُ <u>< yaf 'al ></u>	Huruf <i>yā'</i> <i>disukūnkan</i> يَخْشَى . Kemudian huruf <i>yā'</i> ditukarkan kepada huruf <i>alīf</i> mengikut kaedah pertama يَخْشَى

9. Prinsip Kesembilan :

Pengekalan huruf '*illah* apabila berada pada huruf kedua kata akar bagi kata kerja *lafīf maqrūn* . Hukumnya sama dengan huruf *ṣaḥīḥ* iaitu tidak mengalami sebarang perubahan '*ilāl* . Perubahan '*ilāl* hanya berlaku pada huruf '*illah* di akhiran sahaja ('Abdul Mālik 'Abdul Raḥmān al-Sa'diy, 1973 : 151) seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 3.16 : Pengekalan huruf ‘illah pada kata akar kedua kata kerja *lafīf maqrūn*

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
Kata kerja kala lepas طَوَى طَوَى	طَوَى	فَعَلَ <fa'ala>	فَعَى <fa'ā>	Penukaran huruf ya' di akhiran kepada huruf <i>alif</i> seperti dalam kaedah pertama
Kata kerja kala kini يَطْوِي يَطْوِي	يَطْوِي	يَفْعَلُ <yaf'ilu>	يَفْعَى <yaf'il>	Huruf <i>yā'</i> di akhiran <i>disukūnkan</i>
Kata kerja perintah اِطْوِ اِطْوِ	اِطْوِ	اِفْعَلْ <if'il>	اِفْعِ <if'i>	Huruf <i>yā'</i> di akhiran digugurkan sebagai lambang kepada <i>jazm</i>

10. Prinsip Kesepuluh :

Huruf ‘illah di awalan kata kerja *lafīf mafrūq* dikekalkan pada kata kerja kala lepas dan digugurkan pada kata kerja kala kini dan kata kerja perintah . Manakala huruf ‘illah di akhiran pada kata kerja *lafīf mafrūq* *disukūnkan* pada kata kerja kala kini dan digugurkan pada kata kerja perintah . Bagi kata kerja kala lepas pula huruf

'illah di akhiran ditukarkan kepada huruf *alīf* apabila berada selepas harakah *fathah* seperti ditunjukkan dalam jadual dibawah :

Jadual 3.17 : Huruf 'illah di awalan dan akhiran kata kerja *lafīf mafrūq*

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
Kata kerja kala lepas وَقَى وَقَى	وَقَى	فَعَلَ <fa'ala>	فَعَى <fa'ā>	Pertukaran huruf <i>yā'</i> di akhiran kepada huruf <i>alīf</i> seperti dalam kaedah pertama
Kata kerja kala kini يَقَى يَقَى	يَقَى	يَفْعَلُ <yaf'ilu>	يَعَى <ya'i>	Huruf <i>wāw</i> di awalan digugurkan dan huruf <i>yā'</i> di akhiran <i>disukūnkan</i> .
Kata kerja perintah قِ	أَقَى	أَفْعَلُ <if'il>	ع <'i>	Huruf <i>wāw</i> di awalan digugurkan kerana mengikut kata kerja kala kini يَقَى , dan <i>hamzah wasal</i> digugurkan kerana tidak diperlukan.

Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
				Manakala huruf <i>yā'</i> di akhiran digugurkan sebagai lambang kepada <i>jazm</i>

11. Prinsip Kesebelas :

Huruf *wāw* digugurkan apabila berada antara huruf *yā'* dan harakah *kasrah* . Pengguguran *wāw* disebabkan ketiadaan keserasian antara harakah *kasrah* dan huruf *yā'* (‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa’diy ,1973 : 148) , seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 3.18 : Pengguguran huruf *wāw* yang berada antara huruf *yā'* dan harakah *kasrah*

Jenis kata kerja	Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
Kata kerja kala kini	يَعِدُ	يُوعِدُ	يَفْعِلُ < <i>yaf 'ilu</i> >	يَعِلُ < <i>ya 'ilu</i> >	Pengguguran huruf <i>wāw</i> kerana berada

Jenis kata kerja	Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
					antara huruf <i>yā'</i> dan harakah <i>kasrah</i> يَعِدُ
Kata kerja perintah	عِدْ	أَوْعِدْ	إِفْعِلْ < if 'il >	عِلْ < 'il >	Pengguguran huruf <i>wāw</i> kerana berada antara huruf <i>yā'</i> dan harakah <i>kasrah</i> أَعِدْ . Kemudian <i>hamzah</i> digugurkan kerana tidak diperlukan عِدْ

12. Prinsip Kedua Belas :

Apabila dua huruf *wāw* berhimpun secara berturut-turut dalam satu perkataan , di mana huruf *wāw* pertama berharakah *sukūn* dan huruf *wāw* kedua berharakah , maka kedua-dua huruf *wāw* tersebut wajib diserapkan (diidghamkan) (al-Ḥamalāwiy ,1990 : 212) seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 3.19 : Perhimpunan dua huruf *wāw* secara berturut-turut dalam satu perkataan

Ism Maf'ūl	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Sebelum	Jenis perubahan
مَغْرُورٌ	مَغْرُورٌ	مَفْعُولٌ < maf 'ūlun >	مَفْعُلٌ < maf 'ullun >	Penyerapan huruf wāw مَغْرُورٌ
مَدْعُورٌ	مَدْعُورٌ	مَفْعُولٌ < maf 'ūlun >	مَفْعُلٌ < maf 'ullun >	Penyerapan huruf wāw مَدْعُورٌ

13. Prinsip Ketiga Belas :

Apabila huruf *wāw* berharakah *sukūn* dan huruf *yā'* berharakah berhimpun secara berturut-turut dalam satu perkataan . Maka huruf *wāw* ditukarkan kepada huruf *yā'* dan huruf sebelumnya hendaklah *dikasrahkan* kemudian kedua-dua huruf *yā'*

tersebut diserapkan (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt , 1994 : 286) seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 3.20 : Perhimpunan huruf *wāw* berharakah *sukūn* dan huruf *yā'* berharakah secara berturut-turut dalam satu perkataan

Ism Mafūl	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis perubahan
مَرْمِيٌّ	مَرْمُويٌّ	مَفْعُولٌ < maf 'ūlun >	مَفْعِيٌّ < maf 'iyyun >	Penukaran huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>yā'</i> , dan menukarkan harakah <i>ḍammah</i> pada huruf <i>ṣaḥīḥ</i> sebelumnya kepada harakah <i>kasrah</i> مَرْمِيٌّ , kemudian dua huruf <i>yā'</i> diserapkan مَرْمِيٌّ
مَخْشِيٌّ	مَخْشُويٌّ	مَفْعُولٌ < maf 'ūlun >	مَفْعِيٌّ < maf 'iyyun >	Penukaran huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>yā'</i> , dan menukarkan harakah <i>ḍammah</i> pada huruf <i>ṣaḥīḥ</i> sebelumnya kepada

Ism Mafūl	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis perubahan
				harakah <i>kasrah</i> مَخْشِيٍّ , kemudian dua huruf <i>yā'</i> diserapkan مَخْشِيٍّ

14. Prinsip Keempat Belas

Huruf *wāw* atau *yā'* ditukarkan kepada huruf *hamzah* apabila berada selepas huruf *alif* tambahan (‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 158) seperti contoh-contoh dalam jadual di bawah :

Jadual 3.21 : Huruf *wāw* atau *yā'* selepas huruf *alif* tambahan

Ism Fā‘il	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis perubahan
قَائِلٌ	قَاوِنٌ	فَاعِلٌ < fā‘ilun >	فَائِلٌ < fā’ ilun >	Penukaran huruf <i>wāw</i> kepada <i>hamzah</i> kerana berada selepas huruf <i>alif</i> tambahan قَائِلٌ .

كَائِلٌ	كَايِلٌ	فَاعِلٌ < fā'ilun >	فَائِلٌ < fā' ilun >	Penukaran huruf <i>wāw</i> kepada <i>hamzah</i> kerana berada selepas huruf <i>alīf</i> tambahan كَائِلٌ.

15. Prinsip Kelima Belas

Huruf *wāw* dan *yā'* yang bukan berasal daripada huruf *hamzah* ditukar kepada huruf *ta'* apabila kedua-dua huruf tersebut berada di awalan kata akar pada wazan اَفْتَعَلَ < ifta'ala > . (Ibn 'Aqīl ,1990 : 2 : 533) seperti contoh kata kerja وَصَفَ ، يَسَرَ dalam jadual di bawah :

Jadual 3.22: Penggantian huruf *wāw* dan *yā'* kepada huruf *tā'*

Jenis Kata	Kata Kerja	Selepas Perubahan	Wazn Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
Kata Kerja Kala lepas	اِتَّصَفَ	اَوْتَصَفَ	اِفْتَعَلَ < ifta 'ala >	اِثْعَلَ < itta 'ala >	Penukaran huruf <i>waw</i> pada awalan kata akar kepada huruf <i>tā'</i> kemudian
	اِتَّحَدَ	اَوْتَحَدَ	اِفْتَعَلَ < ifta 'ala >	اِثْعَلَ < itta 'ala >	

Jenis Kata	Kata Kerja	Selepas Perubahan	Wazn Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
					penyerapan huruf
Kata kerja Kala lepas اِفْتَعَلَ	اِئْتَسَرَ اِوْتَعَزَّ	اِئْتَسَرَ اِئْتَعَزَّ	اِفْتَعَلَ < ifta 'ala >	اِئْتَعَلَ < itta 'ala >	Penukaran huruf <i>yā'</i> pada awalan kata akar kepada huruf <i>tā'</i> kemudian penyerapan huruf

16. Prinsip Keenam Belas

Penukaran huruf *tā'* pada wazan اِفْتَعَلَ < *ifta'ala* > kepada huruf *tā'* apabila berada selepas empat huruf *iṭbāq* (حُرُوفُ الْإِطْبَاقِ) iaitu huruf *ṣād* (الصاد), *dād* (الضاد), *tā'* (الطاء) dan *zā'* (الظاء) ('Abduh al-Rājihīy , 1984 : 179). Pertembungan huruf *ta'* yang bersifat nipis dengan huruf-huruf *iṭbāq* yang bersifat tebal mengakibatkan berlaku kesukaran ketika proses penuturan . Justeru , huruf *ta'* perlu ditukar kepada huruf الطاء // *tā'* // yang merupakan salah satu huruf *iṭbāq* dan mempunyai sifat yang sama dengan huruf *ta'* berkenaan (Ibn Jinniy , 1954a :2 : 328) seperti contoh dalam jadual berikut .

Jadual 3.23 : Penukaran huruf *tā'* pada wazan اِفْتَعَلَ < *ifta'ala* > kepada huruf *tā'*

Wazan	Sebelum Perubahan	Selepas Perubahan	Perubahan
<u>اِفْتَعَلَ</u> < <i>ifta'ala</i> >	اِصْتَبَرَ // <i>istabara</i> //	اِصْطَبَرَ // <i>istabara</i> //	Penukaran huruf <i>tā'</i> kepada huruf <i>tā'</i>
<u>اِفْتَعَلَ</u> < <i>ifta'ala</i> >	اِضْتَرَبَ < <i>idtaraba</i> >	اِضْطَرَبَ < <i>idtaraba</i> >	Penukaran huruf <i>tā'</i> kepada huruf <i>tā'</i>
<u>اِفْتَعَلَ</u> < <i>ifta'ala</i> >	اِطَّلَعَ // <i>iṭṭala'a</i> //	اِطَّلَعَ // <i>iṭṭala'a</i> //	Penukaran huruf <i>tā'</i> kepada huruf <i>tā'</i>

17. Prinsip Ketujuh Belas

Penukaran huruf *tā'* (التاء) pada wazan أَفْتَعَلَ < *ifta'ala* > kepada huruf *dāl* (الدال) apabila huruf pertama pada kata akar terdiri daripada salah satu daripada tiga huruf berikut iaitu huruf *dāl* (الدال), *dhāl* (الذال) dan *zāi* (الزاي) ('Ibn Jinniy, 1954 : 2 : 180) seperti contoh dalam jadual di bawah :

Jadual 3.24 : Penukaran huruf *tā'* pada wazan أَفْتَعَلَ < *ifta'ala* > kepada huruf *dāl*

Wazan	Sebelum <i>Ibdāl</i>	Selepas <i>Ibdāl</i>	
		Perubahan (1)	Perubahan (2)
<u>أَفْتَعَلَ</u> < <i>ifta'ala</i> >	إِدْتَانُ // <i>idtāna</i> //	إِدْدَانُ	إِدْدَانُ // <i>iddāna</i> //
<u>أَفْتَعَلَ</u> < <i>ifta'ala</i> >	إِذْتَكَّرَ // <i>iztakara</i> //	إِذْذَكَّرَ (1) إِذْذَكَّرَ (2) إِذْذَكَّرَ (3)	" إِذْذَكَّرَ // <i>iddakara</i> // إِذْذَكَّرَ // <i>izzakara</i> //
<u>أَفْتَعَلَ</u> < <i>ifta'ala</i> >	إِزْتَجَرَ // <i>iztajara</i> //	إِزْذَجَرَ // <i>izdajara</i> // إِزْجَرَ ¹ // <i>izzajara</i> //	"

¹ Huruf *ta'* pada إِزْجَرَ // *iztajara* // ditukarkan kepada huruf *zāi* iaitu إِزْجَرَ // *izzajara* // kerana terdapat segelintir penutur asli Arab menukarkan huruf *ta'* // kepada huruf yang sama jenis dengan huruf sebelumnya (Ibn Jinniy , 1954a :2 : 330) .

18. Prinsip Kelapan Belas :

Penyerapan huruf kedua dan huruf ketiga kata akar dari jenis yang sama . Penyerapan boleh dibahagikan kepada tiga jenis berdasarkan keperluannya ,iaitu penyerapan wajib , penyerapan dilarang dan penyerapan harus (al-Ḥamalāwiy , 1990 : 211) seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 3.25 : Penyerapan huruf kedua dan ketiga kata akar dari jenis yang sama

Jenis	Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
Penyerapan wajib	مَدَّ	مَدَدَّ	فَعَلَ < fa'ala >	فَلَّ < falla >	1. Apabila huruf kedua dan ketiga dari jenis yang sama dan berharakah مَدَدَّ
	يَمُدُّ	يَمَدُدُّ	يَفْعُلُ < yaf'ulu >	يَفُلُّ < yafullu >	2. Apabila huruf kedua sukūn dan dan huruf ketiga berharakah يَمَدُدُّ

Jenis	Kata kerja	Sebelum Perubahan	Wazan Sebelum	Wazan Selepas	Jenis Perubahan
Penyerapan di larang	مَدَدْنَ	Tiada	فَعَلْنَ <fa'alna >	Tiada	Apabila huruf kedua berharakah dan huruf ketiga sukūn مَدَدْنَ , يَمُدُّنْ
	يَمُدُّنْ	Tiada	يَفْعَلْنَ <yaf'alna >	Tiada	
Penyerapan harus	أَمُدُّ	Tiada	أَفْعُلْ <'uf'ul >	Tiada	Tiada
	مُدَّ / تُدُّ / مُدَّ	أَمُدُّ	أَفْعُلْ <'uf'ul >	فُلٌّ <fulla > فُلُّ <fullu > فُلِّ <fulli >	

19. Prinsip Kesembilan Belas :

Huruf *hamzah* yang dianggap sebahagian daripada huruf ‘*illah* apabila berada dalam suatu kata . Ia mengalami tiga proses perubahan (‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa’diy , 1973: 171-172) seperti berikut iaitu :

a) Penukaran atau Pengekalan huruf *Hamzah* :

- i Penukaran kepada huruf *alīf* atau pengekalan huruf *hamzah* berlaku apabila huruf *hamzah* berharakah *sukūn* dan huruf sebelumnya berharakah *fathah* seperti : يَأْكُلُ atau يَأْكُلْ .
- ii Penukaran kepada huruf *wāw* atau pengekalan huruf *hamzah* terjadi apabila huruf *hamzah* berharakah *sukūn* dan huruf sebelumnya berharakah *dammah* seperti : يُؤْمِنُ atau يُؤْمِنْ .
- iii Penukaran kepada huruf *yā’* atau pengekalan huruf *hamzah* berlaku apabila huruf *hamzah* berharakah *sukūn* dan huruf sebelumnya berharakah *kasrah* seperti : إِيْدَنْ or إِيْدَنْْ

b) Pengekalan *Hamzah* :

Pengekalan *hamzah* berlaku apabila huruf sebelumnya berharakah seperti قَرَأَ

c) Pengalihan Harakah dan Pengguguran *Hamzah* :

Pengalihan harakah dan pengguguran *hamzah* berlaku apabila huruf *hamzah* berharakah dan huruf sebelumnya *sukūn* seperti سَلِي . Bentuk asalnya adalah اسْأَلْ di mana *hamzah* kata akar digugurkan selepas mengalihkan harakah *fathahnya* kepada huruf konsonan *sīn* sebelumnya . Pengguguran *hamzah* tersebut kerana pertembungan dua harakah *sukūn* berturut-turut dalam satu perkataan iaitu huruf *lām* dan huruf *hamzah* . Manakala pengguguran *hamzah wasal* di awalan pula kerana tidak diperlukan disebabkan huruf *sīn* berharakah .

3.1.4 Kata kerja Bahasa Arab

Kata kerja merupakan satu kata yang merujuk kepada sesuatu peristiwa atau tindakan yang berlaku pada kala lepas atau kala kini atau kala depan (al-Zujājiy , 1959 : 52-53) . Ia adalah adalah satu elemen kajian yang agak penting dalam struktur ayat kerjaan bahasa Arab disebabkan beberapa faktor .

a. Menurut 'Amīn 'Alīy al-Sayyid (1972 : 11) . dalam bukunya” *fi fan al-ṣarf* “ kedudukan kata kerja sebagai kata akar atau kata dasar kepada kebanyakan kata nama terbitan . Kata kerja boleh berkembang kepada beberapa banyak kata berdasarkan keperluan leksikal dan boleh menimbulkan kata terbitan yang berbeza dari segi makna tetapi menggunakan kata akar yang sama .

b. Menurut 'Ibrāhīm Sāmīrā'iy (1986 a : 49) , kekerapan penggunaan kata kerja dalam struktur bahasa Arab adalah tinggi berbanding kata nama. Struktur asas dalam ayat bahasa Arab bermula dengan kata kerja kecuali di atas pertimbangan semantik dan kepentingan nahu , barulah ia dimulakan dengan kata nama dan sebagainya .

Beliau (1986 b : 54) juga turut menegaskan demikian dalam bukunya yang lain “*Fiqh al-Lughat al-Muqārīn*” dengan katanya :

وَمِنْ إِهْتِمَامِ الْعَرَبِيَّةِ بِالْفِعْلِ غَلَبَةُ الْجُمْلَةِ الْفِعْلِيَّةِ عَلَى كَلَامِ
الْعَرَبِ

Di antara sebab keperihatinan orang Arab terhadap aspek kata kerja adalah kerana ayat kerjaan menjadi dominan dalam struktur ayatbahasa Arab

Dalam sistem kala , yang dipentingkan adalah masa atau ketika sesuatu perbuatan dilakukan . Berdasarkan pembahagian kala , kata kerja bahasa Arab boleh dibahagikan kepada tiga kategori dan setiap satu masing-masing mempunyai wazan tersendiri iaitu :

- a. Kata kerja kala lepas .
- b. Kata kerja kala kini dan depan ,
- c. Kata kerja perintah .

Ṣubḥīy Ṣāleḥ (1960 : 332) dalam kajiannya berpendapat bahwa harakah dan struktur susunan huruf kata kerja bahasa Arab adalah mengikut satu peraturan yang jelas dan mempunyai wazan sama yang rapi dan utuh . Apabila diterima pakai dalam komuniti penutur asli Arab ianya tidak boleh diubah atau dilanggari .

Dari sudut struktur kata , didapati ada sekumpulan kata kerja yang tidak mengambil sebarang huruf penambah seperti ، فهم ، سمع ، غسل ، خرج ، شرب ، دخل ، أكل ، نام ، ذهب dan sebagainya . Kata kerja yang seperti ini dinamakan kata kerja *thulāthiy mujarrad* (ثُلَاثِي مُجَرَّد) . Manakala kata kerja yang mengambil satu atau lebih huruf penambah dalam struktur katannya seperti ، أكرم ، اجتهد ، جادل ، تقائل ، انكسر ، قطع ، تعلم ، استغفر dan sebagainya dinamakan sebagai kata kerja *mazīd* (مَزِيدَة) .

3.1.4.1 Struktur Kata kerja Bahasa Arab

Menurut Ibn Jinniy (1954 : 17) , suku kata yang paling kecil dalam struktur kata kerja bahasa Arab terdiri daripada tiga suku kata . Ini bermaksud kata kerja bahasa Arab yang mempunyai satu atau dua suku kata tidak wujud dalam percakapan penutur asli Arab (‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy ,1973 : 12) . Oleh yang demikian susunan huruf kata kerja bahasa Arab pula tidak kurang daripada tiga huruf akar (asal) dan tidak melebihi empat huruf akar (asal) . Para sarjana linguistik Arab bersepakat bahawa kata kerja yang mempunyai lima huruf akar atau lebih tidak terdapat dalam bahasa Arab (Riḍa’uddin , 1982 :1 :7-9 , dan Ṣubḥīy Ṣāleḥ , 1960 : 333) .

Dari segi morfologi moden , struktur kata akar pada kata kerja bahasa Arab terbentuk daripada satu morfem sahaja iaitu dikenali sebagai *morfem bebas* yang boleh berdiri dengan sendiri sebagai kata penuh tanpa memerlukan bantuan morfem lain seperti *sha- ra- ba* (شَرِبَ), *qa- ra- 'a* (قَرَأَ), *ja- la- sa* (جَلَسَ). Apabila diperhatikan hubungan antara bunyi setiap suku kata dalam contoh kata kerja tersebut didapati ianya mempunyai ekatan yang sangat erat dan tetap utuh pada tempatnya serta tidak boleh dipisah-pisahkan atau terbalikkan (Muḥammad Mubārak ,1975 : 254) . Jika digugurkan atau diterbalikkan salah satu unsur tersebut seperti digugurkan *sha* (شَ), *qa* (قَ) dan *ja* (جَ) pada *sha- ra -ba* (شَرِبَ), *qa- ra- 'a* (قَرَأَ), *ja- la- sa* (جَلَسَ) dan contoh – contoh seumpamanya, akan menjadi *ra-ba* (رِبَ), *ra- 'a* (رَأَ) dan *la- sa* (لَسَ) , atau diterbalikkan menjadi *ba-sha-ra* (بَشَرَ), *ra- 'a-qa* > (رَأَقَ) dan *la-ja-sa* (لَجَسَ) , maka pembentuk kata kerja tersebut tidak betul dan tidak berfungsi sebagai unsur bahasa atau menyimpang dari maksud asal. Ini kerana setiap satunya merupakan unsur yang *mendukung makna* (Tammām Ḥassān , 1985 : 78) .

Struktur kata kerja dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua kategori iaitu kata kerja mujarrad dan kata kerja *mazīd* seperti dalam huraian berikut :

a) **Kata kerja Mujarrad** (المجرّد)

Kata kerja *mujarrad* adalah kata kerja yang susunan kata akarnya terdiri daripada huruf asal sahaja tanpa sebarang huruf imbuhan . Kata kerja *mujarrad* ini lebih dikenali dalam kalangan ahli linguistik moden sebagai morfem bebas . Huruf asal tersebut tidak boleh digugurkan tanpa sebab morfologi , sebaliknya tetap utuh pada tempatnya (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978: 54) . Contohnya كَتَبَ KK // *kataba* // , بَاعَ // *bā'a* // dan قَالَ // *qāla* // .

Kata kerja *mujarrad* adalah samā'iy dan proses pembentukannya tidak boleh dilakukan secara *qiyās* sebaliknya telah ditentukan secara nukilan daripada sebutan penutur asli Arab ('Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 27) Namun , kata kerja *mujarrad* ini tidak terkecuali daripada memiliki wazan atau acuan tersendiri (Rosdi Ismail ,2000 : 1) .

Kata kerja *mujarrad* hanya terbentuk daripada kata akar tiga huruf dikenali sebagai *thulāthiy mujarrad* (المجرّد الثلاثي) dan diikuti kata akar empat huruf dikenali sebagai *rubā'iy mujarrad* (المجرّد الرباعي) . Para ulamak bersepakat bahawa kata kerja *mujarrad* yang terbentuk kurang dari tiga huruf akar dan melebihi dari empat huruf akar tidak wujud dalam bahasa Arab (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy ,1978: 54) . Berikut dinyatakan beberapa kaedah pembentukan kata kerja *mujarrad* sebagaimana yang telah ditetapkan oleh para sarjana Arab :

1. Jika kata kerja *thulāthiy mujarrad* , maka hendaklah dipadankan dengan wazan secara berturut-turut . Fonem pertama yaitu huruf فاء // *fa'* // pada wazan dipadankan dengan huruf pertama pada kata kerja . Fonem kedua yaitu huruf عين // *'ain* // dipadankan dengan huruf kedua . Harakah huruf pertama dan kedua pada wazan hendaklah sama dengan harakah huruf pertama dan kedua pada kata kerja . Sementara fonem ketiga yaitu huruf لام // *lām* // pula dipadankan dengan huruf ketiga pada kata kerja tanpa meletakkan sebarang harakah (Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 16) . Seperti pemadanan kata kerja كَتَبَ // *kataba* // dengan wazan *thulāthiy mujarrad* فَعَلَ <*fa'ala*> dalam contoh di bawah :

الكَاف // <i>kāf'</i> //	sama dengan	< <i>fā'</i> > pada wazan
التَّاء // <i>tā'</i> //	sama dengan	< <i>'ain</i> > pada wazan
البَاء // <i>bā'</i> //	sama dengan	< <i>lām</i> > pada wazan

2. Jika kata kerja *rubā'iy mujarrad* , maka hendaklah ditambah satu lagi huruf لام // *lām* // pada akhir wazan berkenaan bagi membentuk wazan فَعَّلَ <*fa'lala*> . Proses pemadanan huruf pertama , kedua , ketiga dan keempat pada wazan dengan huruf pertama , kedua , ketiga dan keempat pada kata kerja dilakukan secara berturutan . Harakah huruf pada wazan dan kata kerja hendaklah sama kecuali pada huruf keempat dibiarkan tanpa harakah . Seperti pemadanan kata kerja *rubā'iy mujarrad* بَعَثَرَ // *ba'thara* // dengan wazan فَعَّلَ <*fa'lala*> dalam contoh di bawah :

البَاء // <i>bā'</i> //	sama dengan	< <i>fā'</i> > pada wazan
العَيْن // <i>'ain</i> //	sama dengan	< <i>'ain</i> > pada wazan
الثَّاء // <i>thā'</i> //	sama dengan	< <i>lām</i> > pada wazan
الرَّاء // <i>rā'</i> //	sama dengan	< <i>lām</i> > pada wazan

Berdasarkan harakah dan bilangan huruf asal pada kata kerja, maka para ulamak telah membahagikan kata kerja *thulāthiy mujarrad* kepada tiga wazan 'asliy iaitu فَعَلَ < *fa'ala* >, فَعِلَ < *fa'ila* > dan فَعُلَ < *fa'ula* > dan kata kerja *rubā'iy mujarrad* kepada satu wazan 'asliy iaitu فَعَّلَ < *fa'lala* >. Pola tersebut adalah *samā'iy* dan pembahagian tiap-tiap wazan ini sebenarnya didasari oleh penggunaan dan pemakaian orang Arab sendiri dan atas keperluan fonologi. Ini bermakna pakar dan pengguna bahasa Arab terpaksa menerimanya secara total apa yang didatangi kepada mereka berhubung dengan wazan-wazan kata kerja *mujarrad* tersebut. Jadual 3.26 di bawah diperturunkan wazan-wazan 'asliy kata kerja *mujarrad* bagi dua kategori di atas yang sering ditemui dalam penggunaan bahasa Arab :

Jadual 3.26: Pembahagian Wazan-wazan Kata kerja *Mujarrad*

Golongan Kata Kerja <i>Mujarrad</i>	Wazan <i>Mujarrad</i>
Kata Kerja <i>Thulāthiy Mujarrad</i> (المجرّد الثلاثي)	i. فَعَلَ ii. فَعِلَ iii. فَعُلَ
Kata Kerja <i>Rubā'iy Mujarrad</i> (المجرّد الرباعي)	فَعَّلَ

Jika diperhatikan secara terperinci , perbezaan pada tiap-tiap wazan kata kerja *thulāthiy mujarrad* tersebut hanya pada harakah huruf kedua sisipan sahaja iaitu huruf 'ain iaitu *fathah* (عَ) , *kasrah* (عِ) dan *ḍammah* (عُ) . Manakala harakah huruf pertama dan ketiga bagi tiap-tiap wazan tersebut bersifat *fathah* . Pada hakikatnya perbezaan harakah huruf 'ain / ع / tersebut tidak mempunyai apa-apa makna yang didukungnya .

Demikian juga dengan kata kerja *rubā'iy mujarrad* . Perbezaan terletak pada kewujudan dua huruf *lām* di akhiran . Bagaimanapun , kewujudan huruf *lām* tersebut tidak mempunyai apa-apa makna yang didukungnya, tetapi hanya untuk membezakan wazan sahaja(Muḥammad 'Abdul Khālid 'Uḍāimat, 1962: 33).

b) Kata kerja *Mazīd* (المزيد)

Kata kerja *mazīd* ialah kata kerja yang menerima satu atau lebih huruf penambah pada kata akarnya (al-Ḥamalāwiy ,1990 : 45) . Ia adalah *qiyāsiy* dan pembentukan katanya amat memerlukan kepada wazan melalui kaedah analogi dengan berpandukan bentuk wazan tertentu . Tiap-tiap huruf imbuan lazimnya mendukung makna tertentu (Zainul Kāmil al-Khuwaikiy , 1983: 11) tetapi tidak dapat berdiri sendiri tanpa adanya bentuk lain sebagai dasar . Selain memberi impak yang besar kepada perubahan pada struktur katanya kehadiran huruf imbuan juga berperanan menerbitkan makna tambahan kepada makna dasar dan membentuk kata transitif dan tak transitif ('Amīn 'Aliy al-Sayyid ,1972 : 35) .

Kajian makna secara logiknya merupakan satu langkah kesinambungan yang harus dilakukan oleh setiap pengkaji bahasa setelah kajian berkaitan pembentukan kata itu selesai dilakukan . Menurut Abdullah Hassan (1989 : 224) sememangnya ada perbezaan antara kajian pembentuk kata dan kajian makna. Kajian pembentukan kata melibatkan bahan – bahan yang secara jelas dapat dipandang dan dianalisa . Sebaliknya kajian makna pula mengkaji bahan yang tidak dapat dilihat. Memang sukar untuk membuat kepastian bagaimana makna itu dapat dilihat dengan jelas . Kajian makna ini selalunya bergantung kepada mengenali konteks (context of situation) secara lebih terperinci dan hubungan kata dengan tatabahasa (Tammām Ḥassān ,1985 : 337) . Makna bukan sahaja berubah menurut konteks , penggunaan dan pemakaiannya . Malah makna suatu kata kerja itu boleh juga berubah melalui proses morfologi di luar rujukan nahu seperti proses pengimbuhan .

Salah satu cara yang mudah untuk melihat komponen makna bagi setiap kata kerja *mazīd* adalah dengan merujuk kepada bentuk wazan. Setiap set wazan kata kerja *mazīd* berperanan membawa beberapa makna tersirat untuk menyokong makna dasar pada kata akar kata kerja berkenaan. Setiap kehadiran huruf imbuhan dalam suatu kata kerja akan memberi kesan kepada perubahan makna atau timbulnya makna baru hasil gabungan makna baru dengan makna asal kata kerja tersebut (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt , 1994 : 42). Oleh sebab itu , setiap pola kata kerja bahasa Arab membawa makna tertentu dan berbeza dengan pola-pola kata kerja lain .

Huruf imbuhan secara tersendiri tidak mempunyai makna lengkap , sebaliknya makna yang lengkap terjelma apabila digabungkan pada kata akar. Dengan berdasarkan ciri makna demikian maka setiap huruf imbuhan boleh dianggap sebagai “*penanda makna*” bagi kata imbuhan yang dihasilkannya . Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa dunia yang mempunyai struktur kekeluargaan dalam pembentukan katanya . Setiap kata , walau bagaimana luas atau berubahnya tetapi mempunyai makna yang saling berhubungan antara satu sama lain . Makna asal yang umum wujud dalam perubahan-perubahan kata itu (Ṣubḥīy al-Ṣāleḥ ,1981 : 175) . Bagaimana pun dalam kajian ini , pengkaji hanya membuat analisis berkaitan dengan makna-makna tersirat secara sepintas lalu sahaja .

Imbuhan kata kerja bahasa Arab boleh digolongkan kepada tiga jenis iaitu awalan , sisipan dan separuh kurungan mengikut fungsi nahuan yang dibawahnya . Awalan dicantumkan dipangkal kata akar , Sisipan disisip biasanya selepas huruf pertama dalam kata akar , dan separuh kurungan pula sebenarnya terbentuk dari gabungan awalan dan sisipan sebagai imbuhan yang mengurungi separuh kata akar. Istilah separuh kurungan ini sengaja ditimbulkan bagi memudahkan pemahaman kepada cantuman antara awalan dan sisipan .

Struktur pengimbuhan kata kerja bahasa Arab tidaklah terlalu kompleks. Ini disebabkan imbuhan –imbuhan berlaku dalam satu lapisan sahaja dan proses pembentukan kata kerja tersebut adalah *qiyāsiy* . Dalam kata kerja bahasa Arab tidak ada konstruksi pengimbuhan yang terdiri lebih dari satu lapisan . Contohnya KK أَكْرَمَ , جَادَلَ , اسْتَفْهَمَ terdiri daripada satu lapisan imbuhan sahaja iaitu *hamzah* (ا) pada أَكْرَمَ , *alif* (ا) pada جَادَلَ dan *hamzah ,sīn ,tā'* (است) pada اسْتَفْهَمَ . Tidak terdapat dalam bahasa Arab lapisan kedua dan ketiga pada kata kerja berkenaan dan seumpamanya seperti mana terdapat dalam bahasa Melayu . Misalnya *ber+ se + (faham)+ an* daripada kata dasar *faham* , *me + nge +(syak)+ i* daripada kata dasar *syak* dan *pem +(belajar)+ an* daripada kata dasar *belajar* (Abdullah Hassan , 1987 b : 60).

Kata kerja kala kini dan kata kerja perintah adalah subgolongan kepada kata kerja kala lepas . Apabila suatu proses pengimbuhan tertentu berlaku pada kata kerja kala lepas , proses yang sama juga turut berlaku pada kata kerja kala kini dan kata kerja perintah . Menurut para sarjana linguistik Arab pembentukan pola kata kerja kala kini bagi kategori kata kerja *mazīd* adalah dengan menambahkan huruf–huruf *mudāri*’ iaitu *hamzah, nūn, yā’* dan *tā’* di awalan kata akar pada kata kerja kala lepas . Manakala harakah huruf kedua sebelum akhir adalah *kasrah* seperti *يُنْطَلِقُ* // *yantaliqu* // , kecuali kata kerja kala lepas yang didepani dengan huruf *tā’* imbuhan , maka huruf kedua sebelum akhir *difathahkan* seperti *يَتَجَاهَلُ* // *yatajāhalu* // (Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍāimat , 1955 : 30) .

Dari segi struktur susunan huruf , kata kerja *mazīd* boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan iaitu : *kata kerja mazīd satu huruf* , *kata kerja mazīd dua huruf* , dan *kata kerja mazīd tiga huruf* . Kehadiran tiap-tiap satu subgolongan ini dalam kata kerja berlaku dengan menurut peraturan dan kaedah yang tetap secara analogi bukan sembarangan . Kata kerja *mazīd* yang diterbitkan dengan tidak menurut peraturan dan kaedah ini adalah salah di sisi ahli linguistik kerana tidak mematuhi syarat .

Walaupun demikian, terdapat juga bentuk kata kerja yang langsung tidak boleh menerima huruf imbuhan . Kata kerja yang jenis ini dipanggil oleh pakar-pakar bahasa sebagai kata kerja tak sempurna (الأفعال الناقصة) . Ia tidak boleh menerima sepenuh perubahan sebagaimana kata kerja lain seperti kata kerja (كان) dan saudaranya iaitu : ظَلَّ , أَضْحَى , بَاتَ , أَصْبَحَ , أَمْسَى , صَارَ , لَيْسَ , مازَالَ , مَا بَرِحَ , مَا دَامَ مَا dan مَا قَتِيَ , أَنْفَكَ (الأفعال الناقصة) apabila tidak mendukung makna tersendiri , sebaliknya memerlukan kepada frasa atau ayat selepasnya untuk melengkapkan maknanya seperti كَانَ مُحَمَّدٌ مُجْتَهِدًا . Sebaliknya jika mendukung makna tersendiri maka ia dikira kata kerja sempurna (الأفعال التامة) dan boleh menerima perubahan seperti kata kerja lain (Maḥdīy al-Makhzūmiy ,1986 : 176 ,178) .

Jika dikaitkan struktur morfologi dengan struktur fonologi ,didapati hampir semua kata dasar dalam semua kategori kata kerja *thulāthiy mujarrad* boleh menerima huruf imbuhan pada kata dasarnya . Gabungan *huruf imbuhan + kata dasar* membentuk *kata kerja mazīd* yang membawa makna nahuan tersendiri ('Amīn 'Aliy al-Sayyid, 1972 : 35) . Tiap-tiap huruf imbuhan atau dikenali sebagai morfem terikat dikalangan pakar bahasa berfungsi “ menambah” kepada makna kata akar tersebut . Imbuhan huruf berlaku dalam dua bentuk berikut :

a. **Pengulangan (التضعيف) Satu atau Lebih Huruf Sejenis**

Pengulangan huruf berlaku pada huruf akar kedua ‘ain (ع) dan huruf akar ketiga lām (ل) sahaja . Ia boleh melibatkan semua huruf hijā’ selain daripada huruf alīf (Khadījah al-Ḥadīthiy ,1965: 94). Jika pengulangan berlaku pada huruf akar , pengulangan juga turut pada wazan . Tujuan pengulangan huruf dapat dilihat dari dua sudut iaitu :

i. Pengembangan Makna seperti kata kerja هَدَّب // *hadhdhaba* // ، قَطَعَ // *qaṭṭa* ‘a // dan عَلَّمَ // ‘*allama* // daripada wazan فَعَّلَ < fa‘‘ala > iaitu pengulangan huruf kedua ‘ain (ع) memberi maksud kelakuan melampau dan bersangatan .

ii. *Ilhāq* (إلحاق) . Iaitu pengimbuhan satu atau lebih huruf penambah pada kata kerja supaya menyamai pola perkataan yang lain dari sudut bilangan huruf dan harakah (Riḍa’uddin , 1982 : 1: 52 dan Muhammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 155). Dengan perkataan lain , *Ilhāq* bermaksud wazan ciptaan yang dibentuk bagi dipadankan dengan perkataan yang baru dicipta oleh orang Arab . Mereka mencipta perkataan baru dengan cara menambah huruf kepada suatu kata dan kemudiannya dipadankan dengan mana-mana perkataan yang sedia ada seperti wazan kata kerja مَهَّد ، شَمَل ، جَلَبِب adalah فَعَّلَلَ < fa‘ lala > dianggap bentuk *ilhāq* kerana menyamakannya dengan kata kerja asal دَخَرَج // *dahraja* // iaitu dengan pengulangan huruf ketiga lām (ل) dan dipadankan dengan wazan فَعَّلَلَ < fa‘lala >.

Wazan **فَعَّلَ** bagi kata kerja seperti **جلب ، شمل ، مهدد** pada hakikatnya berbeza daripada wazan **فَعَّلَ** < *fa'lala* > bagi kata kerja **دحرج** walaupun pada zahirnya sama. Ini kerana huruf *lām* pertama pada kata kerja **جلب ، شمل ، مهدد** bukan asli , sebaliknya *lām* pertama pada kata kerja **دحرج** adalah asli .

b. Pengimbuhan Huruf (زيادة الخروف)

Pengimbuhan pada kata berlaku melalui huruf-huruf penambah . Huruf-huruf penambah tersebut juga hadir dalam wazan timbangan . Dalam bahasa Arab terdapat 10 huruf penambah (حروف الزيادة) yang dihimpun dalam ungkapan : **سألتمونها** . Huraian tiap-tiap satunya adalah seperti berikut :

i Huruf Hamzah.

Kebanyakan huruf hamzah ditambah di awalan kata dasar sama ada kata nama seperti **أقاول** ، **أحمد** atau kata kerja seperti **أخرج ، أحسن ، أكرم** . Selain itu ia juga ditambah di awal kata yang huruf pertamanya terdiri daripada huruf yang berharakah *sukūn* seperti **أب ، أنطلق ، أنتصر ، أذهب** . Pada ketika itu ia dinamakan sebagai *hamzah* wasal kerana berfungsi menghubungkan huruf hamzah dengan huruf yang berharakah *sukūn* selepasnya (Ibn Jinniy ,1954 : 11).

Pengimbuhan *hamzah wasal* pada selain dari awalan kata hanya terhad kepada perkataan tertentu sahaja. seperti pengimbuhan di sisipan pertama شامل, sisipan kedua حمراء، عمياء dan akhiran حطائط، جرائض, sisipan ketiga شمال, sisipan ketiga عمياء، حمراء .

ii. Huruf *Alif*

Huruf *alif* tidak boleh berada di awalan kata nama dan kata kerja kerana sifatnya sebagai huruf tak bersuara. Ianya boleh ditambah di sisipan dan akhiran seperti sisipan pertama خاتم، صافح، قاتل، صافح، خاتم sisipan kedua : مساجد، تقاتل، تصافح، تقاتل، مساجد : sisipan ketiga : سعدي، سلمى اسرندی، ارعوى، كمثرى dan akhiran : محراب، مفتاح : عطشى .

Jika huruf *alif* merupakan huruf asal (اصل) bagi kata dasar maka ia bukan dikategorikan sebagai huruf tambahan sebaliknya ia adalah gantian daripada huruf asal *yā'* (ياء) ataupun *wāw* (واو) seperti ناب (pola asalnya ialah قال ، (نوب) (pola asalnya ialah) سما (بيع) (pola asalnya ialah باع) ، (قول) (pola asalnya ialah) رمى (رمى) (pola asalnya ialah) (Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 41) .

i. Huruf Yā'

Huruf *yā'* merupakan huruf asal apabila berada bersama dua huruf asal dalam satu kata dasar samada di awalan , di sisipan atau di akhiran seperti ، رمي ، بيع ، حين (Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 46) . Sebaliknya ia menjadi huruf imbuhan sekiranya berada bersama tiga huruf asal dalam satu kata dasar . Menurut Sībawayh huruf *yā'* dianggap huruf asal perkataan jika ia berada di awalan bersama empat huruf asal seperti يستعور .

Pengimbuhan huruf *ya'* berlaku di awalan kata nama dan kata kerja seperti KN يرمع ، KN يهبر ، KK يكتب ، KK يقاتل ، dan KK يهدب . Pengimbuhan juga turut berlaku di sisipan pertama kata nama dan kata kerja seperti KN صيرف ، KN غيلم ، KN خيفق ، KK شيطان dan KK سيطر ، di sisipan kedua kata nama dan kata kerja seperti KN قضيب ، KN جديد ، KK شريف ، di sisipan ketiga KN dan KK . seperti KN حذرية ، KK سلقينه dan KK فلسينه . di sisipan keempat kata nama dan kata kerja seperti KN سلحفية ، KK بلهنية ، dan KK تفلسيت ، .

iii. Huruf Wāw

Pengimbuhan huruf *wāw* hanya berlaku di bahagian sisipan sahaja . Jika kewujudannya di awalan dan bersama dua huruf asal perkataan , maka ia dianggap sebagai huruf asal perkataan dan bukan huruf imbuhan seperti KN *دلو* , KN *يوم* , KN *خوف* , KK *وجد* , KK *وعد* dan KK *عور* (Fakhruddin Qabāwat ,, 1988 : 44) . Bagaimanapun jika ia berada bersama tiga atau lebih huruf asal , maka ia dikatakan huruf imbuhan selagi tidak terbukti keasliannya melalui proses derivasi . Contoh pengimbuhan di bahagian sisipan pertama : KN *عوسج* , KN *جوهر* , KK *صومع* , dan KK *جهور* , sisipan kedua : KN *جدول* , KN *عجوز* , KK *رھوك* , dan KK *حوقل* . Sisipan ketiga : KN *ترقوة* , KN *عنفوان* , KK *اغودن* dan KK *اعشوشب* . sisipan keempat : KN *عضرفوط* dan KK *اعلوّط* dan sisipan kelima KN *اربعارى* .

iv. Huruf Mīm

Pengimbuhan huruf *mīm* pada kebiasaannya berlaku di bahagian awalan kata nama kecuali apabila terbukti keasliannya melalui proses derivasi seperti *معدّ* (Ibn Jinniy ,1954 a : 129) . Pengimbuhan huruf *mīm* tidak berlaku di awalan kata kerja (Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍāīmat ,1962 : 18) , tetapi ianya hanya berlaku di awalan kata nama dari golongan kata nama *maṣḍar* seperti *مجاهدة* , *ism fā‘il* yang bukan dari *thulāthiy mujarrad* seperti *مكرم* , *ism maf‘ūl* seperti *معلوم* , kata nama alat seperti *مقصّ* , kata nama tempat seperti *مجلس* dan kata nama masa seperti *مغرب* .

Pengimbuhan huruf *mīm* di bahagian sisipan dan akhiran tidak meluas dan terhad kepada kata nama tertentu sahaja berdasarkan kepada nukilan daripada orang Arab seperti sisipan kedua iaitu KN هرماس , sisipan ketiga iaitu KN دلامص dan akhiran KN زُرُقُم KN شَجْعَم (Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 44) .

v. *Huruf Nūn*

Pengimbuhan huruf *nūn* berlaku pada kata nama dan kata kerja dalam keadaan berikut :

- a. Jika huruf *nūn* berada selepas huruf alif dan sebelumnya terdapat tiga huruf asal tanpa idgham seperti KN سكران , KN ندمان , KN عدنان ،
- b. Jika huruf *nūn* adalah huruf ketiga yang berharakah *sukūn* dalam KN seperti KN سرندي ، KN سجنل ، KN جحنفل .
- c. Ḍamīr diri pertama bagi KK kala kini seperti KK نكتب ، KK نكرم ، KK نستخرج ، KK نقاتل .
- d. Pola KK yang menunjukkan makna مُطَاوَعَة // *Mutawaah* // yang bermaksud kesan atau akibat (Fakhruddin Qabawat , 1988 : 53) .. Contohnya : KK انشعب ، KK انكسر ، KK احرنجم .

vi. **Huruf Tā'**

Pengimbuhan huruf *tā'* berlaku secara meluas pada kata nama dan kata kerja dalam keadaan berikut :

- a. Kata kerja kala kini bagi ḍamīr diri kedua dan ketiga seperti كَتَبَ ,
تَنَصَّرَ , تَنَحَّرَ , تَنَصَّرَ .
- b. Awalan kata kerja kala lepas bagi tujuan *Muṭāwa'ah* seperti تَقَدَّمَ ,
تَغَافَلَ , تَشَارَكَ , dan تَغَافَلَ .
- c. Kata nama *maṣḍar* bagi pola كَفَعَلَ , افْتَعَلَ , اسْتَفْعَلَ , فَعَلَ , فَعَلَ seperti
التَّجَوُّلُ , التَّشَارِكُ , التَّنَاصُرُ , الاستِخْرَاجُ , التَّرْكِيَةُ , التَّقَدُّمُ .
- d. Akhiran kata nama feminim , dan jamak feminim seperti كَانَتْ , كَانَتْ
طَبِيبَاتٍ .

Sungguh pun begitu , terdapat juga pengimbuhan huruf *tā'* pada tempat yang tidak tersebut di atas , namun jumlahnya adalah kecil dan terhad (Muḥammad 'Abdul Khālid 'Aḍīmat, 1962a : 19) seperti التَّمَثُّلُ , التَّلَفَّاءُ , مَلَكُوتُ , كَانَتْ , كَانَتْ , كَانَتْ .

vii. *Huruf Hā'*

Pengimbuhan huruf *hā'* kebiasaannya berlaku pada bahagian akhiran kata nama dan kata kerja terutama ketika memberhentikan sebutan atau bacaan wakaf. Kata nama yang sering terlibat dalam penambahan huruf *hā'* ini ialah kata nama tanya (ما الاستفهامية) yang berada dalam keadaan *majrur* seperti ، لِمه ، يا ، dan kata nama seruan bagi rintihan (الندبة) ketika wakaf seperti ، يا ، واغلاماه غلاماه . Sementara kata kerja perintah (فعل الأمر) pula ialah ketika berlaku pengguguran huruf awalan dan akhiran seperti : KK عه , KK قه .

Pengimbuhan huruf *hā'* pada selain dari tempat di atas adalah jarang berlaku dan jumlahnya terlalu kecil seperti . KN أمهات dan KK أهرقت .

viii. *Huruf Sīn*

Pengimbuhan huruf *sīn* hanya terdapat pada pola kata kerja استفعل < *istaf'ala* > dan subgolongannya sahaja (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 177) seperti KK اسْتَجَابَ KN *maṣdar* الاستجابة , KN *fā'il* مُسْتَجَابٌ KN *maf'ūl* مُسْتَجِيبٌ

ix. Huruf Lām

Pengimbuhan huruf lām berlaku secara meluas pada kata nama tunjuk (اِسْمُ) (الإِشَارَة) seperti ذلك , أولالك , تلك . Pada tempat lain jarang berlaku dan dianggap luar biasa (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 178) seperti KN عبد dan KN زيدل .

Namun begitu terdapat juga nukilan daripada orang Arab , dimana mereka turut menambahkan lām pada KN فحل (daripada فحج) , KN هيقل (daripada هيق) dan KN طيسل (daripada طيس) , tetapi jumlahnya adalah kecil dan terhad (Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 60) .

3.1.4.1 Fungsi Huruf-huruf Imbuhan

Kehadiran huruf -huruf imbuhan dalam kata kerja dan kata nama membawa fungsi dan tujuan-tujuan seperti berikut :

a. Pelanjutan Suara (مد الصوت) .

Masyarakat Arab terutamanya penyair suka memanjang dan melembutkan suara dalam bahasa mereka supaya bersesuaian dengan ungkapan dan lagu yang mereka ciptakan . Lantaran itu huruf *mad* (مَد) iaitu huruf *alīf* , huruf *wāw* dan huruf *yā'* telah ditambah dalam perkataan mereka untuk memenuhi keperluan tersebut (Ibn Jinniy , 1954 : 14) seperti KN كتاب , KN غلام , KN عجوز , KN صحيفة , KN قضييب , KN رسول .

b. Penggantian (التعويض)

Penggantian huruf berlaku apabila satu huruf asal dalam suatu perkataan digugurkan kerana memenuhi kehendak wazan atau atas sebab-sebab tertentu (Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍāimat ,1962 : 57) seperti huruf *alīf* pada KN اسم merupakan huruf gantian kepada huruf yang digugurkan iaitu huruf *wāw* yang mewakili huruf *fā’* pada wazan iaitu *wasama* (وَسَمَ). Demikian juga huruf *tā’* pada kata nama maṣdar إقامة dan استقامة adalah huruf gantian kepada huruf *alīf* yang merupakan huruf asal pada wazan إفعال < *if’āḷun* > yang digugurkan.. Menurut Sībawayh , pengguguran tersebut wajar dilakukan bagi mengelak pertembungan dua huruf *alīf* yang membawa fungsi berlainan iaitu huruf *alīf* tambahan pada wazan إفعال < *if’āḷun* > yang membawa makna *mad*, sementara huruf *alīf* asal pada perkataan tersebut tidak mempunyai sebarang fungsi makna (Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 106) .

c. Memperjelaskan Harakah (بيان الحركة)

Pengimbuhan huruf *hā’* pada ketika wakaf (الوقف) di akhiran KN ماليه dan KN سلطانيه bertujuan memperjelaskan harakah *fathah* huruf *yā’* sebelumnya (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 176). Pengimbuhan huruf *alīf* pada *ḍamīr* أنا // *’anā* // untuk menerangkan harakah huruf *nūn* sebelumnya . Oleh itu segelintir masyarakat Arab menambah huruf-huruf tertentu di akhiran kata semata-mata untuk menerangkan harakah sebelumnya seperti huruf *alīf* pada KK قالا dan huruf *hā’* pada kata أَنَّهُ .

d. Memperbanyak Bilangan Huruf Dalam Perkataan

Kadang kala pengimbuhan huruf bertujuan memperbanyakkan bilangan huruf dalam perkataan (Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍāimat 1962 : 57), seperti pengimbuhan huruf *alīf* pada KN كثرى ، قبعثرى dan pengimbuhan huruf *nūn* pada KN كنهيل

e. Membolehkan Menutur Huruf *Sākin* (الساكن)

Pengimbuhan huruf *hamzah wasal* di awalan kata kerja dan kata nama yang dimulai dengan harakah *sukūn* seperti KK اضرب , KK انتصر , KK استخرج , انفتح (Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaimat 1962 : 57)

f. Penambahan Makna

Setiap pengimbuhan huruf berperanan membawa makna tersirat yang tidak terdapat pada kata dasar . Justeru , proses pengimbuhan huruf merupakan satu proses yang penting ke arah perkembangan bahasa (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy ,1978 : 165) . Antara makna-makna tersirat yang dapat dilihat hasil pengimbuhan huruf adalah seperti berikut :

- i. Makna Fā'il seperti pPengimbuhan huruf *alif* pada KN ضارب ، قائم ،
- ii. Makna Maf'ūl seperti pengimbuhan huruf *mim* dan waw pada KN مضروب ، مأكول ، مقتول
- iii. Makna Ḍamīr Diri Pertama , Kedua dan Ketiga seperti pengimbuhan huruf *Muḍāri'* pada KK يكتب ، أكتب ، نكتب ، تكتب
- iv. Makna Natijah , Kesan dan Hasil (المطاوعة) seperti pengimbuhan huruf *hamzah* dan huruf *nūn* pada KK انكسر
- v. Makna Transitif (التعدية) seperti pengimbuhan huruf *hamzah* pada KK انفتح dan KK أكرم
- vi. Makna Kesalingan (المشاركة) seperti Pengimbuhan huruf *alif* pada KK فائق ، ضارب dan pengimbuhan huruf *tā'* dan huruf *alif* pada KK تقائل ، تخاصم

3.1.4.3 Pembahagian Kata kerja Berdasarkan Susunan Huruf

Mengenalpasti wazan secara tepat dan betul bagi suatu kata bahasa Arab memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap pembahagian kata dari sudut susunan huruf . Justeru , para sarjana Arab membahagikan kata bahasa Arab berdasarkan susunan huruf kepada dua bahagian iaitu *Kata kerja Ṣaḥīḥ* (الفعل الصحيح) dan *Kata kerja Mu'tal* (الفعل المعتل) ('Abduh al-Rājihiy (1984 : 22).

a. **Kata kerja Ṣaḥīḥ (الفعل الصحيح)**

Kata Ṣaḥīḥ adalah suatu kata dasar yang susunan huruf akarnya bukan terdiri daripada huruf *'illah* . Ia mengandungi tiga subgolongan (Muḥammad 'Abdul Khālid 'Uḍaīmat 1962 : 37) iaitu :

- i. *Sālim* : iaitu susunan huruf akarnya bukan daripada huruf *hamzah* dan pengulangan dua huruf sejenis seperti KK دَخَلَ , فَهَمَّ , كَتَبَ
- ii. *Muḍā'af* : iaitu penyerapan huruf kedua dan ketiga kata akar dari jenis yang sama seperti KK مَدَّ , KK حَبَّ , KK شَقَّ .
- iii. *Mahmūz* : iaitu susunan huruf akarnya terdiri daripada huruf *hamzah* seperti KK رَأْفَ , KK سَأَلَ , KK أَكَلَ .

b. **Kata kerja Mu'tal (الفعل المعتل)**

Kata *Mu'tal* adalah suatu kata yang susunan huruf akarnya terdiri daripada satu atau dua huruf *'illah*. Huruf *'illah* adalah *huruf sakit* kerana ia mengalami perubahan dalam bentuk imbuhan , pengguguran atau penggantian disebabkan sifatnya yang lemah dan tidak boleh menanggung harakah di samping berfungsi sebagai diftong panjang dan membawa suara lembut . Kata *Mu'tal* terbahagi kepada empat jenis subgolongan ('Abduh al-Rājīḥiy .1984 : 23) iaitu :

- i. *Mithāl* : iaitu awalan kata terdiri daripada huruf ‘illah seperti :
 KK وَيَسَّ , KK وَصَفَ , KK وَجَدَ
- ii. *Ajwaf* : iaitu sisipan kata terdiri daripada huruf ‘illah seperti :
 قَامَ , سَارَ , بَاعَ
- iii. *Nāqish* : iaitu akhiran kata terdiri daripada huruf ‘illah seperti :
 دَعَا , رَضِيَ , سَعَى
- iv. *Lafīf Maqrūn* : iaitu sisipan dan akhiran kata terdiri daripada huruf ‘illah seperti KK هَوَى , KK طَوَى , وَتَى
- v. *Lafīf Mafrūq* : iaitu awalan dan akhiran kata terdiri daripada huruf ‘illah seperti. KK وَعَى , KK وَلَى , KK وَقَى .

3.1.5 *Damīr* (ضَمِير)

Damīr adalah kata ganti nama diri yang berdiri di tempat kata nama dan boleh memasuki paradigma yang sama dengan kata nama (, rapat tidaknya hubungan antara pihak-pihak yang berkenaan . Dengan itu , bentuk *damīr* dalam bahasa Arab didapati seragam dan boleh digunakan Muḥammad ‘Aliy al-Khūliy ,t.t : 229). Dalam bahasa Arab , pemakaian *damīr* secara amnya tidak dipengaruhi oleh konteks sociolinguistik yang meliputi taraf sosial para pengguna bahasa Arab yang terlibat dalam peristiwa bahasa ,darjah oleh manusia untuk merujuk kepada diri sendiri atau manusia yang lain dan boleh juga merujuk kepada haiwan dan benda-benda .

Ḍamīr dalam bahasa Arab boleh dibahagikan kepada tiga sistem diri iaitu diri pertama , diri kedua dan diri ketiga (Ibn ‘Aqīl ,1990 : 2 : 261) . Diri pertama bermakna diri kita sendiri . Dalam konteks ini , kita menggunakan *ḍamīr* tertentu untuk merujuk kepada diri kita dalam hubungan dengan orang lain . Diri kedua pula bermakna orang yang bercakap dengan kita , sedangkan diri ketiga ialah orang yang dirujuk oleh diri pertama atau diri kedua atau menjadi orang yang diperkatakan . Tiap-tiap diri itu mempunyai bentuk *mufrad* (مُفْرَد) , *muthanna* (مُتَنَّى) dan *jamak* (جَمْع) .

Dalam konteks nahu bahasa Arab , *ḍamīr* mempunyai dua bentuk iaitu bentuk *munfaṣil* (مُنْفَصِل) iaitu “berasingan” dan bentuk *muttaṣil* (مُتَّصِل) iaitu “bersambung” (al-Sukākiy , t.t : 66). Bentuk *munfaṣil* adalah bentuk yang kuat dan boleh berdiri dengan sendiri tanpa melibatkan proses morfologi dalam pembentukannya (Muḥammad ‘Aliy Al-Khūliy , t.t : 255) . Manakala bentuk *muttaṣil* pula ialah bentuk lemah yang merupakan singkatan dari bentuk asal dan tidak boleh berdiri sendiri (Ibn Ḥājib , t.t : 2 : 6).

Menurut Ibn Jinniy (t.t a : 2 : 192) *ḍamīr muttaṣil* lebih tinggi kekerapan penggunaan dalam ayat kerana sifatnya lebih ringan berbanding dengan *ḍamīr munfaṣil* . Bentuk *ḍamīr muttaṣil* lazimnya bersambung dengan kata yang mendahuluinya (Ibn Ḥājib , t.t : 2 : 6). Ianya boleh diperincikan pula kepada dua subgolongan berdasarkan bentuk dan fungsi yang dibawanya . Subgolongan pertama ialah *ḍamīr muttaṣil* yang hanya boleh disambungkan dengan kata kerja semata-mata dan subgolongan kedua ialah *ḍamīr muttaṣil* yang boleh disambungkan dengan kata nama , kata kerja dan partikel (Fu’ād Ni‘mat , t.t : 115-116).

Dalam kajian ini , pengkaji akan membataskan kajian kepada *ḍamīr muttaṣil* dalam bentuk gandingan dengan kata kerja semata-mata . Pembatasan ini disebabkan penggandingannya dengan kata kerja turut melibatkan proses perubahan dalam aspek morfologi dan fonologi (al-Sukākiy , t.t : 67) .

3.1.5.1 *Isnād al-Fi'l Ilā Ḍamā'ir*

Isnād al-fi'l ila ḍamā'ir bermaksud sandaran kata kerja kepada *ḍamīr* (kata ganti nama diri) . Ia khusus kepada kata kerja bahasa Arab dan tidak popular bagi bahasa Melayu . Kata kerja bahasa Arab apabila disambungkan dengan *ḍamīr muttaṣil marfū'* (مَرْفُوعٌ مُتَّصِلٌ) akan melibatkan berlaku pelbagai proses morfologi dan fonologi menyebabkan struktur kata kerja menjadi tidak stabil dan kadang kala terpesong jauh daripada wazan 'asliyya (al-Sakākiy , t.t : 67) .

Dalam konteks nahu bahasa Arab , *ḍamīr* apabila disambungkan dengan kata kerja boleh dibahagikan kepada dua subsistem iaitu *ḍamīr marfū'* (مَرْفُوعٌ) dan *ḍamīr manṣūb* (مَنْصُوبٌ) . *Ḍamīr marfū'* berfungsi sebagai pelaku dan ia terbahagi kepada dua bentuk . iaitu bentuk harakah seperti *tā'* pelaku , *na* , *nūn niswah* dan bentuk *sukūn* seperti *alīf* , *wāw* dan *yā'* *mukhaṭabah* (Muḥammad 'Abdul Khālid 'Uḍāimat 1962 : 167) . Justeru , kata kerja yang disambungkan dengan *ḍamīr marfū'* akan mengalami proses perubahan pada struktur katanya tanpa mempengaruhi fungsi dan makna sesuatu kata kerja tersebut ('Abduh al-Rājihīy .1984 : 44) . Manakala *ḍamīr manṣūb* pula berfungsi sebagai objek dan kehadirannya tidak melibatkan sebarang perubahan morfologi pada struktur

kata kerja (Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍāimat ,1962 : 115-116) . Bentuk-bentuk *ḍamīr* tersebut dapat ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 3.27 : Bentuk-bentuk *ḍamīr* yang disambung dengan kata kerja

Diri	<i>Ḍamīr Marfū'</i>	<i>Ḍamīr Mansūb</i>
Pertama	عَرَفْتُ (تِ) عَرَفْنَا (نَا)	عَرَفْنِي (ي) عَرَفْنَا (نَا)
Kedua	عَرَفْتُ (تِ) عَرَفْتِ (تِ) عَرَفْتُمَا (تُمَا) عَرَفْتُمْ (تُم) عَرَفْتُنَّ (تُنَّ) تَعْرِفَانِ (اِ) تَعْرِفُونَ (وِ) تَعْرِفِينَ (يِ) تَعْرِفْنَ (نِ)	عَرَفَكَ (كِ) عَرَفِكِ (كِ) عَرَفْتُمَا (كُمَا) عَرَفْتُمْ (كُمْ) عَرَفْتُنَّ (كُنَّ)
Ketiga	عَرَفَ (-) عَرَفْتُ (-) عَرَفْنَا (نَا) يَعْرِفَنَّ , عَرَفَنَّ (نِ) يَعْرِفَانِ , عَرَفَا (اِ) يَعْرِفُونَ , عَرَفُوا (وِ)	عَرَفَهُ (هِ) عَرَفَهَا (هَا) عَرَفْتُمَا (هُمَا) عَرَفْتُمْ (هُمْ) عَرَفْتُنَّ (هُنَّ)

Ḍamīr bagi dua subsistem yang ditulis condong dan bergaris bawah dalam jadual 3.24 di atas itu merupakan bentuk lemah dan tidak boleh berdiri sendiri . Ia memerlukan kepada gandingan kata sebelumnya untuk melengkapkan fungsi sebagai *ḍamīr* (Ibn Ḥājjib , t.t :2 :6). Dari aspek morfologi , *ḍamīr* dalam subsistem *manṣūb* boleh disambungkan dengan semua jenis golongan kata dan partikel tanpa mengalami sebarang perubahan dalam bentuk morfologi dan fonologi pada kata dan partikel tersebut (al-Sukākiy , t.t : 67) . Sedangkan *ḍamīr* dalam subsistem *marfū'* hanya boleh disambungkan dengan kata kerja sahaja dan berfungsi sebagai “pelaku” bagi setiap kata kerja yang disambungkan dengannya (Fu'ād Ni'mat , t.t : 114). Malah kewujudannya ini seolah-olah tidak boleh dipisahkan dari kata kerja .

Walaupun *ḍamīr nā* (نَا) dan *yā'* (يْ) masing-masing wujud dalam dua subsistem *marfū'* dan *manṣūb* namun kedua-duanya mempunyai perbezaan . *Ḍamīr nā* dalam subsistem *marfū'* adalah *ḍamīr jamak* bagi diri pertama merujuk kepada makna “pelaku” dan huruf akhir kata kerja yang disambungkan dengannya adalah *sukūn* , sedangkan *ḍamīr nā* dalam subsistem *manṣūb* merupakan *maf'ūlun bih* (مَفْعُولٌ بِهِ) iaitu “ objek ” dan kata kerja yang disambungkan dengannya tidak mengalami sebarang perubahan pada struktur katanya .

Seterusnya *ḍamīr yā'* pada subsistem *marfū'* merupakan *ḍamīr* diri kedua yang hanya bersambungan dengan kata kerja sahaja dan membawa maksud *fā'il* (فَاعِلٌ) iaitu “ pelaku” . Manakala *ḍamīr yā'* pada subsistem *manṣūb* adalah *ḍamīr mufrad* bagi diri pertama merujuk kepada makna “objek” dan disambungkan dengan kata nama dan partikel .

Ḍamīr diri ketiga iaitu (هُمَا ، هُمْ ، هُنَّ) dalam subsistem *manṣūb* pula hanya boleh disambungkan dengan kata nama sebagai *maf'ūlun bih* iaitu “objek ” atau partikel sebagai *majrur* (مَجْرُور) iaitu “generatif ” , atau boleh berdiri dengan sendiri sebagai “subjek” atau “predikat” (Fu’ād Ni‘mat , t.t : 115-116) .

3.1.6 *Nūn Tawkīd*

Nūn Tawkīd adalah partikel penegasan yang melekat di akhiran kata kerja kala kini dan kata kerja perintah bagi menjelaskan makna sesuatu kata kerja agar menjadi lebih nyata dan kuat (‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 58) . Partikel *Nūn Tawkīd* ini terbahagi kepada dua jenis iaitu *Nūn Tawkīd Thaḳīlah* (نُؤْنُ التَّوَكِيدِ التَّحْقِيقِيَّةِ) dan *Nūn Tawkīd Khaḳīfah* (نُؤْنُ التَّوَكِيدِ الْخَفِيفَةِ) . Kedua-duanya berfungsi untuk menegaskan atau memperkuat makna suatu perkataan (al-Zamakhshariy m538) : 330) seperti contoh ayat قَوْلَ الْحَقِّ قَوْلَنَّ (sungguh pasti aku akan mengatakan perkataan yang benar) dan لَتُبْلَوَنَّ فِيْ أَمْوَالِكُمْ (sungguh pasti kamu akan diuji dalam (urusan) harta kamu) .

Atas dasar peraturan dan pertimbangan nahu , partikel *nūn* ini tidak boleh digugurkan kerana ia berperanan sebagai pendukung makna penegasan. Kedudukannya di akhir kata turut melibatkan perubahan kecil berlaku pada konsonan

atau vokal yang berada di persekitarannya. Sistem kala yang dibawa oleh huruf *nūn tawkīd* adalah kala depan . Justeru , partikel ini hanya dapat berfungsi dengan golongan kata kerja kala kini dan kata kerja perintah sahaja, kerana keduanya masing-masing membawa makna kala depan (Ibn ‘Aqīl , 1990 : 2 : 612 , al-Ḥamlāwiy (1990 : 72 , Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍāimat , 1962 : 200) .

Partikel *Nūn Tawkīd* tidak boleh bersambungan dengan kala kerja kala lepas kerana makna yang dibawanya bertentangan dengan makna masa akan datang yang dibawa oleh partikel *Nūn Tawkīd* kecuali jika ia menunjukkan makna akan datang seperti . فَإِمَّا أَدْرَكْنِ أَحَدٌ مِنْكُمْ الدَّجَالُ (Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 259) .

Gandingan partikel *Nūn Tawkīd* dengan kata kerja perintah boleh berlaku secara mutlak tanpa sebarang syarat (Ibn Hishām (1979 : 94). Sedangkan sambungannya di akhiran kata kerja kala kini boleh dibahagikan kepada enam keadaan (Sharifuddin ‘Aliy al-Rājīḥiy , t.t : 49,50) seperti yang terdapat dalam jadual di bawah :

Jadual 3.28 : Keadaan kata kerja kala kini bersama partikel *Nūn Tawkīd*

Bil	Keadaan	Syarat	Contoh
1	Wajib Taukid	1.Kata kerja bukan nafi 2. Makna kala depan 3.Jawab bagi sumpah 4.Tidak dipisahkan daripada partikel	1. وَاللّٰهُ لِأَدْرَاكِرْنَ حَتَّى النَّجَاحِ . 2. وَاللّٰهُ لِأَفِيْنَ بِالْوَعْدِ .

Bil	Keadaan	Syarat	Contoh
		<i>lām</i> sumpah	
2	Hampir kepada wajib	Kata kerja menjadi syarat selepas partikel <i>inna</i> // <i>إِنَّ</i> yang diidghamkan bersama partikel <i>ma</i> // <i>mā</i> //	1. وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِنْ قَوْمٍ خِيَانَةً . 2. إِمَّا تَجْتَنِّهِنَّ تَبْلُغُ مُرَادَكَ .
3	Kekerapan yang tinggi	Kata kerja kala kini berada selepas partikel <i>talab</i> yang hakiki seperti partikel “perintah” , “larangan” , “doa” , “ galakkan dan dorongan” , Tanya dan angan-anggan”	1. لَتَجْتَنِّهِنَّ 2. لَا تَفْعَلْنَ 3. لَيْتَنِكَ تَبْصُرَنَّ لِعَوَاقِبِ 4. أَلَا تَقْبَلْنَ عَلَيَّ 5. هَلْ تَفْعَلْنَ الْخَيْرَ .
4	Kekerapan yang rendah	Kata kerja kala kini berada selepas partikel <i>lā nāfiyat</i> (لا النَّافِيَةِ) atau <i>māz ā'dat</i> (مَا الزَّائِدَةُ) yang tidak didahului oleh <i>'in shartīyyat</i> (إِنَّ) (الشَّرْطِيَّةُ)	1. ابْتَعِدْ عَنِ أَمْرِ لَا يُغْنِيكَ. 2. مَنْ يُدَاكِرَنَّ يُنَجِّحْ.
5	Kekerapan paling rendah	Kata kerja kala kini berada selepas partikel <i>lām</i>	لَمْ يَحْضِرَنَّ عَلَيَّ
6	Dilarang sama sekali	1. Kata kerja nafi 2. Kata kerja yang menunjukkan masa sekarang 3. <i>Lām qasam</i> (sumpah) dan kata kerja kala kini dipisahkan oleh partikel <i>qad</i> (قَدْ) atau <i>sīn</i> (السَّيْنِ) atau <i>sawfa</i> (سَوْفَ)	وَاللَّهِ لَا أَعْمَلُ وَاجِبِي وَاللَّهِ لَا أَقْرَأُ الْآنَ وَاللَّهِ لَقَدْ يَسْهُوُ الْعَالِمُ وَاللَّهِ سَيُفْلِحُ الْمُجِدُّ وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَى

3.1.7 *Ishtiqāq* (إِشْتِقَاقٌ)

Bahasa Arab sebagai suatu bahasa semulajadi yang tergolong ke dalam salah satu bahasa yang pesat berkembang di dunia, tidak terkecuali daripada arus pengembangan bahasa. Proses penerbitan makna atau pengembangan kata-kata baru dikenali di kalangan pakar – pakar bahasa Arab sebagai *ishtiqāq* atau derivasi (‘Abduh al-Rājīḥiy, 1984 : 6). *Ishtiqāq* bermaksud pengambilan *ṣīghat* (bentuk kata) dari *ṣīghat* yang lain, kerana ada persamaan baik dari segi bentuk, maknanya ataupun strukturnya dengan beberapa tambahan tertentu yang telah ditetapkan. Oleh kerana proses pengembangan kata kerja ini adalah merupakan pembentukan kata, maka proses ini termasuk ke dalam ruang lingkup morfologi.

Bahasa Arab yang bersifat *ishtiqāq* ini dapat menerbitkan sekian banyak perkataannya melalui pencantuman kata dasar dengan pelbagai imbuhan. Perkataan baru yang dibentuk mempunyai *ṣīghat* (bentuk kata) dan fungsi leksikalnya yang tidak sama dengan kata dasarnya. Ibn Jinniy (1954 : 3) semasa mengulas teori *ishtiqāq* mengatakan bahawa pembentukan atau mewujudkan perkataan – perkataan melalui kejadian perubahan fonem (bunyi bahasa) dalam kata dasar itu mengakibatkan terciptanya kata baru yang mempunyai erti dan makna yang berbeza mengikut golongan kata, tetapi masih mengekalkan susunan huruf kata dasar dan makna umum (asal) yang terdapat pada kata sumbernya, seperti kata kerja كَتَبَ // *kataba* // (tulis) yang bersifat kata kerja boleh dibentuk menjadi kata nama كِتَابٌ // *kitāb* // (buku) dan kata kerja فَتَحَ // *fataḥa* // (buka) dibentuk menjadi kata nama alat مِفْتَاحٌ // *miftāh* // (kunci).

Ibn Jinniy (1954 : 3) menambah lagi bahawa *ishtiqaq* dan tasrif mempunyai hubungan yang erat dan padu dalam setiap aspek , kerana setiap aspek dalam *ishtiqaq* tertakluk kepada wazan-wazan tertentu dalam morfologi . Beliau berkata demikian dalam bukunya *al-munṣif* yang berbunyi ;

وَيَنْبَغِي أَنْ يُعْلَمَ أَنَّ بَيْنَ التَّصْرِيفِ وَالِاشْتِقَاقِ نَسَبًا قَرِيبًا وَأَنَّصَالَأً
شَدِيدًا

“ Wajar diketahui bahawa antara tasrif dan isyitiqaq
itu hubungan dan pertalian yang erat ...”

Tegasnya, *ishtiqaq* bermaksud penerbitan kata atau pengwujudan kata-kata baru hasil dari proses penerbitan kata dari kata-kata akar . Perubahan –perubahan yang berlaku dalam *ishtiqaq* melibatkan wazan morfologi. Dalam hal ini *ishtiqaq* lebih memfokuskan kepada pengambilan erti dari kata dasar , sedangkan morfologi menekankan struktur kata dan wazan-wazan kata yang timbul dari kata akar .

3.1.7.1 Kata Sumber Bagi *Ishtiqaq*

Para Sarjana Arab tidak sekata mengenai kata sumber yang menerbitkan kata baru sama ada ianya dari golongan kata kerja atau pun kata nama *maṣḍar* (مَصْدَر) . Pakar-pakar linguistik dari aliran Kūfah berpendapat kata sumber bagi proses *ishtiqaq* adalah kata kerja . Antara hujah mereka adalah bahawa segala perubahan dan fungsi pada pecahan kata *ishtiqaq* termasuk kata nama *maṣḍar* adalah menurut bentuk dan fungsi kata kerja. Malahan kata nama *maṣḍar* didatangkan sebagai penegasan kepada kata kerja (Khadijah al-Ḥadīthiy , 1965 : 255-256) .

Manakala pakar- pakar linguistik dari aliran Baṣrah seperti Sībawayh (1982 : 2 : 331) pula berpendapat kata sumber bagi proses *ishtiḳāq* tersebut adalah kata nama *maṣḍar* . Antara hujah mereka bahawa kata nama *masdar* membawa makna perlakuan semata-mata sedangkan kata kerja membawa dua aspek makna iaitu “perlakuan” dan “masa” (Ṣubḥīy al-Ṣāleḥ : 1960 : 181) .

Seorang ahli linguistik moden iaitu Tammām Ḥassān (1985 : 337) pula telah mengemukakan pendapatnya bagi mengelak daripada timbulnya perbezaan antara Baṣrah dan Kūfah tentang sumber kata terbitan *ishtiḳāq* . Beliau berpendapat semua kata termasuk kata kerja dan kata nama *maṣḍar* adalah merujuk kepada huruf yang menjadi teras pada kata akar dan dikira sebagai asal tanpa melihat kepada makna . Misalnya tiga huruf utama iaitu (ل ، ع ، ف) menjadi teras pada kata akar tiga huruf dan pecahannya , atau empat huruf utama iaitu (ل ، ل ، ع ، ف) menjadi teras kepada kata akar empat huruf dan pecahannya .

Berdasarkan perselisihan ini , pengkaji berpendapat ketiga –tiga pandangan pakar linguistik tersebut boleh diterima kerana mereka melihat dalam tiga sudut yang berbeza iaitu makna , lafaz dan huruf . Walaupun pada hakikatnya kata nama *maṣḍar* yang hanya merujuk kepada makna “perlakuan” semata-mata lebih wajar menjadi kata sumber bagi proses *ishtiḳāq* dan merupakan pendapat yang masyhur di kalangan para sarjanawan berbanding kata kerja yang mempunyai dua makna iaitu “ perlakuan” dan “ kala” (Ṣubḥīy al-Ṣāleḥ : 1960 : 181) . Berkaitan dengan kata sumber kepada semua pecahan kata nama *ishtiḳāq* tersebut pengkaji dapati kalangan

tokoh-tokoh sarjana Arab tidak mendapat satu kata sepakat dalam *mentarjihkan* (memutuskan) kebenaran mana-mana pihak (al-Mahdiy al-Makhzūmiy,1986 : 106). Namun, dalam kajian ini penulis memilih pendapat Kufah yang mengatakan kata nama *ishtiqaq* tersebut diambil daripada kata kerja .

Kata nama *ishtiqaq* yang dibincangkan dalam kajian ini adalah kata nama yang mempunyai ciri-ciri makna dan fungsi kata kerja. Dalam hal ini kita melihat bagaimana satu kata kerja itu menerbitkan pelbagai bentuk kata baru yang membawa fungsi dan peranan berbeza tetapi masih mengekalkan ciri - ciri umum pada bentuk huruf –huruf asal kata akar dan makna kata kerja berkenaan (Muḥammad Mubārak , 1975 : 70). Dalam bidang sintaksis golongan kata nama tersebut dikenali sebagai *kata nama ‘āmil* (الأَسْمَاءُ الْعَامِلَةُ) yang bermaksud kata nama berfungsi sama seperti kata kerja dalam pembentukkan ayat . Dalam bidang morfologi pula kata nama berkenaan lebih dikenali sebagai kata nama sifat *al-waṣf* (الوَصْفُ) iaitu *kata mushtāq* (المُشْتَقَّاتُ) yang bermaksud kata pecahan yang diambil dari kata lain . Oleh kerana golongan kata nama *mushtāq* ini merupakan subsistem dari sistem kata kerja dan sentiasa berdampingan dengan kata kerja, maka wajarlah kata nama dalam subsistem ini dikaji dan dianalisis pembentukannya kerana proses morfologi yang berlaku padanya adalah sama dengan proses yang berlaku pada kata kerja (‘Abduh al-Rājiḥiy 1983 : 21, malah kesahihan struktur katanya tertakluk kepada kesahihan kata kerja .

Kebolehan mengenalpasti setiap wazan kata nama *ishtiqaq* tersebut adalah sangat penting . Kepentingan mengenalpasti wazan – wazan tersebut dapat dirasakan apabila terdapat pertindihan wazan antara kata-kata dalam sistem yang berlainan . Perbezaan tiap-tiap satunya dapat dikenal pasti dengan melihat kepada harakah *i'rāb* di akhir katanya (Muḥammad Mubārak , 1975 : 134) . Contoh-contoh pertindihan wazan kata nama dan kata kerja apabila kedua-duanya berada di hujung ayat yang tidak nyata harakah *i'rābnya* seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 3.29 : Pertindihan wazan antara kata nama dan kata kerja

Wazan	فَعَلَ	فَعِلَ	أَفْعَلَ	فَاعَلَ
Kata nama	جَمَلٌ	حَذِرَ	أَعْلَمَ	خَاتَمَ
Kata kerja	جَمَلَ	حَذَرَ	أَعْلَمَ	خَاتَمَ

Tammām Ḥassān (1985 : 263) menegaskan bahawa bahasa Arab pada hakikatnya semenjak wujud di alam fana ini sudah pun mempunyai wazan-wazan kata yang membezakan antara kata nama dan kata kerja . Menurut beliau kekeliruan yang timbul seperti dalam jadual di atas sebenarnya kerana ketiadaan *dhauq 'arabiyy* (ذوق عربي) yang sempurna pada kebanyakan penutur – penutur Arab mutakhir ini sebagaimana tersebut dalam kisah yang berlaku antara Abū al-'Aswad dengan anak perempuannya yang tidak dapat membezakan antara kata nama تَفْضِيلٌ dan kata kerja تَعْجُبُ pada kata أَحْسَنَ dalam ungkapan ما أحسن السماء (Muḥammad Mubārak , 1975 : 134) .

Kata kerja kala lampau dijadikan asas dalam penghasilan makna-makna baru . Makna pada kata kerja lampau dianggap sebagai makna asal untuk proses *ishtiqaq* selanjutnya . Ini bermaksud apabila makna kata kerja lampau sudah diketahui , maka semua rentetan makna bagi semua pecahan kata akan dapat diketahui secara analogi (*qiyās*) . Justeru , kebanyakan kamus-kamus bahasa Arab juga memulakan susunan kata dengan kata kerja (Mohd Zaki Abdul Rahman , 2001 : 387) . Pengkaji dapati pandangan ini lebih mudah diaplikasikan dan diterima oleh kebanyakan pengkaji dan penuntut bahasa Arab moden (al-Mahdiy al-Makhzūmiy ,1986 : 104) sejak sekian lama terutamanya penuntut Melayu di rantau Asia Tenggara .

Jika ditinjau dari sudut makna yang tersirat pada kata-kata pecahan daripada kata kerja melalui proses *ishtiqaq* ini , maka pengkaji mendapati ianya terbahagi kepada tiga kategori .

1. Kata nama yang bebas daripada sebarang fungsi dan ciri-ciri kata kerja . Ia merujuk kepada makna zat semata-mata yang diambil dari makna kata kerja . Ianya diwakili oleh tiga kata nama iaitu *kata nama alat* seperti مِفْتَاحُ ertinya “kunci” (terbitan daripada kata kerja فَتَّحَ) , *kata nama tempat* seperti مَطْبُخُ ertinya “dapur” (terbitan daripada kata kerja طَبَخَ) , *kata nama waktu* seperti مَغْرِبٌ ertinya “ waktu maghrib” (terbitan daripada kata kerja غَرَبَ) (‘ Amīn ‘Aliy al-Sayyid , 1972 : 11) .

2. Kata nama yang merujuk kepada makna “perbuatan atau tindakan” semata-mata dan mempunyai peranan dan fungsi yang sama dengan kata kerja tanpa masa . Ia terdiri daripada satu kata nama sahaja iaitu *kata nama maṣḍar* seperti *جُلُوسٌ* ertinya “duduk” (terbitan daripada kata kerja *جَلَسَ*) (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt , 1994 : 77) .

3. Kata nama yang mempunyai makna dan ciri-ciri kata kerja yang merujuk kepada makna “peristiwa atau perbuatan” dan “zat” . Kata jenis ini dikenali sebagai kata nama sifat yang membawa fungsi dan makna sama dengan kata kerja . Ia boleh digolongkan kepada lima subgolongan iaitu *ism fā’il* seperti *كَاتِبٌ* ertinya “ penulis” (terbitan daripada kata kerja *كَتَبَ*), *ism maf’ūl* seperti *مَأْكُولٌ* ertinya “sesuatu yang dimakan ” (terbitan daripada kata kerja *أَكَلَ*) . *ṣīghah mubālaghah* (kata nama melampau bagi pelaku) seperti *عَلَّامٌ* ertinya “ yang sangat mengetahui ” (terbitan daripada kata kerja *عَلِمَ*) . *ṣīfat mushabbahah* seperti *حَسَنٌ* ertinya “ bersifat baik ” (terbitan daripada kata kerja *حَسَّنَ*) , dan *ism tafḍīl* *أَفْضَلٌ* ertinya “ terlebih baik ” (terbitan daripada kata kerja *فَضَّلَ*) (Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965: 247) . Oleh kerana subgolongan kata nama ini merupakan pecahan daripada kata kerja dan menambah pengertian tertentu dalam sesuatu perbuatan , maka ia dikenal sebagai *al-waṣfu* (الوَصْفُ) iaitu kata nama sifat .

Dalam kajian ini , pengkaji hanya akan menganalisis kategori kedua dan ketiga sahaja kerana kedua-duanya mempunyai ciri-ciri makna dan fungsi kata kerja . Kedua-duanya juga merupakan subsistem dari sistem kata kerja sebagai memenuhi keperluan tajuk kajian ini yang berkaitan dengan aspek kata kerja .

3.2 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan suatu prosedur yang sistematis menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sejalan dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna (Othman Muhammad ,2008 : 26) .

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji lebih bersifat kajian perpustakaan atau “ *Library Research* ”. Maka beberapa metodologi yang sesuai digunakan untuk membantu pengkaji dalam memahami permasalahan yang dikaji dengan lebih mudah . Metode kajian ini merangkumi data kajian, rasional data , unit dan kategori analisis , analisis data , skema pengekodan dan tatacara analisis .

3.2.1 Data Kajian

Data yang dikenal pasti dan juga mewakili signifikan kajian ialah wazan kata . Ia merupakan satu mekanisma yang digunakan untuk mengukur dan menimbang kata bahasa Arab (Ibn Jinniy ,1954 : 2) . Wazan kata yang dipilih untuk data kajian ini ialah wazan kata kerja dan wazan kata nama yang mempunyai ciri-ciri kata kerja . Namun begitu wazan kata kerja lebih diberi perhatian dalam analisis , kerana ia merupakan induk kepada wazan kata nama tersebut . Kata nama yang mempunyai ciri-ciri kata kerja adalah merupakan subsistem dari sistem kata kerja dan sentiasa berdampingan dengan kata kerja. 'Amīn 'Alīy al-Sayyid (1972 : 11) dalam

kajiannya turut menegaskan bahwa wazan kata kerja dianggap sebagai kata akar atau kata dasar kepada kebanyakan kata nama terbitan.

Sumber data berbentuk wazan yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder melalui kajian perpustakaan. Pengkaji telah menggunakan metode penyelidikan perpustakaan untuk mendapatkan bahan dari buku –buku yang berkaitan dengan kajian terutama dalam mencari bahan untuk mendapatkan kajian terdahulu yang berkaitan . Sumber data diperolehi daripada buku-buku dalam bidang ilmu saraf seperti *al-Kitāb* karangan Sībawayh (m 180 H) dan *al-Munṣif* karangan Ibn Jinniy (m 392 H), *Sharh Shāfiyat* karangan al-Riḍa’uddin(1992) , *Shaza al- ‘Arf Fi Fann al-Ṣarf* karangan al-Ḥamlāwiy (1990) , *al-Muzhir* karangan oleh al-Suyūṭiy (tt), *Sharh Ibn ‘Aqīl* karangan Baha’uddin ‘Abdullah (1964) dan *‘Abniyyat al-Ṣarfiy fi Kitāb Sībawayh* karangan Khadījah al-Ḥadīthiy (1965) dan sumber-sumber lain.

Selain itu, bahan-bahan rujukan utama lain yang digunakan untuk menganalisis wazan kata kerja dan kata nama *mushtaq* dalam kajian ini diambil daripada al-Quran, al-Hadith , puisi-puisi Arab , kitab-kitab induk Arab , tesis-tesis terdahulu yang berkaitan dengan kajian .

Untuk mendapatkan bahan yang diperlukan , pengkaji akan menggunakan beberapa buah perpustakaan utama yang menjadi tempat rujukan iaitu :

- a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- b) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya .
- c) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya ,Nilam Puri.
- d) Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik ,Universiti Malaya .
- e) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia .
- f) Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia .

Contoh-contoh kata yang dijadikan sampel kepada setiap kategori analisis yang berkaitan merangkumi bahasa standard yang diperolehi daripada al-Quran , al-Hadith yang terbukti kesahihannya . Manakala contoh-contoh lain diambil daripada kamus-kamus yang diperakui oleh *majma' lughawi* (Dewan Bahasa & Pustaka) . Semua data yang diperolehi akan dianalisis secara sistematik berdasarkan rumusan-rumusan yang telah dibuat oleh ahli-ahli linguistik . Kesemua wazan yang menjadi data kajian ditentukan tahap kekerapannya secara manual berdasar kewujudannya dalam kamus “*al-wasit* ” yang telah diperakui oleh *majma' lughawi* (Dewan Bahasa dan Pustaka) bagi menjamin kebolehpercayaan kerana kesukaran penulis mendapatkan program perisian yang mampu menjana daftar kata bahasa Arab dengan tepat .

Teks - teks wazan '*asliy* yang akan dianalisis dalam kajian ini dibahagikan kepada 6 bahagian seperti dipaparkan dalam jadual berikut :

Jadual 3.30 : Teks wazan 'aşliy kata kerja

Bil	Jenis	Wazan kata kerja kala lampau	Wazan kata kerja kala kini	Wazan kata kerja perintah	Kod
1	Kata kerja thulāthiy mujarrad	فَعَلَ	يَفْعَلُ	اِفْعَلْ	W 1
2		فَعَلَ	يَفْعَلُ	اِفْعَلْ	W 2
3		فَعَلَ	يَفْعَلُ	اِفْعَلْ	W 3
4		فَعَلَ	يَفْعَلُ	اِفْعَلْ	W 4
5		فَعَلَ	يَفْعَلُ	اِفْعَلْ	W 5
6		فَعَلَ	يَفْعَلُ	اِفْعَلْ	W 6
7	Kata kerja thulāthiy mazīd	اَفْعَلْ	يُفْعَلُ	اَفْعَلْ	W 7
8		فَعَّلَ	يُفَعِّلُ	فَعَّلْ	W 8
9		فَاعَلَ	يُفَاعِلُ	فَاعَلْ	W 9
10		اِنْفَعَلَ	يُنْفَعِلُ	اِنْفَعَلْ	W10
11		اِفْتَعَلَ	يُفْتَعِلُ	اِفْتَعَلْ	W11
12		تَفَعَّلَ	يَتَفَعَّلُ	تَفَعَّلْ	W12
13		تَفَاعَلَ	يَتَفَاعِلُ	تَفَاعَلْ	W 13
14		اِفْعَلَّ	يَفْعَلُّ	اِفْعَلَّ	W 14
15		اِسْتَفْعَلَ	يَسْتَفْعِلُ	اِسْتَفْعَلْ	W 15
16		اِفْعَوَعَلَ	يَفْعَوَعِلُ	اِفْعَوَعَلْ	W 16
17		اِفْعَوَّلَ	يَفْعَوَّلُ	اِفْعَوَّلْ	W 17
18		اِفْعَالَّ	يَفْعَالُّ	اِفْعَالَّ	W 18
19	Kata kerja rubā'iy mujarrad	فَعَّلَلْ	يُفَعَّلِلُ	فَعَّلِلْ	W 19
20	Kata kerja rubā'iy mazīd	تَفَعَّلَلْ	يَتَفَعَّلِّلُ	تَفَعَّلِّلْ	W 20
21		اِفْعَعَّلَّلْ	يَفْعَعَّلِّلُ	اِفْعَعَّلِّلْ	W 21
22		اِفْعَلَّلْ	يَفْعَلِّلُ	اِفْعَلِّلْ	W 22

Wazan-wazan 'aşliy kata kerja seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.30 di atas dipilih secara bertujuan mengikut bilangan huruf kata akar . Kesemua wazan 'aşliy berkenaan yang menjadi kayu pengukur kata kerja bahasa Arab yang dapat dikumpul adalah berjumlah 22 wazan . Wazan kata kerja thulāthiy mujarrad 6 wazan , Wazan kata kerja rubā'iy mujarrad 1 wazan . Wazan kata kerja thulāthiy mazīd 12 wazan dan wazan rubā'iy mazīd 3 wazan. Walau bagaimanapun , hanya wazan-wazan yang mempunyai kekerapan yang tinggi sahaja dipilih sebagai data

kajian . Manakala wazan yang mempunyai kekerapan yang rendah disebut secara sepintas lalu. Kesemua wazan berkenaan dapat diperolehi secara *qiyās* kecuali wazan *thulāthiy mujarrad* yang hanya diperolehi melalui *samā'iy* dan nukilan daripada penutur asli Arab sahaja .

Jadual 3.31 : Teks wazan 'aşliy kata nama *maşdar*

Bil	Jenis	Wazan kata kerja	Wazan kata nama <i>Maşdar</i>	Kod
1	Kata nama <i>maşdar thulāthiy mujarrad</i>	فَعَلَ	<i>samā'iy</i>	WM 1
2	Kata nama <i>maşdar thulāthiy mazīd</i>	أَفْعَلَ	إِفْعَالٌ	WM 2
3		فَعَّلَ	تَفَعُّلٌ / تَفَعُّلَةٌ	WM 3
4		فَاعَلَ	مُفَاعَلَةٌ / فِعَالٌ	WM 4
5		تَفَاعَلَ	تَفَاعُلٌ	WM 5
6		إِفْتَعَلَ	إِفْتِعَالٌ	WM 6
7		تَفَعَّلَ	تَفَعُّلٌ	WM 7
8		إِنْفَعَلَ	إِنْفِعَالٌ	WM 8
9		إِسْتَفَعَلَ	إِسْتِفْعَالٌ	WM 9
10		إِفْعَلَّ	إِفْعِلَالٌ	WM 10
11		إِفْعَوَعَلَ	إِفْعِيَالٌ	WM 11
12		إِفْعَوَّلَ	إِفْعَوَالٌ	WM 12
13		إِفْعَلَّ	إِفْعِلَالٌ	WM 13
14		Kata nama <i>maşdar rubā'iy mujarrad</i>	فَعَّلَلَّ	فَعَّلَلَةٌ / فَعَّلَالٌ
15	Kata nama <i>maşdar rubā'iy mazīd</i>	تَفَعَّلَلَّ	تَفَعَّلَلٌ	WM 15
16		إِفْعَلَّلَّ	إِفْعَلَّلٌ	WM 16
17		أَفْعَلَّلَّ	أِفْعَلَّلٌ	WM 17

Jumlah wazan 'asliy kata nama maşdar seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.31 di atas secara berurutan mengikut bilangan huruf kata akar adalah sebanyak 17 wazan. Kesemua wazan teras berkenaan adalah *qiyāsiy* dan boleh digunakan sebagai kayu pengukur kata nama *maşdar* kecuali wazan kata nama *maşdar* bagi kata kerja *thulāthiy mujarrad* di mana bilangannya terlalu banyak dan kesemuanya adalah *samā'iy* dan diambil secara nukilan daripada penutur asli Arab (Riḍa'uddin 1982: 151). Wazan kata nama *maşdar thulāthiy mazīd* adalah *qiyāsiy* sebanyak 12 wazan . Manakala wazan kata nama *maşdar rubā'iy mujarrad* adalah 1 wazan sahaja dan wazan kata nama *maşdar rubā'iy mazīd* sebanyak 3 wazan . Wazan-wazan yang mempunyai kekerapan yang tinggi sahaja dipilih sebagai data kajian untuk dianalisis . Manakala wazan yang mempunyai kekerapan yang rendah disebut secara sepintas lalu .

Jadual 3.32 : Teks wazan 'asliy kata nama *ism fā'il*

Bil	Jenis	Wazan kata kerja	Wazan <i>ism fā'il</i>	Kod
1	Kata nama <i>ism fā'il thulāthiy mujarrad</i>	فَعَلَ	فَاعِلٌ	WP 1
2	Kata nama <i>ism fā'il thulāthiy mazīd</i>	أَفْعَلَ	مُفْعَلٌ	WP 2
3		فَعَّلَ	مُفَعَّلٌ	WP 3
4		فَاعَلَّ	مُفَاعَلٌ	WP 4
5		تَفَاعَلَ	مُتَّفَاعِلٌ	WP 5
6		إِفْتَعَلَ	مُفْتَعِلٌ	WP 6
7		تَفَعَّلَ	مُتَّفَعِّلٌ	WP 7
8		إِنْفَعَلَ	مُنْفَعِلٌ	WP 8
9		اسْتَفْعَلَ	مُسْتَفْعِلٌ	WP 9
10		أَفْعَلَّ	مُفَعَّلٌ	WP 10
11		إِفْعَوْعَلَ	مُفْعَوْعِلٌ	WP 11
12		إِفْعَوَّلَ	مُفْعَوَّلٌ	WP 12
13		أَفْعَالٌ	مُفْعَالٌ	WP 13
14		Kata nama <i>ism fā'il</i>	فَعَّلَلْ	مُفَعَّلِلٌ

Bil	Jenis	Wazan kata kerja	Wazan <i>ism fā'il</i>	Kod
	<i>rubā'iy mujarrad</i>			
15	Kata nama <i>ism fā'il</i> <i>rubā'iy mazīd</i>	تَفَعَّلَ	مُتَفَعَّلٌ	WP 15
16		أَفَعَّلَ	مُفَعَّلٌ	WP 16
17		إَفَعَّلَ	مُفَعِّلٌ	WP 17

Jumlah wazan 'asliy kata nama *ism fā'il* seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.32 di atas adalah sebanyak 17 wazan mengikut bilangan huruf kata akar. Wazan kata nama *ism fā'il* bagi kata kerja *thulāthiy mujarrad* dan *rubā'iy mujarrad* adalah masing-masing 1 wazan. Manakala Wazan kata nama *ism fā'il* bagi kata kerja *thulāthiy mazīd* pula adalah sebanyak 12 wazan dan wazan bagi *rubā'iy mazīd* adalah 3 wazan. Kesemua wazan berkenaan yang dipilih sebagai data kajian adalah dapat *qiyāsiy*.

Jadual 3.33 : Teks wazan 'asliy kata nama *ism maf'ul*

Bil	Jenis	Wazan kata kerja	Wazan kata nama <i>ism maf'ul</i>	Kod
1	Kata nama <i>ism maf'ul</i> <i>thulāthiy mujarrad</i>	فَعَلَ	مَفْعُولٌ	WO 1
2	Kata nama <i>ism maf'ul</i> <i>thulāthiy mazīd</i>	أَفَعَلَ	مُفَعَّلٌ	WO 2
3		فَعَّلَ	مُفَعِّلٌ	WO 3
4		فَاعَلَ	مُفَاعَلٌ	WO 4
5		تَفَاعَلَ	مُتَفَاعَلٌ	WO 5
6		إِفْتَعَلَ	مُفْتَعَّلٌ	WO 6
7		تَفَعَّلَ	مُتَفَعَّلٌ	WO 7
8		انْفَعَلَ	مُنْفَعَلٌ	WO 8
9		اسْتَفَعَلَ	مُسْتَفَعَّلٌ	WO 9
10		إَفَعَّلَ	مُفَعِّلٌ	WO 10
11		إِفْعَوْعَلَ	مُفْعَوْعَلٌ	WO11
12		إِفْعَوْلٌ	مُفْعَوْلٌ	WO 12
13		إِفْعَالٌ	مُفْعَالٌ	WO 13

Bil	Jenis	Wazan kata kerja	Wazan kata nama <i>ism maf'ūl</i>	Kod
14	Kata nama <i>ism maf'ūl</i> <i>rubā'iy mujarrad</i>	فَعَّلَ	مُفَعَّلٌ	WO 14
15	Kata nama <i>ism maf'ūl</i> <i>rubā'iy mazīd</i>	تَفَعَّلَ	مُتَفَعَّلٌ	WO 15
16		إِفْعَلَّ	مُفْعَلَّلٌ	WO 16
17		إِفْعَلَّ	مُفْعَلَّلٌ	WO 17

Wazan 'asliy kata nama *ism maf'ūl* seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.33 di atas adalah mengikut bilangan huruf kata akar . Kesemuanya adalah *qiyāsiy* dan berjumlah 17 wazan .Wazan kata nama *ism maf'ūl* bagi kata kerja *thulāthiy mujarrad* dan *rubā'iy mujarrad* adalah masing-masing 1 wazan. Manakala wazan kata nama *ism maf'ūl* bagi kata kerja *thulāthiy mazīd* pula adalah sebanyak 12 wazan dan wazan bagi *rubā'iy mazīd* 3 wazan . Wazan yang mempunyai kekeapan yang tinggi akan diberi perhatian sebaliknya wazan yang kekerapannya rendah akan disentuh secara sepintas lalu .

Jadual 3.34 : Teks wazan 'asliy kata nama *ṣīghah mubālaghah*

Bil	Wazan kata nama <i>ṣīghah mubālaghah</i>	Kod
1	فَعِلٌ	WL 1
2	فَعَّالٌ	WL 2
3	فَعُولٌ	WL 3
4	مِفْعَالٌ	WL 4
5	فَعِيلٌ	WL 5
6	فَعَالَةٌ	WL 6

Bil	Wazan kata nama <i>ṣīghah mubālaghah</i>	Kod
7	فَعْلٌ	WL 7
8	مَفْعِيلٌ	WL 8
9	فَعَالَةٌ	WL 9
10	فَعْوَلَةٌ	WL 10
11	فَاعِلَةٌ	WL 11
12	فَعَّالَةٌ	WL 12
13	مِفْعَالَةٌ	WL 13
14	فَعَّالٌ	WL 14
15	فِعْعِيلٌ	WL 15
16	فُعْلٌ	WL 16
17	فُعْعِيلٌ	WL 17
18	فَعَّالٌ	WL 18
19	فِعَّالٌ	WL 19
20	فُعَّالَةٌ	WL 20
21	فَاعُورٌ	WL 21

Jumlah wazan 'asliy kata nama *ṣīghah mubālaghah* yang menjadi data kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.34 di atas adalah sebanyak 21 wazan. Menurut Khadījah al-Ḥadīthiy (1965 : 269) kebanyakan tokoh –tokoh ternama linguistik Arab seperti Sībawayh , Ibn Khalawayh , Riḍa'uddin tidak dapat memberi kata putus samada wazan berkenaan adalah *qiyāsiy* atau *samā'iy* . Mereka lebih gemar menggunakan perkataan *kekerapan tinggi* bagi wazan yang didapati lebih

banyak penggunaannya dan *kekerapan rendah* bagi wazan yang kurang didengari . Walau bagaimana pun *majma' lughawiy* (Dewan Bahasa dan Pustaka) telah memutuskan bahawa wazan yang tinggi kekerapannya boleh digunakan secara *qiyās* (Khadījah al-Ḥadīthiy 1965 : 271) .

Jadual 3.35 : Teks wazan 'asliy kata nama *ṣīfat mushabbahah*

Bil	Wazan kata nama <i>ṣīfat mushabbahah</i>	Kod
1	أَفْعَلٌ	WK 1
2	فَعْلَاءٌ	WK 2
3	فَعَلٌ	WK 3
4	فَعْلٌ	WK 4
5	فَعِيلٌ	WK 5
6	فَيْعِلٌ	WK 6
7	فَاعِلٌ	WK 7
8	فَعِيلٌ	WK 8
9	فَعْلَانٌ	WK 9
10	فَعَالٌ	WK 10
11	فَيْعَلٌ	WK 11
12	مَفْعُولٌ	WK 12

Kesemua 12 wazan 'aṣliyy kata nama *ṣīfat mushabbahah* seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.35 di atas diperolehi daripada sumber utama iaitu *al-Kitāb* karangan Sībawayh (m 180 H) , *al-Munṣif* karangan Ibn Jinniy (m 392 H) dan *Sharh Shafīyat* oleh al-Riḍa'uddin(1982 : 142) . Sebahagian wazan tersebut adalah *qiyāsiyy* dan sebahagian yang lain adalah *samā'iy* daripada penutur asli Arab. Wazan yang mempunyai kekerapan yang tinggi akan diberi perhatian sebaliknya wazan yang kekerapannya rendah akan disentuh secara sepintas lalu .

3.2.3 Rasional Data

Wazan mempunyai kaitan dengan pembentukan kata dalam bahasa Arab . Ia berfungsi mengenal pasti kesahihan dan kesalahan satu-satu struktur kata . Menurut Ibn Jinniy (1954a : 4) , keperluan dan kepentingan wazan tidak boleh diabaikan bahkan wajib dipelajari dalam pembelajaran bahasa , kerana menjadi asas kepada proses pembinaan dan pengembangan ayat bahasa Arab . Kata bahasa Arab boleh dibahagi kepada tiga unit utama iaitu kata kerja , kata nama dan partikel . Unit kata yang memerlukan kepada wazan timbangan ialah kata kerja dan kata nama sahaja (Muḥammad 'Abdul Khālid 'Aḍīmat 1962 :31) .

Dari sudut linguistik pula , wazan merupakan mekanisma yang berupaya menentukan kedudukan tanda bacaan bagi setiap perkataan yang ditimbang. Perbezaan antara golongan kata kerja dan kata nama dan makna yang didukung oleh kedua-duanya dapat dikenal pasti dengan tept . Walaupun tiap-tiap satunya ada yang

mempunyai persamaan pada susunan hurufnya , tetapi berlainan pada wazan dan sebutan , malahan mempunyai tanda bacaan dan wazan tersendiri . Tegasnya , tidak mungkin berlaku kekeliruan dan kekaburan antara kata kerja dengan kata nama . Sebagai contoh kata *عَامِلٌ* . Jika dibaca dengan *عَامِلٌ // āmilun //* menjadi kata nama, sebaliknya jika dibaca dengan *عَامِلٌ // āmala //* menjadi kata kerja . Tanda bacaan (الشُّكْلُ) bagi setiap huruf merupakan penanda yang paling penting . Atas alasan ini al-Suyūṭiy (t.t: 330) menegaskan dalam kitabnya *al-Muzhir* dengan katanya :

أَمَّا التَّصْرِيْفُ فَإِنَّ مَنْ فَاتَهُ عِلْمُهُ فَاتَهُ الْمُعْظَمُ لِأَنَّا نَقُولُ : وَجَدَ وَهِيَ كَلِمَةٌ
 مُبْهَمَةٌ فَإِذَا صَرَّفْتَ أَفْصَحْتَ ، فَقُلْتَ فِي الْمَالِ : وَجَدًا وَفِي الضَّالَّةِ :
 وَجَدَانًا وَفِي الْعَضْبِ : مَوْجِدَةً ، وَفِي الْحُزْنِ : وَجْدًا

Adapun Tasrif maka bahawasanya barangsiapa luput ilmunya maka luputlah sebahagian besar (ilmu bahasa) kerana kami katakan : perkataan وَجَدٌ adalah satu perkataan yang kesamaran. Maka apabila kamu tasrifkannya maka kamu akan jelas. Sebabnya kamu kata pada harta : وَجْدًا , kamu kata pada suatu barang yang hilang : وَجْدَانًا , kamu kata pada marah : مَوْجِدَةٌ dan kamu kata pada sedih : وَجْدًا ...

Melalui wazan , setiap huruf asal dalam suatu perkataan dapat dibezakan daripada huruf –huruf imbuhan dengan mudah dan tepat . Susunan huruf kata kerja bahasa Arabnya terbahagi kepada kata kerja *المجرد // al-mujarrad //* dan kata kerja *المزيد // al-mazid //*. Kata kerja *al-mujarrad* adalah kata kerja yang huruf pembentuknya masih asli atau belum mengalami pengimbuhan . Manakala kata kerja *al-mazid* pula adalah kata kerja yang huruf pembentuknya sudah mengalami pengimbuhan satu huruf , dua huruf atau tiga huruf (al-Ḥamalāwiy 1990 : 55) .

Dari sudut morfologi , wazan berperanan membentuk struktur kata menjadi lurus dan huruf yang digugurkan dapat dikenalpasti melalui wazan-wazan tertentu . Ibn Jinniy (ttb : 292) pula menegaskan bahawa proses pengguguran , pertukaran , pengalihan , penyerapan, penyuraian dan asimilasi huruf sering berlaku dalam pembentukan kata bahasa Arab atas pertimbangan morfologi dan fonologi . Ia bertujuan meringgankan sebutan , atau mengelak daripada pertembungan dua harakah *sukūn* . Kewujudan huruf ‘illah (vokal) iaitu الألف // *alīf* //, الواو // *wāw*// dan الياء // *yā*// menyebabkan struktur binaan sesuatu kata tidak seimbang dan bacaan kata menjadi tidak lancar . Pengguguran huruf ‘illah terpaksa dilakukan dalam pembinaan kata kerana sifatnya yang lemah dan tidak boleh menanggung harakah.

Kajian ‘Aliy ‘Abdul Wāhid Wāfiy (1972 : 217) pula berpendapat bahawa setiap satu kata dasar dalam bahasa Arab boleh berkembang kepada beberapa variasi perkataan lain mengikut pola dan makna tersendiri melalui pengimbuhan atau sebaliknya tanpa memerlukan kepada perubahan besar pada bentuk harakah kata dasarnya . Proses pembentukan kata berasaskan wazan merupakan kunci untuk mengelakkan daripada berlaku kesalahan dan kesilapan berkaitan aspek kata dalam pertuturan dan penulisan . Hampir keseluruhan kata yang terdapat dalam bahasa Arab mempunyai wazan-wazan tertentu yang tidak boleh dilanggari (Sharifuddin ‘Aliy al-Rājīhiy , t.t : 8) .

Selain itu , kaedah wazan telah digunakan oleh kebanyakan kamus Arab dalam pencarian makna perkataan . Setiap perkataan perlu dirujuk kepada kata akarnya terlebih dahulu sebelum dapat mencari perkataan dan makna yang dikehendaki (kamus al-Munjid , t.t: h). Penulis –penulis kamus Arab seperti pelupornya al-Khalīl ibn ‘Aḥmad telah menyusun perkataan dalam kamusnya “ *al-‘Ain* “ mengikut susunan huruf asal perkataan (‘Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini 1987 : 93). Kaedah beliau ini diikuti oleh kebanyakan penyusun –penyusun lain kemudiannya . Oleh kerana itu , pencarian makna perkataan dalam kamus tidak akan sempurna tanpa mengenalpasti huruf akar dan imbuhan dalam suatu perkataan melalui kaedah wazan .

Dalam bidang sintaksis pula , ‘Amīn ‘Alīy al-Sayyid (1972 : 8) dalam kajiannya turut menegaskan bahawa wazan juga mempunyai rasionalnya yang tersendiri dan memainkan peranan yang besar dalam membantu penyelidikan sintaksis terutama dalam bidang-bidang berikut :

- a) Pembentukan pola kata kerja pasif (بِنَاءٌ لِلْمَجْهُوْلِ)
- b) Mengenalpasti pola-pola kata kerja *muta‘addī* (الْفِعْلُ الْمُتَعَدِّي) dan kata kerja *lāzim* (الْفِعْلُ اللَّازِم)
- c) *Isnād al-fi‘l ila ḍamā‘ir* (إِسْنَادُ الْفِعْلِ إِلَى الضَّمَائِر) dan perubahan yang berlaku sewaktu proses penggabungan .
- d) Mengenalpasti perubahan yang berlaku sewaktu *isnād al-fi‘l ila nūn taukīd* (تَوْكِيدُ الْفِعْلِ) .

- e) Pembentukan kata *muthanna* , *jamak* dan subjenis –subjenis keduanya .
- f) Pembentukan kata nisbah (النِّسْب).

3.2.4 Unit dan Kategori Analisis

Unit asas teks yang dianalisis ialah wazan kata . Wazan kata yang akan dianalisis terdiri daripada dua kategori iaitu wazan kata kerja dan subgolongannya , wazan kata nama yang mempunyai ciri-ciri kata kerja iaitu wazan kata nama *maṣḍar* dan wazan kata nama *musytaqat* serta subgolongannya . Kedua-dua kategori tersebut mengandungi wazan seperti yang dipaparkan dalam jadual (3.29 hingga 3.34) di atas .

Dalam mendeskripsikan unit-unit tersebut , komponen-komponen yang melatari perubahan kata seperti proses *i‘lāl dan ibdāl* (termasuk pengguguran , penambahan, pengalihan , penukaran ,penyerapan dan penyuraian) penjenisan kata (seperti *sālīm , mahmūz, muḍa‘‘af , mithāl , ajwaf , Nāqīṣ , lafīf maqrūn , lafīf mafrūq*) akan diberi perhatian .

Kategori analisis pula dibentuk seperti berikut :

- a) Analisis pembentukan pola kata kerja Bahasa Arab
- b) Analisis pembentukan pola kata kerja ketika bersambungan dengan *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd* .
- c) Analisis pembentukan pola kata nama *mushtāq*

Ketiga-tiga kategori analisis tersebut didasarkan kepada prinsip *al-Mīzān al-Ṣarfīy* iaitu sebagai مِقيَاسُ // *miqyās* // yang bermaksud satu alat pengukur yang menjadi rujukan utama bagi menentukan kesahihan dan kesalahan setiap kata bahasa Arab . Ketiga-tiga kategori ini dibentuk daripada persoalan-persoalan kajian iaitu ;

- a) Sejauhmanakah ciri-ciri yang ada pada *al- Mīzān al-Ṣarfīy* sehingga ia menjadi rujukan dan mekanisma utama di dalam proses pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab ?
- b) Apakah bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan 'aṣliy dan kata *al-mawzūn* mengikut aras perubahan morfologi ?
- c) Apakah perubahan-perubahan morfologi yang berlaku pada struktur kata kerja bahasa Arab ?

Untuk menentukan kategori analisis , pengklasifikasian pelbagai digunakan . Pengklasifikasian pelbagai bermaksud dalam satu sistem atau unit kata terdapat lebih daripada satu kategori atau subsistem-subsistem di bawahnya .

3.2.5 Analisis Data

Metode ini bertujuan menganalisis fakta-fakta yang telah dikumpul oleh pengkaji. Data-data yang telah diperoleh akan dianalisis secara rapi bagi menghasilkan keputusan yang berotoriti . Untuk mencapai tujuan ini , pengkaji telah menganalisis data tersebut dengan menggunakan metode berikut :

a) Metode Induktif

Metode Induktif ialah cara membuat kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa yang sifatnya khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum . Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam bab 4,5 dan 6 kemudian membuat kesimpulan dalam bab ketujuh. Contohnya, pengkaji menggunakan metode ini untuk membuat kesimpulan bahawa wazan kata kerja telah digunakan dalam proses pembentukan kata kerja bahasa Arab . Dengan ini kesimpulan secara umumnya dapat diputuskan bahawa *al-Mīzān al-Ṣarfīy* merupakan mekanisma utama kepada proses pembentukan kata kerja bahasa Arab .

b) Metode Deduktif

Metode Deduktif pula bermaksud cara menganalisis data-data tersebut secara menyeluruh bagi mendapatkan keputusan bersifat khusus . Dalam kajian ini pengkaji banyak menggunakan metode deduktif dalam bab 4,5 dan 6 kemudian membuat kesimpulan dalam bab ketujuh . Contohnya, ciri-ciri kata kerja dan faktor-faktor

perubahan morfologi dan fonologi telah mempengaruhi struktur kata kerja menyebabkan wujudnya persamaan dan perbezaan antara wazan 'asliy dan kata *al-mawzūn* . Setelah menganalisis secara keseluruhan proses pembentukan kata kerja , pengkaji mendapati bahawa *al-Mīzān al-Ṣarfīy* merupakan kunci kepada proses pembentukan kata kerja dan menentukan kesahihan kata kerja bahasa Arab .

3.2.6 Skema Pengekodaan

Sampel wazan yang dipilih ialah wazan kata kerja dan subgolongannya dan wazan kata nama *mushtāq* yang mempunyai ciri-ciri kata kerja dan subgolongannya . Kesemua wazan berkenaan dikodkan mengikut kategori wazan kata seperti dalam jadual 3.25 hingga 3.30 . Pengekodaan tersebut dibuat untuk kemudahan analisis aspek persamaan dan perbezaan antara wazan 'asliy dan kata *al-mawzūn* . Selain itu bagi memudahkan analisis juga , penjenisan kata *ṣaḥīḥ* (الكلمة الصحيحة) dan kata *mu'tal* (الكلمة المعتلة) mengikut susunan huruf dalam struktur kata bahasa Arab telah digunakan . Tiap-tiap satunya boleh terbahagi kepada beberapa subjenis . Subjenis-subjenis yang dimaksudkan ialah *sāalim* , *mahmūz*, *muda'af* bagi kategori kata *ṣaḥīḥ*, dan *mithāl*, *ajwaf* , *nāqīṣ* , *lafīf maqrūn* , *lafīf mafrūq* bagi kategori kata *mu'tal* (Riḍa'uddin , 1982 : 36) . Dalam konteks ini , pengkaji lebih suka mengistilahkan subjenis- subjenis dalam kategori kata tersebut di atas sebagai “ KOD JK ” bagi menyenangkan pengkaji dalam membuat analisis terhadap pembentukan kata kerja bahasa Arab seperti ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 3.36 : Pengekodan Subjenis Kata Mengikut Susunan Huruf

Bil	Kategori kata	Jenis kata	Kod	
1	Kata Ṣaḥīḥ (JKS 1)	Sālim	JK 1	
2		Mahmūz	JK 2	
3		Muḍa‘‘af	JK 3	
4	Kata Mu‘tal (JKM 2)	Mithāl wāw	JK 4	JK 4 : 1
		Mithāl yā’		JK 4 : 2
5		Ajwaf wāw	JK 5	JK 5 : 1
		Ajwaf yā’		JK 5 : 2
6		Nāqiṣ alif	JK 6	JK 6 : 1
		Nāqiṣ wāw		JK 6 : 2
		Nāqiṣ yā’		JK 6 : 3
7		Lafīf Maqrūn	JK 7	
8	Lafīf Mafrūq	JK 8		

Kesemua sampel wazan dan penjenisan kata dikod secara manual seperti dalam jadual 3.30 hingga 3.36 di atas . Pengekodan dilakukan setelah kesemua teks wazan dan kategori kata ditranskripsikan dan dinomborkan mengikut kronologi susunan huruf kata akar pada wazan dan urutan analisis seperti yang dipaparkan pada bahagian 1 hingga 8 . Contohnya , teks wazan kata kerja *thulāthiy mujarrad* فَعَلَ - يَفْعَلُ - أَفْعَلُ ditanda dengan WK 1 , manakala teks wazan kata kerja *thulāthiy mazīd* اسْتَفْعَلَ - يَسْتَفْعِلُ - اسْتَفْعِلْ pula dengan WK 14 . Oleh yang demikian penjenisan pertama kata daripada WK1 dan WK 14 ditandakan dengan kod bernombor selepas nokhtah bertindih iaitu WK1 : JK 1 dan WK 1 : JK 1 sehinggalah kepada penjenisan terakhir WK 1 : JK 8 dan WK 14 : JK 8 . Untuk memudahkan analisis , setiap teks wazan digarisbawahkan dan transliterasinya ditanda dengan < > dan yang berbentuk *italic* bagi membezakan dengan contoh-contoh kata bahasa Arab yang transliterasinya ditanda dengan // // .

Berdasarkan kod ini, penganalisan dan penghuraian proses-proses pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq* dapat dijalankan dengan mudah dan sistematik berpandukan kepada wazan tiap-tiap kod tersebut . Jika tidak , penentuan dan pepadanan wazan akan menjadi kabur disebabkan pembentukan suatu kata melalui padanan wazan bukan semuanya terjadi secara langsung sebaliknya melalui proses pengguguran, penukaran , pengimbuhan , penggandaan , pengalihan harakah dan sebagainya (‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 22).

3.2.7 Tatacara Analisis

Data yang diperolehi dianalisis secara berurutan . Pengkaji telah menyusun penulisan ini secara sistematik mengikut susunan sebuah tesis yang telah digariskan di dalam Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam ,Universiti Malaya 2006 .

Dalam mendeskripsikan pembentukan kata kerja ini , proses-proses perubahan pada struktur kata seperti pengguguran , penambahan , pengalihan , penukaran , penyerapan dan penyuraian telah digunakan . Walau bagaimanapun ,oleh sebab proses ini amat kompleks , maka pembentukan setiap golongan kata kerja dibuat secara berasingan berdasarkan pembahagian wazan dan kod JK kata kerja .

Langkah-langkah yang dilakukan adalah membaca dengan teliti sumber data berupa buku morfologi Arab, menandai data dan memasukkannya ke dalam instrumen pemandu berdasarkan klasifikasi data yang terdapat dalam instrumen pemandu, mengklasifikasikan wazan bagi setiap kata berdasarkan sistem kala dan penjenisan kata (kod JK).

Kata kerja *mujarrad* dan kata kerja *mazīd* serta subgolongannya akan dianalisis dalam satu bab dan bab seterusnya diikuti kata kerja yang bergandengan dengan *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd*. Manakala kata nama *mushtaq* dibincang dalam bab yang lain .

3.3 PENUTUP

Bahagian pertama bab ini telah membincangkan aspek-aspek teori *al-Mizān al-Ṣarfīy* pembentukan kata, kata kerja, kata nama, *ḍamā'ir* dan *isytiqāq*. Bahagian kedua pula telah membincangkan metode kajian, data kajian, rasional data, unit dan kategori analisis, analisis data, skema pengekodan dan tatacara analisis yang digunakan dalam metodologi kajian ini.

